

**Bil. 4**

**Khamis  
23 Disember 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## **KANDUNGAN**

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 (Ruangan 1)  
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999 (Ruangan 45)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negera dan Pembangunan Masyarakat,  
Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’  
Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad  
(Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S.  
(Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin  
Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu  
Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah  
Khamisyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh  
bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald  
Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon  
Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin  
Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan  
Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan  
Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R.  
Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan  
Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan  
Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P.,  
A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan  
Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

“ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)

“ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

“ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulau)

“ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

“ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

“ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)

“ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)

“ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)

“ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

“ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

Yang Berhormat Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)



Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S.,  
S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala  
Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N.,  
P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

- Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak,  
P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M.,  
(Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N.,  
P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)

**Yang Berhormat Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)**

- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N  
(Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul  
Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M.,  
K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk  
Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji  
Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M.,  
D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

*Ketua Penolong Setiausaha*

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha*

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 Disember 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT**

10.03 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai segala urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah sebuah usul seperti yang telah dibacakan tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN****(PINDAAN) (NO. 2) 1999****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” [22 Disember 1999]

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung ucapan.

10.05 pagi.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:**  
Minta pandangan, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya baca baru satu para, sama ada saya hendak ulang balik atau sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh ulang balik.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, selepas ini disebut Akta 53 bagi membolehkan pelaksanaan keputusan Belanjawan 1999 mengenai perubahan sistem taksiran cukai pendapatan daripada Sistem Taksiran Rasmi (STR) kepada Sistem Taksiran Sendiri (STS). STS adalah sistem percukaian berdasarkan konsep, dengan izin, paid self-assess and file.

Memandangkan pertukaran kepada taksiran sendiri akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kategori pembayar cukai bermula dengan syarikat dalam tahun 2001 maka peruntukan baru ini adalah bertujuan untuk dipakai hanya kepada syarikat dan ini adalah satu tambahan kepada peruntukan sedia ada kepada syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin huraikan perkara-perkara penting dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda Seksyen 77 bagi menetapkan tempoh sesebuah syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata iaitu umumnya dalam tempoh enam bulan dari tarikh syarikat menutup akaunnya. Borang nyata itu hendaklah mengemukakan antara lain pengiraan cukai yang perlu dibayar. Seksyen ini juga dipinda bagi membenarkan syarikat mengemukakan borang nyata pendapatan secara elektronik. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda Seksyen 80 bagi memudahkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk menjalankan tugasnya secara berkesan. Melalui pindaan ini penghuni rumah bangunan atau tanah dikehendaki memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk memasuki harta berkenaan. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 4, bertujuan meminda Seksyen 90 supaya satu taksiran dibuat sendiri oleh syarikat itu boleh dianggap sebagai satu taksiran rasmi yang dibuat oleh Ketua Pengarah pada hari borang nyata pendapatan itu dikemukakan. Selanjutnya penyampaian borang nyata pendapatan oleh syarikat juga dianggap sebagai notis taksiran yang telah diserahkan oleh Ketua Pengarah kepada syarikat itu pada hari yang sama taksiran dibuat. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 5, 6, 7 dan 8 adalah pindaan-pindaan berbangkit ke atas Seksyen 93, 96, 96A dan 103. Kesemua pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 9, bertujuan memasukkan Seksyen 103A yang akan terpakai oleh syarikat sahaja. Ini menentukan tanggungjawab syarikat untuk membayar cukai, tempoh-tempoh masanya ia dikenakan dibayar serta denda-denda yang berkaitan kelewatan membayarnya. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 10, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 106 ekoran daripada Seksyen baru 103A di atas yang diperkenalkan bagi mengambil kira kenaikan cukai yang dikenakan apabila tindakan sivil memungut cukai syarikat dijalankan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 11, adalah juga pindaan berbangkit ke atas Seksyen 107B ekoran daripada pewujudan peruntukan khas skim ansuran untuk syarikat. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 12, bertujuan memasukkan Seksyen 107C yang baru yang menetapkan tempoh pengemukakan anggaran cukai perlu dibayar, cara pelaksanaan skim ansuran pembayaran dan juga denda yang akan dikenakan berikutan daripada kegagalan memenuhi pengemukakan dan juga skim ansuran yang ditentukan. Kegagalan ini kecuali Seksyen

107C(3) akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 2001. Subseksyen 107C(3) pula akan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 2002.

Fasal 13, ada pindaan berbangkit ekoran daripada pindaan Seksyen 77 bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil ke atas syarikat yang gagal mengemukakan borang nyata pendapatan dalam masa yang ditetapkan. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 14, bertujuan meminda Seksyen 114 supaya orang yang membantu atau memberi nasihat dalam penyediaan borang nyata pendapatan juga adalah bertanggungjawab ke atas penyata tanggungan cukai yang kurang dari sepatutnya dan boleh dihukum kecuali dibuktikan bahawa bantuan atau nasihat tersebut telah diberi dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 15, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 116 berkaitan pindaan kepada Subseksyen 80, di samping itu Seksyen 116 juga meminda jumlah denda dari jumlah maksimum RM4,000 kepada jumlah minimum RM1,000 dan maksimum RM10,000. Pindaan ini akan berkuatkuasa 1 Januari 2000.

Fasal 16, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 120 berkaitan kemasukan Seksyen 107C yang baru dan seterusnya memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah supaya orang yang disabitkan itu mengemukakan anggaran cukai yang perlu dibayar dan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 17, adalah peruntukan khas yang diperkenalkan ekoran daripada pertukaran dari sistem taksiran rasmi kepada sistem taksiran sendiri yang mana di bawah sistem taksiran rasmi tiada anggaran cukai perlu dikemukakan. Oleh kerana tiada asas yang mana anggaran cukai bagi tahun taksiran 2001 disandarkan, peruntukan ini disediakan khusus untuk taksiran 2001. Peruntukan jumlah minimum mengikut Seksyen 107C(3) hanya boleh berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

10.11 pagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan yang serba sedih sedikit kerana apabila saya baca semua yang terkandung di dalam rang undang-undang ini maka ini merupakan satu kerumitan dan sistem ini pun dilaksanakan di beberapa negara, di Indonesia, Thailand, Taiwan, Pakistan dan juga kalau tidak silap saya dua tahun yang lepas telah pun dilaksanakan di United Kingdom. Kerajaan sudah pun memberitahu beberapa tahun yang lepas bahawa percukaian sedemikian iaitu sistem penaksiran sendiri (self-assessment) akan dilaksanakan. Tetapi hampir satu dekad baru sahaja kita dapat melaksanakannya. Mungkin kerana United Kingdom tidak melaksanakan maka kita tidak dapat melaksanakannya. Itulah di dalam negara Komanwel kita masih menghormati kepada United Kingdom, kalau United Kingdom tidak melaksanakan kita tidak akan melaksanakan. Itulah sikap Kerajaan Barisan Nasional yang dari segi percukaian ini tidak begitu rasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita berpendapat bahawa struktur percukaian memanglah hendak diubahsuai untuk mengurangkan beban cukai terhadap golongan



berpendapat sederhana yang dikenakan cukai pendapatan. Memandangkan kenaikan kos hidup sejak pindaan diadakan kita memang mesti mengkaji setakat mana kita boleh memberi pengecualian cukai daripada membayar cukai pendapatan. Kita sudah pun mencadangkan supaya pengecualian cukai ditingkatkan kepada RM2,000 bagi seseorang.

Walau bagaimanapun, memandangkan pindaan ini hanya untuk syarikat pada peringkat yang pertama akan dikuatkuasakan pada tahun 2001, di sini memang nampaknya langkah yang diambil oleh pihak Barisan Nasional ialah untuk melaksanakan sistem taksiran sendiri diadakan pada tahun 2001 dan kemudian dari peringkat ke peringkat, dari syarikat kepada *sole proprietorship* dan *partnership* dan kemudian pada tahun 2004 kepada individu. Itulah saya diberitahu bahawa di pihak kementerian sedang berusaha untuk melaksanakan sistem yang baru ini.

Walau bagaimanapun, setelah saya membaca beberapa kali saya pun tidak begitu faham. Saya tidak tahulah sama ada Timbalan Menteri pun faham apa yang terkandung di dalamnya. Misalnya, Fasal 2(b) "*(1A) Every company shall for each year of assessment furnish to the Director General a return in the prescribed form within six months from the date following the close of the accounting period which constitutes the basis period for the year of assessment.*

*(1B) Notwithstanding subsection (1A), where there is a change in the accounting period of a company such that the accounts are not closed on any date in a year, that company shall furnish a return in the prescribed form for that year and the year of assessment in which the accounts are closed within six months from the date following the close of the accounting period."*

Tuan Yang di-Pertua, yang rumitnya ialah kerana kita ada satu tahun. Misalnya tahun 1999 dikecualikan cukai tetapi sebenarnya tidak kerana setiap individu perlu membayar cukai kena bayar cukai juga. Tetapi di kawasan-kawasan tertentu kalau tidak silap saya di Sabah dan Sarawak mereka sudah bayar dahulu kemudian satu tahun dikecualikan dari bayar cukai. Bukan kerana tidak bayar cukai tetapi sudah bayar cukai. Saya tidak anggap Kerajaan Barisan Nasional begitu murah hati tidak mahu kutip cukai langsung. Apabila mereka membentangkan belanjawan pada dua tahun yang lepas seolah-olah mereka begitu bermurah hati untuk mengecualikan cukai. Tetapi ini silap taksiran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya bukan hendak panjang tetapi hendak tanya pandangan Kepong, sebab kalau saya tanya panjang dia berjerebu. Cerita ini Menteri Kewangan sendiri sudah beri penjelasan dahulu. Semasa kita mengadakan perubahan sistem ini Menteri Kewangan sudah memberi penjelasan, bukan Sabah dan Sarawak tidak membayar cukai tetapi telah membayar cukai. Ini yang dia repeat statement Kementerian Kewangan panjang buang masa sahaja ini. Kalau tidak ada benda lain minta tolonglah Yang Berhormat, biar sahaja, Tambun hendak bercakap. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apakah penjelasan yang dia minta, saya pun tidak begitu faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta Yang Berhormat jangan bercakap, dia kata.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta saya cakap, saya pun cakap juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bercakap. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi, baik kita adakan satu kursus untuk Yang Berhormat, seperti Batang Lupa supaya dia pun faham apa yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar tidak begitu faham, semua orang pun berasa rumit mengenai percukaian seperti ini, saya mencadangkan supaya kita ada satu jawatankuasa khas untuk publisiti, untuk pendidikan yang lengkap bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen bahkan kepada orang ramai, kerana dengan kerumitan ini memang kita mestilah menjermihkan apa yang keruhnya. Walhal kementerian sendiri pun keruh juga, tidak begitu jernih juga.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ialah kita adakan satu jawatankuasa untuk selama empat-lima tahun ini untuk beri penerangan, buat rancangan untuk setiap negeri, setiap bandar, kita berikan maklumat yang lengkap supaya sistem taksiran sendiri ini dapat difaham oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa dengan adanya sistem ini dan borang yang akan dikeluarkan ini disebutkan sebagai lebih mudah untuk diisi kerana tiap-tiap orang termasuk saya enggan atau susah payah hendak mengisi atau menyempurnakan borang terutamanya borang pendapatan dan borang pentafsiran tiap-tiap tahun. Sebelum ini kita isi borang untuk tahun yang lepas dan sekarang ia hendak tukar ke tahun ini sahaja 'pay as you earn'. 'Pay as you earn' itulah yang disebutkan dan borang itu mestilah kita jadikan borang yang termudah sekali untuk diisi. Tuan Yang di-Pertua pun pernah isikan borang taksiran untuk Lembaga Hasil Dalam Negara dan kita nampak di dalam, oh! Susah hendak kita isi. Dan saya mencadangkan supaya kita buat borang itu lebih mudah, lebih simple seperti sekarang inilah borang penamaan calon sekarang tu lebih mudah kalau dibandingkan dengan 10 tahun yang lepas dan ini satu arah yang betul. Begitu juga kita cadangkan supaya borang untuk taksiran percukaian ini dibuat dengan simple supaya semua orang dapat faham.

Dan selepas itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian menganggap kalau kita beri seseorang itu sama ada syarikat atau *partnership* atau *sole proprietorship* ataupun secara individu bila mereka buat taksiran sendirinya maka ini boleh kurangkan kerja yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negara. Mereka tidak payah menggunakan kakitangan dengan banyak hanya penaksiran-penaksiran tertentu sahaja, kita boleh kurangkan bilangan penaksir juga untuk hal ini. Saya pun tidak tahu bila kita buat cara ini dengan seseorang itu membuat taksiran sendiri sama ada mereka akan mengemukakan taksiran yang membayangkan keadaan yang sebenarnya. Tetapi nampaknya dia cepat hendak kenakan *penalty* dan denda kalau tidak kita tidak tulus ikhlas untuk membuat taksiran sendiri ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mencadangkan suatu jawatankuasa khas untuk publisiti untuk pendidikan untuk menerangkan dengan lebih baik, lebih berkesan untuk semua lapisan masyarakat bahkan juga saya mencadangkan apabila pihak Lembaga menggunakan komputer kita memberi kemudahan yang lebih kepada setiap syarikat, setiap individu, kita keluarkan butiran secara komputer ini dengan cepat supaya setiap orang yang datang ke Lembaga dapat maklumat yang lengkap. Kerana maklumlah Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat taksiran kita mesti dapat butiran dari tahun yang lepas juga untuk rujukan dan sebagainya. Setakat ini yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga itu sangat lambat, sangat lambat, ini memang satu perkara yang perlu ditelaah, pihak Lembaga perlu menelaah perkara ini supaya setiap butiran yang diminta oleh pihak pembayar cukai dapat dikeluarkan dengan cepat terutamanya butiran komputer ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu nampaknya masalah seperti inilah fasal ke 4. Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 90, Akta 53

(1A) Where a company has furnished a return under section 77(1A) to the Director General for a year of assessment, the Director General shall be deemed to have made, on the day on which the return is furnished, an assessment in respect of that company in the amount of tax on the chargeable income, the tax

*and the chargeable income being the respective amounts as specified in the return."*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham, apa yang disebutkan di dalam seksyen 19 Pindaan ini dan bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenainya dan daripada segi kakitangan bolehkah Yang Berhormat sebutkan apabila dilaksanakan sistem taksiran sendiri ini, adakah pihak Lembaga akan kurangkan kakitangannya di dalam Jabatannya sebab kalau ikut tafsiran ataupun pendapat sesetengah orang bahawa bilangan kakitangan yang diperlukan tidak begitu banyaklah dengan sistem yang baru ini dan saya berharap pihak Timbalan Menteri dapat menjawab sama ada kurangkan bilangan kakitangan yang terdapat sekarang di Lembaga Hasil Dalam Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan adanya sistem yang baru ini mengenai *'adjusted losses'* - *'the treatment of adjusted losses'* dengan tafsiran sekarang daripada tahun yang lepas kepada tahun kini dan memang ada wujud masalah kerugian dan sebagainya *'adjusted losses'*. Bagaimanakah pihak kementerian akan menguruskan hal ini adakah *'adjusted losses'* ini akan dikecualikan *'will these adjusted losses be waived'*. Sebelum itu, dengan izin, *against all income before any excess can be carried forward to the subsequent year*.

Tuan Yang di-Pertua, hasil ini memang termasuklah sewa *royalty, employment* dan hasil daripada perniagaan dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan sama ada dengan *'adjusted losses'* ini apakah cadangan pihak kementerian untuk menguruskan hal seumpama ini.

Mengenai pengecualian cukai pendapatan, bolehkah Yang Berhormat terangkan sekali lagi sebab saya pun masih tidak begitu faham mengenai, dengan izin, *the move to waived tax on income earned in 1999 to ensure that tax payers would not be paying tax twice in one year for the switch in tax assessment from the presiding year to current year basis from 2000*. Apakah langkah-langkah yang baru yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menerangkan kepada semua pembayar cukai kerana secara individualnya lebih 2.5 bilion orang yang membayar cukai di negara ini. Dan di dalam 2.5 juta orang pembayar cukai ini memang kebanyakannya tidak begitu faham apakah pengecualian yang telah saya sebutkan tersebut dan untuk maksud pengecualian cukai pendapatan ini bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai erti penakrifan mengenai *'derived income'*, untuk maksud pengecualian kerana semua ini rumit. Bagi saya pun rumit, bagi Tuan Yang di-Pertua pun rumit termasuk Barisan Nasional. Ada setengah-setengah seperti Rompin ini berpura-pura memahami rang undang-undang ini.

Erti *'derived income'* untuk ditafsirkan, untuk dikecualikan setengahnya dan kemudian mengenai *dividend income*. Kerana pendapatan dividen ini tidak dikecualikan pada tahun 1999 dan adakah pihak kementerian akan mengenakan *marginal tax rates* kepada *dividend income* ini. *Marginal tax rates* pun saya tidak begitu faham juga lah, kita mesti mengakui kelemahan kita untuk memahami sistem percukaian yang ada sekarang ini dan saya memintalah pihak kementerian dapat menerangkan mengenai cara untuk menguruskan *dividend income* yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak meminta Yang Berhormat menerangkan dengan adanya sistem yang baru ini, pada tahun 2000 apakah dianggarkan cukai yang akan dikutip, semua jenis cukailah, termasuk yang dikecualikan tahun 1999, untuk tahun 2000 dan juga untuk tahun 1999, apakah amount cukai yang dikutip dan dianggarkan akan dikutip pada tahun yang depan. Kerana dengan tahun peralihan ini memang wujud banyak masalah, banyak kemusykilan sehingga menjejaskan kutipan cukai kita termasuk orang yang tidak faham, termasuk sayalah yang tidak faham. Saya mengakui tidak seperti Rompin, tidak faham pun dia kata faham juga.

Tuan Yang di-Pertua, [*Disampuk*] saya memang habis, habis dah, hendak habis dah dan cuma sekali lagi saya tekankan pihak kementerian mengadakan satu jawatankuasa seperti mana yang telah saya sebutkan tadi untuk memberi penerangan yang lengkap kepada semua pihak di dalam negara kita ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepang.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mukadimah saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana terpilih sekali lagi sebagai Yang di Pertua Dewan Rakyat dan juga kepada semua Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang menang dalam pilihan raya ke-10 baru-baru ini dan kita semua berjaya menguasai 2/3 daripada kerusi Dewan Rakyat walau pun kita terpaksa berdepan dengan berbagai-bagai tohmohan, pembohongan dan penipuan pihak pembangkang yang terlalu ghairah untuk berkuasa sehingga baru-baru ini pada hari pertama di Dewan yang mulia telah mewujudkan suasana yang kecoh dan memalukan yang juga turut disertai oleh Yang Berhormat wanita pihak pembangkang yang sepatutnya berhemah dan menunjukkan kematangan mereka kepada hadirin yang turut serta berada di Dewan yang mulia ini...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, keluar tajuk.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** ....inilah dia sikap sebenar pihak pembangkang. Cakap tidak serupa bikin. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, cakap berkenaan dengan tajuk.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Membahaskan Rang undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana membentangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999, bagi membolehkan pelaksanaan perubahan sistem taksiran cukai pendapatan daripada taksiran rasmi kepada sistem taksiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada fasal 12 rang undang-undang ini yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 107C ke dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan tempoh pengemukaan anggaran cukai yang perlu dibayar, cara pelaksanaan skim ansuran pembayaran dan juga denda yang akan dikenakan sekiranya gagal memenuhi tempoh pengemukaan dan juga skim ansuran yang ditentukan.

Kedua, fasal 16 rang undang-undang ini di bawah seksyen 120 yang memberi mahkamah kuasa untuk selanjutnya memerintah seseorang yang disabit atau suatu kesalahan di bawah seksyen 120(1). Dari segi pelaksanaan pindaan ini, saya merasakan ianya agak tidak *business friendly*, dengan izin atau mesra perniagaan daripada beberapa segi. Pertama, mengikut seksyen 107C(3) sesebuah syarikat tidak dibenarkan membuat anggaran cukai yang lebih rendah daripada anggaran yang dikaji semula atau tahun taksiran yang sebelumnya. Tidak dapat dinafikan terdapat sesetengah kes yang *genuine*, dengan izin, kerugian tidak dapat dielakkan atas sebab-sebab yang tertentu. Saya bagi contoh umpamanya jika sesebuah syarikat pemaju perumahan telah menyiapkan projek mereka pada tahun sebelumnya dan projek seterusnya akan hanya dilancarkan pada penghujung tahun taksiran dan syarikat ini tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain. Dalam hal ini, sudah tentu syarikat tersebut tidak akan dapat menandingi pendapatan pada tahun sebelumnya. Justeru syarikat terlibat akan melaporkan sama ada kerugian atau pendapatan yang jauh lebih rendah pada tahun semasa. Mengikut pindaan ini taksiran yang rendah tidak akan diterima dan mengikut seksyen 107C(7) pula, pindaan sesuatu anggaran hanya dibenarkan dalam bulan ke enam dalam tahun taksiran semasa.

Kita semua sedar bahawa setiap syarikat perniagaan ditubuhkan semata-mata untuk mencari keuntungan. Jika syarikat ini membuat keuntungan di luar dari jangkaan dalam setengah tahun yang kedua dalam tahun taksiran dengan lebih keuntungan yang

melebihi 30% dari anggaran yang dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negara. Mengikut seksyen 107C(10) pula, akan menyebabkan syarikat-syarikat ini dikenakan pendekatan cukai sebanyak 10% daripada lebihan itu secara automatik walaupun pendapatan ini adalah hasil dari luar jangkaan hasil mereka. Secara tidak langsung, tindakan ini seolah-olah tidak menggalakkan syarikat mempertingkatkan keuntungan dalam sesuatu tahun taksiran.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peristiwa di dalam dunia peniagaan di tahun-tahun kebelakangan ini telah mempamerkan bahawa keuntungan tidak hanya didapati daripada peniagaan yang dikenal pasti. Kadangkala disebabkan oleh faktor-faktor luaran, prestasi peniagaan boleh meningkat atau sebaliknya. Oleh itu, anggaran bayaran cukai harus dilihat dari perspektif yang lebih praktikal sebagai *indicator*, dengan izin, dan bukan sebagai komitmen syarikat yang perlu ditepati.

Justeru itu saya ingin mencadangkan pertama, walaupun pertukaran ini telah diteliti dan bertujuan untuk mewujudkan sistem yang lebih tersusun dan teratur yang dapat meningkatkan kecekapan kutipan cukai di negara kita, saya percaya masih ada ruang untuk terus dipertingkatkan. Saya ingin mencadangkan syarikat dibenarkan mengamalkan pengamatan yang berpatutan ataupun *with reasonable care*, dengan izin, dan jangka masa pindaan perlu diberi sedikit kelonggaran asalkan pindaan dibuat sebelum tarikh taksiran bagi tahun berkenaan, tarikh tutup taksiran tahun berkenaan. Hanya kepada syarikat yang didapati tidak mengamalkan prinsip ini boleh dikenakan denda di atas anggaran yang begitu rendah berbanding dengan cukai sepatutnya dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, konsep *reasonable care*, dengan izin, ini sudah pun diperkenalkan dalam pindaan kepada sekeken 114 Akta Cukai Pendapatan yang terdapat dalam rang undang-undang ini berkaitan dengan penasihat cukai.

Kedua, pindaan kepada anggaran harus dibenarkan bagi membolehkan syarikat untuk mempamerkan keuntungan sebenar berbanding *focus*, dengan izin, oleh yang demikian bayaran cukai adalah di atas keuntungan atau pendapatan sebenar dan bukan hanya berdasarkan atas anggaran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mohon menyokong.

11.01 pagi.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi izin kepada saya buat pertama kalinya berucap secara pokok di atas perbahasan yang berlaku selama empat hari, hari ini. Saya menganggap bahawa tajuk berkenaan dengan cukai ini adalah amat penting kerana jika kita sedar khususnya bagi Ahli Yang Berhormat yang baru, cukai dan Parlimen adalah dua perkara yang mempunyai hubungan yang amat erat.

Kalau kita lihat sejarah Parlimen moden ini bermula, United Kingdom lebih kurang 1,000 tahun yang lalu, ianya ada kaitan yang amat rapat dengan soal cukai. Orang-orang di United Kingdom ketika itu membantah tindakan raja mereka untuk mengenakan dan menekankan dan menambah cukai-cukai dan rakyat ketika itu melalui pemimpin-pemimpin mereka mendesak bahawa jika ada raja ingin kepada peruntukan kewangan yang baru, maka mereka mesti berbincang dengan pemimpin-pemimpin dan daripada itulah wujudnya Parlimen di England, yang mana kita pada hari ini mengikuti cara mereka itu. Oleh sebab itu, maka hal-hal kewangan seperti ini perlu dibincang dalam Parlimen seperti yang kita ada ini.

Ini membawa saya kepada satu peristiwa yang berlaku dalam negara kita yang mana saya baca dalam satu laporan akhbar iaitu akhbar *The Star* bertarikh 14 Disember 1999, yang bertajuk *Malaysia Said To Have Reduced Gold Reserved*. "*Malaysia is believed to have slash its gold reserved this year as part of a long term policy of reducing its holdings and not as a sudden change of policy. International Monetary Fund's data showed Malaysian gold reserved fell from 2.34 million ounces on June and July to 1.17 million ounces or about 36 tons in August. Bank Negara declined to comment on the data. Malaysia has been reducing its gold reserved for sometime certainly since 1980s. Gold has largely lost its monetary value and earns very little luster*", dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkembangan yang amat mengejutkan kerana menurunnya rizab emas oleh Bank Negara dengan kadar yang begitu besar, yang mana *spot gold was quoted at US\$279 an ounces* dan yang dijual ini *1.17 million ounces*, maknanya nilai *gold reserved* kita yang dijual oleh Bank Negara mungkin bernilai berpuluh-puluh bilion juta ringgit dan ini tidak dimaklumkan kepada Parlimen, walhal Parlimen ini tugas utamanya daripada asal lagi ialah untuk menjaga kewangan negara supaya wang negara dilakukan dengan cara yang betul dan baik. [Tepuk]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya Yang Berhormat bagi Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Alhamdulillah, kita mendengar .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....Yang Berhormat bagi Tumpat bercakap. Dia merujuk kepada Parlimen U.K. Alhamdulillah, menunjukkan bahawa PAS merujuk kepada konvensyen yang ada dan minta juga kalau dari segi...bukan sahaja kita menyebut konvensyen-konvensyen yang ada seperti di United Kingdom tetapi elok juga kita mengikut konvensyen-konvensyen yang ada. Janganlah seperti dahulu masa kita hendak mula Dewan yang mulia ini.

Penjelasan saya mohon, mungkin Yang Berhormat tadi berkata tentang jumlah rizab dalam emas (*gold*) tetapi sudah menjadi satu perkara yang biasa rizab kita itu bertukar dari jenis emas ditukar kepada bentuk-bentuk yang lain. Apabila sesuatu rizab – apabila rizab emas itu dijual, tidak bermakna jumlah rizab kita jatuh. Yang sebenarnya jumlah rizab kita meningkat. Betul ya Yang Berhormat Timbalan Menteri – saya nampak ini satu gambaran yang hendak cuba diberi kononnya rizab kita menurun. Tidak rizab kita meningkat.

Persoalannya itu pertimbangan Bank Negara dan kerajaan untuk menukar *contents of the reserved* daripada *gold* dan juga kepada aset-aset yang lain. Saya minta penjelasan Yang Berhormat atau bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang jumlah rizab negara kita, adakah ia menurun atau meningkat?

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Penjelasan, Yang Berhormat bagi Rompin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, beri dia jawab yang ini dahulu, ya.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Saya sekadar ingin menyatakan bahawa saya bersetuju dengan pandangan beliau berkaitan dengan kita mempelajari dan mengikut konvensyen dari mana-mana tradisi sekalipun dan saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Rompin bahawa *convention walk out* ini adalah konvensyen yang juga dilakukan di negara-negara yang lain [Tepuk] termasuk United Kingdom.....

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Jeli bangun Yang Berhormat di belakang.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** .....berkenaan dengan *gold reserved* itu yang pentingnya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Menteri-menteri yang hadir pada sidang Parlimen pada hari ini. [*Sorak*]

Sebelum itu saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat bagi Tumpat [*Ketawa*] apakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun 1997 mengikut maklumat daripada *Asia Week*, hutang luar negara berjumlah USD17,000 juta tetapi maklumat yang terkini belum lagi mengambil kira wang yang akan dipinjam daripada skim USD60 bilion, dengan izin, *package* Jepun dan juga USD700 juta baki Bank Dunia hutang negara hampir RM200 juta. Sila jelaskan, terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli, yang saya ingin saya bangkitkan di sini ialah betapa pentingnya maklumat-maklumat kewangan negara sama ada berkaitan dengan pinjaman luar, pinjaman dalam dan juga yang berkaitan dengan rizab negara dalam apa bentuk sekalipun. Jika ada perubahan-perubahan yang besar adalah elok dan baik jika Parlimen dimaklumkan tentang pergolakan dan perubahan-perubahan itu. Terima kasih.

Parlimen juga dari segi ini membincangkan berkaitan dengan soal cukai pendapatan dan sebagaimana yang kita tahu cukai pendapatan mempunyai peranan yang amat penting dalam negara kita ini. Jika pihak Kementerian Kewangan berjaya misalnya memperolehi cukai pendapatan yang besar, maka ianya memberikan kepada kerajaan peluang untuk melakukan projek-projek dan bantuan-bantuan kepada rakyat dengan cara yang lebih banyak. Oleh sebab itu, cukai pendapatan dan cukai juga mestilah digunakan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat untuk mewujudkan perseimbangan kekayaan ekonomi di kalangan masyarakat, maka saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk menyeru kepada pihak kerajaan supaya memastikan hasil daripada cukai-cukai pendapatan yang diperolehi itu ianya digunakan untuk memastikan bahawa seluruh negara Malaysia ini dapat menikmati daripada kutipan cukai tersebut. Janganlah didiskriminasikan mana-mana negeri dan wilayah sekalipun, sama ada negeri-negeri di wilayah Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak ataupun juga di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu.

Ini adalah harapan kita dan kita harap benarlah supaya ianya tidak hanya ditumpukan kepada masalah air di Selangor misalnya dan tidak kepada masalah-masalah air yang terdapat di negeri yang lain yang mana baca dalam akhbar pagi ini, di Dewan Undangan Negeri Johor juga dibangkitkan masalah krisis air yang agaknya amat teruk yang sedang juga berlaku di beberapa tempat di Johor sendiri yang mengeksport airnya ke negara lain iaitu Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan masalah cukai ini adalah amat penting dan saya mengalu-alukan bahawa kerajaan dan Kementerian Kewangan membentangkan rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai ini. Cukai ini begitu penting dan sentiasa bergolak keadaannya. Begitu jugalah kalau di peringkat Persekutuan kita berhasrat untuk meminda Akta Cukai Pendapatan kali ini, di negeri-negeri juga ada cadangan-cadangan untuk meminda akta cukai mereka. Dalam semua segi ini saya menyeru supaya kita mempunyai sikap yang terbuka seperti contohnya, kalau negeri Terengganu misalnya, ingin mencadangkan cukai yang bernama '*Kharaj*' misalnya, kita

berilah pertimbangan sebagaimana yang kita beri juga pertimbangan kepada cadangan untuk meminda akta cukai yang dibentangkan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui oleh kerana badan yang mengutip cukai ini amat penting, maka ianya telah dinaikkan taraf dan diberikan kuasa yang lebih besar daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri, ianya telah bertukar menjadi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Di pihak Barisan Alternatif kita mengalu-alukan perubahan ini, kita mengharapkan bahawa dengan kuasa yang lebih besar ianya dapat bergerak dan berjalan dengan lebih efisien lagi, menggunakan kuasa dan kedudukan yang ada padanya tidak seperti yang berlaku dalam kes-kes agensi kerajaan dan sebagainya yang apabila mempunyai kuasa tidak menggunakannya untuk kebaikan, kepentingan rakyat seluruhnya seperti contoh Suruhanjaya Pilihan Raya yang nampaknya tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan jelas dalam kes-kes yang tertentu telah bertindak dengan cara yang memihak kepada pihak parti kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa cukai pendapatan ini meliputi semua kakitangan kerajaan kebanyakannya membayar cukai, rakyat kebanyakannya membayar cukai, syarikat-syarikat juga membayar cukai. Jadi, konsep bahawa rakyat membayar cukai ini mestilah juga kita fahami, juga membawa erti bahawa sebagai pembayar cukai, rakyat mempunyai hak-hak dan kebebasan-kebebasan tertentu. Walaupun, rakyat itu adalah kakitangan-kakitangan kerajaan. Oleh kerana mereka adalah pembayar cukai, maka mereka berhak kepada menggunakan kedudukan mereka sebagai rakyat terutamanya dari segi misalnya bidang politik.

Dengan kesempatan ini saya ingin merayu kepada pihak ahli-ahli pemimpin Barisan Nasional supaya tidak menekan pegawai-pegawai kerajaan dari segi minat politik mereka, mirip politik mereka dan janganlah menghasut ataupun mengugut untuk menghukum orang-orang yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan yang tidak menyokong parti-parti yang lain selain daripada Barisan Nasional, sebab mereka ini adalah pembayar cukai dan oleh sebab mereka pembayar cukai, .....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** .....maka mereka berhak untuk menyokong mana-mana parti sekalipun, sekadar dan setakat tidak melanggar kerja mereka sebagai pegawai kerajaan. Sila Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya hendak meminta sedikit penjelasan mengenai tindakan atau cadangan yang dicadangkan kepada kakitangan kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika mana-mana kakitangan Kumpulan A khasnya tidak dibenarkan berpolitik di bawah Perintah Am Kerajaan. Adakah mereka ini patut diambil tindakan tatatertib sekiranya mereka menyokong mana-mana parti.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, saya bermaksud untuk mengatakan bahawa secara umumnya ahli-ahli yang menjadi pegawai kerajaan mana peringkat sekalipun berhak untuk secara bebas menunjuk sokongan dan mengundi kepada mana-mana parti politik. Kalau ada syarat-syarat tertentu kerajaan seperti pegawai *Division 1* tidak boleh terlibat dalam parti politik secara aktif, itu sudah mestinya dipatuhi oleh pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat. Apa yang kita tidak mahu ialah apa yang dilaporkan dalam akhbar *Utusan Melayu* dua hari yang lalu, yang mana bertajuk "*Tindakan Terhadap Kakitangan KEMAS Belor*", kalau dibacakan .....

**Datuk Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Datuk Haji Kamarudin bin Jaffar:** Silakan Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Dato' Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikut perdebatan sahabat saya dengan penuh minat kerana paling akhir sekali beliau memberi satu perspektif baru terhadap kebebasan iaitu satu perspektif bahawa kebebasan harus diberikan oleh kerana semata-mata kita pembayar cukai ataupun *tax payer*, dengan izin. Adakah itu sahaja syarat-syarat yang membebaskan seseorang untuk bergerak khususnya dalam politik dengan izin, *as long as we are tax payer*, maka kita boleh menggunakan kebebasan itu dengan secara totalnya?

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu tidak ada kebebasan mutlak dalam mana-mana sistem sekalipun dan saya tidak sekali-kali menyarankan konsep tersebut. Saya sekadar ingin menarik perhatian kepada laporan yang terdapat dalam akhbar yang mengatakan bahawa Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan mengambil tindakan tegas terhadap kakitangannya yang didapati belot membantu pembangkang pada pilihan raya lalu. Ini adalah suatu kenyataan yang amat serius, yang mana menunjukkan bahawa kerajaan menggunakan kedudukan sebagai kerajaan untuk meneken pegawai-pegawai kerajaan, yang saya tahu pegawai-pegawai KEMAS ini bukan Kumpulan *Division 1* tetapi lebih rendah daripada itu, dianggap sebagai pembelot jika mereka tidak membantu Barisan Nasional dan membantu parti-parti yang lain. *[Tepuk]*

Ini yang kita bimbang dan kita harap tidak lagi diulangi dengan cara yang sebegitu oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itulah dalam kaitan yang sama kita amat bimbang dan sedih bahawa kerajaan menggunakan hasil-hasil daripada sumber cukai ini hanya untuk kepentingan parti kerajaan sahaja seperti nampaknya merupakan amalan baru Kementerian Penerangan yang mana radio, televisyen dan alat-alat siaran lain digunakan bukan sekadar untuk menghebahkan program kerajaan yang *genuine*, dengan izin, tetapi nampaknya akhir-akhir ini memberikan tayangan secara langsung kepada program-program khusus parti UMNO ataupun Barisan Nasional.

**Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** .....oleh sebab itulah kita menganggap bahawa .....

**Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob:** Sekiranya Yang Berhormat memikirkan parti PAS hendak menukar cara itu, tunggulah parti itu berkuasa kelak. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Insya-Allah, jika parti PAS dan Barisan Alternatif berkuasa sebagai kerajaan yang adil kita memberi liputan kepada semua parti politik *[Tepuk]* termasuklah parti Barisan Nasional sebagai parti pembangkang ketika itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi khusus kepada .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini satu kenyataan politik Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya mulanya agak tertarik juga dengan hujah-hujah Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat mengambilkan satu contoh dan rangkum semua sekali. Di Terengganu baru-baru ini, belum lagi angkat sumpah, sudah tahan – block Jabatan Kerajaan di Terengganu. Lepas itu semua balai raya hendak tukar pengunaannya,

*[Disampuk]* tukar Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini entah apa lagi yang hendak ditukar oleh Terengganu? Ini cagak tidak serupa bikin, cagak memancing undi. *[Tepuk]* Yang Berhormat dahulu pun daripada sini juga. Apabila Yang Berhormat di sini dahulu, itu Yang Berhormat buat juga. Ini apabila sudah memihak ke sana, sudah lain pula riak dan rentaknya. *[Ketawa]* *[Tepuk]*

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Saya rasa tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan PAS baru di Terengganu itu adalah demi kepentingan rakyat kerana rakyat telah sebegitu lama mendapati bahawa apa yang mereka hadapi di negeri Terengganu itu adalah menekan mereka seperti dikenakan bayaran tol *[Tepuk]* bagi sebuah jambatan dalam negeri yang kononnya mempunyai kekayaan yang begitu besar hasil daripada royalti minyak negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara khusus ingin melihat kepada .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Boleh saya bertanya? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju bahawa Kerajaan Terengganu menghargai pembayar cukai sebab itulah Kerajaan Terengganu baru-baru ini meluluskan iaitu, mana-mana pegawai kerajaan yang meminjam tanpa dikenakan interest untuk membeli kereta dan membeli rumah. Apakah Kerajaan Persekutuan yang kaya bersedia untuk mengikut langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Terengganu memberi pinjaman tanpa membayar *interest* dan rumah dan memberi cuti dua hari kepada pegawai-pegawai kerajaan hasil daripada kerja penat lelah mereka membantu menegakkan sistem kerajaan? Apakah Kerajaan Barisan Nasional berani buat, macam Kerajaan Terengganu buat?

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Saya menganggap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu sebagai suatu penilaian yang baik, hanya memerintah negeri Terengganu selama dua, tiga minggu sahaja perubahan-perubahan yang begitu drastik ke arah kebaikan dan ke arah kesejahteraan rakyat telah dilakukan. Amat sesuai di bulan yang baik dan di bulan Ramadhan Al-Mubarak ini jika pihak Barisan Nasional mengambil perhatian tentang pergolakan-pergolakan yang begitu baik dan menarik yang sedang berlaku di negeri Terengganu itu.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Yang Berhormat, saya minta laluan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** .....Tuan Yang di-Pertua, saya pergi secara khusus, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Arau berdiri.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah tiga kali bangun hendak meminta laluan. Saya amat tertarik dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi tetapi saya rasa sebahagiannya adalah dalam usaha untuk memancing undi dan memenangi hati rakyat. Adakah Yang Berhormat hendak menafikan bahawa kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan, selama 42 tahun kita memerintah, kita melihat perubahan-perubahan yang begitu hebat berlaku di Malaysia. Adakah Yang Berhormat hendak menafikan semua kejayaan ini dengan menimbulkan tohmahan-tohmahan Yang Berhormat sebutkan tadi sedangkan Kerajaan Terengganu baru sahaja hendak memerintah beberapa hari, kita belum lihat lagi kejayaannya.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Arau. Sudah tentu kita menerima apa yang baik dan sudah tentu peranan kita untuk menegur apa yang tidak baik dalam apa-apa sekalipun sistem politik yang ada dalam negara kita ini. Itulah juga harapan kita di pihak Barisan Alternatif supaya pihak Barisan Nasional juga menilai tindakan kita dan jangan menuduh semata-mata perbuatan kita sebagai semuanya salah. Lihatlah tindakan-tindakan kita juga seperti *walk-out* itu adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip kita tertentu dan jangan semena-mena menuduh bahawa kita ini bertindak seperti samseng dan sebagainya. Gunakanlah istilah-istilah yang lebih baik dan nilailah perbuatan dan tindakan pihak Barisan Alternatif ini sebagai perbuatan dan tindakan yang juga berasaskan kepada prinsip-prinsip termasuklah prinsip menghormati Perlembagaan sebagaimana yang dituntut. Kalau tidak daripada sumber-sumber lain, daripada sumber Barisan Nasional dan kerajaan sendiri iaitu yang terdapat dalam Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya saya melihat kepada kertas rang undang-undang ini, muka surat 3 yang mengatakan dan mengizinkan supaya digunakan cara komputer dan elektronik. Ini adalah satu perkembangan yang amat baik dan kita mengharapkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya dengan cepat menggunakan IT sepenuhnya supaya ianya boleh dilakukan dalam kutipan cukai dengan cara yang efisien dan janganlah proses IT ini diperlambat-lambatkan seperti yang berlaku dalam kes Suruhanjaya Pilihan Raya yang mana sistem ITnya tidak dapat mendaftarkan pemilih-pemilih baru dalam masa hampir setahun masih belum dapat mendaftarkan pemilih-pemilih baru untuk mengundi dalam pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 5, saya melihat kepada seksyen baru 103(a) yang mana 103A(4) yang berbunyi:

*"where any tax due and payable under subsection (2) has not been paid by the due date, so much of the tax as is unpaid...."*

Ini berkaitan dengan perkara mendenda 10% dan kemudiannya 5% dan sebagainya. Saya menerima cadangan ini. Saya juga sekadar ingin mencadangkan kalau kita meniru konsep bank yang mempunyai konsep Non Performing Loan (NPL), dengan izin, bolehkah atau tidak pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri melihat kepada syarikat-syarikat yang gagal membayar cukai meneliti keadaan syarikat-syarikat tersebut dan jika perlu dibantu syarikat-syarikat tersebut – diberikan bantuan sama ada melalui jabatan-jabatan di bawah Bank Negara ataupun di bawah Kementerian Kewangan sendiri. Sebab biasanya syarikat-syarikat yang gagal membayar cukai, biasanya juga gagal membayar sumbangan-sumbangan KWSP (EPF) dan juga kepada SOCSO. Ini akan memberikan kerumitan dan menyulitkan pekerja-pekerja, malah kadangkala gaji pun tidak dibayar.

Oleh sebab itu, selain daripada mendenda syarikat-syarikat berkenaan dengan tambahan 10% dan kemudiannya 5%, mungkin juga ada baiknya supaya pihak Bank Negara ataupun kementerian sendiri meneliti syarikat-syarikat yang tidak dapat membayar cukai-cukai pada masa-masa yang ditentukan ini. Begitu juga jika pihak Bank Negara atau kerajaan mendapati bahawa syarikat-syarikat ini sengaja tidak membayar cukai kerana masalah-masalah yang disengajakan. Saya juga ingin mencadangkan supaya senarai syarikat ini diumumkan supaya diketahui ramai yang syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang tidak menurut undang-undang dan enggan membayar cukai walaupun syarikat-syarikat itu berkeadaan agak baik dan mampu membayar cukai.

Di muka 7:

*"(11) Notwithstanding the foregoing subsections, where tax due....."*  
dan sebagainya, *"....the Director General may in his discretion for any good cause shown remit the whole or any part of that sum and, where the amount remitted has been paid, the Director General shall repay the same."*

Ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengurangkan ataupun menarik balik denda cukai kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, saya rasa ini adalah satu kuasa yang biasa ada kepada ketua-ketua jabatan. Sekadar kita ingin merayu supaya kuasa ini digunakan sebaik-baiknya dengan memberikan pertimbangan kepada semua syarikat dan tidak menitikberatkan ataupun mengutamakan hanya syarikat-syarikat yang tertentu yang mempunyai hubungan-hubungan yang tertentu dengan pihak-pihak yang tertentu sahaja.

Di muka surat ke-10, Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 114 yang menyebut berkaitan menjadi kesalahan bagi "*Any person who assists in, or advises with respect to, the preparation of any return....*" dan seterusnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak Kementerian Kewangan supaya juga menilai dan menimbang bagaimana hendak memastikan perjalanan baik profesion *accounting* dalam negara kita sebab saya fikir ini biasanya melibatkan para akauntan syarikat-syarikat yang memberikan atau membantu dalam penyediaan laporan kewangan syarikat-syarikat, maka dalam kesempatan ini mungkin pihak kementerian ingin sekali lagi menilai dan memantau perjalanan profesion *accounting* dalam negara kita ini supaya taraf profesionalisme syarikat-syarikat *accounting* dalam negara ini sentiasa meningkat sesuai dengan perkembangan ekonomi dan kewangan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah hujah-hujah yang saya ada untuk perbahasan rang undang-undang ini. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun.

11.13 pagi.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Antara lain yang utamanya adalah meminta supaya syarikat mengemukakan tafsiran dalam tempoh enam bulan daripada tarikh syarikat itu menutup akaunnya serta membolehkan syarikat mengemukakan penyata secara elektronik. Saya berpendapat dengan pindaan tersebut maka kita boleh mewujudkan suasana yang efisien dari segi kutipan cukai. Saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan tersebut.

Terlebih dahulu sebagaimana kita sedia maklum bahawa cukai merupakan faktor utama dalam dasar Belanjawan Negara iaitu ia duduk di sebelah hasil pendapatan Persekutuan. Hasil cukai mempunyai hubungan erat dengan hasil pendapatan negara di mana apabila hasil cukai meningkat maka hasil pendapatan negara juga turut meningkat di mana dapat dilihat pada tahun 1997, hasil pendapatan negara sebanyak RM65.7 bilion, 1998 sebanyak RM56.7 bilion, 1999 sebanyak RM56.6 bilion dan dijangkakan pada tahun 2000 sebanyak RM59.9 bilion. Kita dapati terdapat penurunan hasil pendapatan negara selepas tahun 1997 kepada RM56 bilion dan mula meningkat dan dijangkakan meningkat kepada RM59.9 pada tahun 2000. Ini adalah akibat daripada turun naik hasil cukai yang diperolehi oleh kerajaan.

Perkara yang ingin saya bincangkan di sini adalah, pertama, dari segi kadar cukai yang dikenakan kepada sektor korporat. Saya membuat perbandingan dengan negara Singapura dan Hong Kong, negara kita mengenakan cukai korporat sebanyak 28%, manakala Singapura 26% dan Hong Kong 15%. Saya ingin memberi pandangan terutama dalam proses pemulihan ekonomi, tidakkah boleh negara kita mengamalkan sistem cukai yang lebih liberal dari sudut kita mengurangkan kadar cukai korporat kepada yang setara dengan negara Singapura, umpamanya iaitu sebanyak 26%. Saya memberi pandangan ini berasaskan kepada beberapa kajian. Saya dapati di beberapa negara maju semasa ekonomi meleset di dalam proses pemulihan, negara-negara berkenaan memperkenalkan rang undang-undang yang dipanggil, dengan izin, Economic Recovery Tax Act (ERTA) yang

menstruktur semula dasar cukai dengan menurunkan kadar cukai korporat dan juga cukai individu. Ini bertujuan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi.

Saya lihat bahawa dengan penurunan kadar cukai, ia tidak bermakna bahawa hasil cukai pendapatan akan kurang. Di sini soalnya sama ada kita hendak memungut cukai yang banyak berasaskan kepada *margin* ataupun kadar cukai ataupun kepada *volume* ataupun *tax base* ataupun *income base* yang lebih besar lagi. Saya berpendapat apabila kadar cukai diturunkan, ini akan melibatkan peningkatan pelaburan dan aktiviti-aktiviti pelaburan dan aktiviti ekonomi, dengan itu akan merangsang dan merencanakan pertumbuhan ekonomi. Seperti mana syarikat-syarikat banyak mengalami kerugian terutama pada tahun 1997 dan 1998 dengan meningkat atau merencanakan pembangunan ekonomi tersebut, saya percaya akan menghasilkan suasana di mana syarikat-syarikat akan membuat keuntungan yang besar. Dengan yang demikian, kita mempunyai *tax base* ataupun *income base* yang lebih besar. Walaupun margin turun daripada 28% kepada 26% tetapi kita boleh mendapat keuntungan daripada *tax base* ataupun *income base* yang lebih besar lagi.

Kedua, saya ingin memberi pandangan bahawa dari segi kita mengurangkan cukai ini, kita boleh membuat secara *across the board*, bermakna sekali kita kurangkan terus kepada 26%. Di samping itu, saya berpendapat bahawa bagi sektor-sektor tertentu kita perlu mengadakan sistem yang selektif di mana mungkin kita kurangkan ataupun tidak dikenakan terus cukai. Umpamanya, dari segi negara kita inginkan untuk meningkatkan aktiviti sektor pertanian. Sekarang kita berhadapan dengan masalah daging yang berkurangan. Saya difahamkan bahawa dari segi daging lembu, negara kita adalah nett importer sebanyak 60% daripada keperluan negara kita. Untuk kita berjaya dalam sektor ini kita perlu melibatkan syarikat-syarikat korporat dan syarikat korporat tentunya tidak berminat kerana pendapatan serta risiko yang dihadapi dalam bidang ini begitu tinggi, padahal syarikat-syarikat korporat mempunyai kesempatan yang lebih meluas. Umpamanya, syarikat-syarikat perladangan, mempunyai ladang yang begitu besar. Oleh kerana insentif yang tidak banyak dalam sektor tersebut dengan risiko yang tinggi, maka syarikat-syarikat korporat tidak berminat, umpamanya ternakan lembu dari segi dalam kandungan 9 bulan dan kemudian akan disembelih antara umur 2 hingga 2½ tahun. Jadi, satu jangka waktu yang begitu panjang – *gestation period* yang panjang untuk satu syarikat memperolehi keuntungan dan berisiko dari segi penyakit dan sebagainya.

Saya berpendapat dengan kita menggunakan sistem cukai secara selektif akan menggalakkan sektor korporat terutama syarikat-syarikat perladangan untuk terlibat dalam bidang tersebut. Saya mendapati banyak syarikat perladangan yang sekarang sudah mula untuk berjinak dengan bidang ternakan ini tetapi sekarang ini yang terlibat lebih kepada syarikat korporat yang dimiliki oleh kerajaan atas hasrat kerajaan untuk merealisasikan matlamat supaya kita tidak mengimport banyak barang makanan di negara kita. Di samping itu, kita sedia maklum bahawa untuk menjalankan aktiviti ternakan memerlukan pelbagai keperluan-keperluan, dari segi kos, teknikal *know-how*, dan sebagainya yang akan melibatkan wang yang begitu banyak.

Saya juga ingin menyentuh tentang satu perkara yang saya anggap begitu serius dan penting diambil tindakan dari sudut untuk kita meningkatkan hasil pendapatan cukai. Saya membuat penyelidikan dan mendapati bahawa salah satu isu yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan ialah dari segi masalah melarikan cukai (*tax deviation*). Saya mendapat maklumat dari penyelidikan saya bahawa *tax deviation* ini atau dari segi terminologi yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah cukai kebelakangan. Dari segi cukai kebelakangan satu tahun kerajaan dapat memungut antara RM400 juta hingga RM500 juta. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini lebih kurang RM2 bilion telah dipungut.

Apa yang berlaku ialah syarikat-syarikat apabila mengisytiharkan pendapatan tidak mengisytiharkan pendapatan penuh, lalu Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan

penguatkuasaan dengan melakukan penyiasatan ke atas penyata yang dihantar – berasaskan dokumen, di samping itu membuat penyiasatan secara fizikal – pergi ke syarikat-syarikat, pergi membuat penyiasatan dan sebagainya dan hasil daripada kerja-kerja itulah bahawa pendapatan cukai kebelakangan sebanyak RM400 juta hingga RM500 juta diperolehi setahun selama 5 tahun kebelakangan.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini bahawa saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya, pertama, diberikan perhatian serius kepada perkara ini dan kedua, menambahkan bilangan kakitangan yang terlibat dalam penguatkuasaan bagi tujuan ini dan ciri-ciri utama yang diperlukan mesti diberi latihan yang sempurna dan di samping itu mesti amanah untuk menjalankan tugas ini. Berasaskan kepada penyelidikan saya bahawa terdapat kekurangan kakitangan untuk tujuan menjalankan kerja-kerja tersebut dan saya dapat bayangkan jikalau mendapat kakitangan yang mencukupi tentu lebih banyak lagi hasil pendapatan yang dipanggil sebagai cukai kebelakangan yang dapat dipungut.

Di samping itu saya berpendapat bahawa sudah tiba waktunya kerajaan kita lebih bersikap menyelidik dan mengkaji. Saya baca beberapa dokumen di negara-negara lain. Kerajaan menekankan kepada penyelidikan dan kajian, dari segi cukai umpamanya, ada sektor dalam kerajaan yang membuat kajian dan penyelidikan terutama untuk mengetahui dari segi masalah *tax gap*. *Tax gap* ini yang dimaksudkan dari segi potensi cukai yang patut dikutip berapakah jumlahnya dan yang kita perolehi berapa jumlahnya, jadi dia tahu *tax gap* begitu. Dengan adanya satu *bench marking potential* hasil pendapatan yang patut diperolehi dengan yang diperolehi *relishable* hasil pendapatan ini ada *tax gap*, maka ini menjadi dorongan kepada pihak yang mengutip cukai untuk berusaha meningkatkan efisiensi supaya kita dapat mencapai tahap pungutan cukai maksimum.

Saya berpendapat bahawa kita patut ke arah itu supaya pertama, kita dapat tahu berapa ramaiakah ataupun berapa banyak dari segi quantum nilai cukai di mana pembayar cukai lari daripada membayar cukai tersebut.

Saya juga ingin memberi pendapat bahawa kita sekarang patut mewujudkan masyarakat yang membayar cukai, kita wujudkan *tax compliance society*, maknanya membayar cukai ini tidak perlu atas arahan dari kerajaan, ia datang secara *voluntary* untuk membuat pembayaran. Dengan itu saya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu mengadakan kempen bagi mewujudkan *voluntary tax compliance* kerana jika ini dapat berlaku ia mempunyai satu *multiplier effect* yang begitu besar, pertama, hasil cukai meningkat yang langsung menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan negara. Dengan meningkatkan hasil pendapatan negara, belanjawan negara boleh meningkat, pembangunan infrastruktur, pembiayaan biasiswa dan sebagainya akan meningkat dan ini menguntungkan masyarakat secara menyeluruh dan di samping itu kerajaan juga boleh mengkaji semula untuk menurunkan kadar cukai dan akhirnya ia akan menguntungkan semua pihak.

Saya berpendapat tidak patut sebagai rakyat Malaysia yang mendapat kemakmuran negara ini tidak mahu membayar cukai. Jadi, saya berpendapat, kempen ini harus dilakukan, kempen *tax compliance society* agar satu masa nanti kita akan dapat mencapai tahap *tax compliance society* 100% ataupun hampir kepada itu, ini dapat kita capai dan penggunaan cukai ini akan dapat dilakukan untuk belanjawan negara nanti.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan enam bulan yang dinyatakan oleh rang undang-undang ini supaya syarikat mesti mematuhi syarat enam bulan ini. Saya pernah membangkitkan perkara ini, saya hanya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada ada membuat atau tidak perbincangan dengan Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA) dan Malaysian Institute of Accountants (MIA) kerana saya berpegang kepada pendirian, tempoh enam bulan ini bukan mudah untuk dipenuhi.

Saya berbalik kepada *time schedule*, Tuan Yang di-Pertua, syarikat menutup akaun pada 31 Disember dan biasanya akan memakan masa satu atau dua bulan untuk tutup akaun pada 31 Disember kerana ada *transaction* yang perlu dibereskan dalam sebulan atau dua bulan. Kemudian *auditor* akan masuk membuat audit secepat-cepat bulan Februari atau Mac dan kalau melibatkan *transaction* yang besar bagi syarikat-syarikat yang besar, yang banyak *transaction*, memakan masa tiga bulan untuk membuat audit kerana audit ini *vouching secara documents*, kalau dia kata *invois* sekurang-kurangnya 7% of *total invoice*, makna kalau ada *invois* sebanyak berapa puluh ribu, kalau 7% sudah cukup banyak.

Jadi, tiga bulan, dua bulan campur tiga bulan sudah lima bulan, kemudian *auditor* akan menghantar *draft accounts* kepada syarikat bersama dengan komen, dan komen ini mesti dijawab oleh syarikat, katalah satu bulan, dia sudah jadi enam bulan. Dan kemudian penyata ini mesti dibawa kepada mesyuarat agung untuk kelulusan, baru ia sah untuk dihantar kepada mana-mana pihak termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi, saya berpendapat *timing* ini begitu pendek. Jadi, kita tidak mahu mewujudkan satu rang undang-undang yang kita harap mewujudkan sistem yang begitu efisien yang kita hasratkan, tetapi dari segi kebenarannya tidak boleh dilaksanakan oleh syarikat-syarikat.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah perbincangan telah dilakukan dengan MACPA dan MIA sama ada ini boleh dijalankan supaya hasrat yang terkandung dalam rang undang-undang ini dapat dilaksanakan.

Akhir sekali, ini satu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan syarikat-syarikat yang mempunyai *gestation period* yang lama, macam *housing developer*, projek siap dalam tempoh tiga atau empat tahun. Bagaimana dengan syarikat-syarikat begini, adakah mesti mengisytiharkan penyata pada setiap tahun, kerana dalam sistem *accounting* kita, kita mengiktiraf pendapatan bukan berdasarkan *cash basis*, kita berdasarkan *accrual basis*, makna *accrual income*. Bermakna kalau satu projek perumahan siap dalam tempoh tiga tahun, *cash flow*nya sudah bermula pada tempoh enam bulan yang pertama dan seterusnya sampai tiga tahun, *cash flow* ini belum dianggap sebagai *income*, kerana sistem *accrual* kita tadi, bermakna setelah selesai projek perumahan dalam tempoh dua atau tiga tahun baru dianggap sebagai pendapatan di atas prinsip *accrual* tadi.

Jadi, bagaimana dengan syarikat-syarikat begini dalam menghadapi situasi rang undang-undang yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar.

11.26 pagi

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang pagi ini berminat mendengar perbincangan berhubung dengan pindaan rang undang-undang ini. Yang pertama tadi yang saya minat sangat bukan Keponglah, Kepong itu bercerabu sahaja. Yang pertama tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat sedikit sahaja berhubung dengan rang undang-undang ini, yang banyak ialah *political rhetoric*. Dan yang kedua, kita dengar Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, penuh dengan persoalan-persoalan cukai dan sebagainya dan tidak ada langsung *political rhetoric*, jadi amat berkesan dan amat membina sekali perbincangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Tambun itu.

Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat, saya pun banyak belajar mendengar cerita ini. Jadi, saya berharap siapa yang belum faham soalan tax, dengar betul-betul ataupun baca *Hansard* itu nanti supaya kita faham soalan tax.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan dua, tiga perkara secara menyeluruhnya. Kalau kita lihat, saya juga menyokong soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun iaitu persoalan *corporate tax* yang pada kita sebut tadi 76%, Hong Kong – 15%. Kalau kita lihat negara kita dahulu dalam masa tiga, empat tahun yang lalu, yang mana kita menjadi *competitive edge* kita ialah oleh kerana *labour cost* kita murah dan bermacam infrastruktur kita baik dan sebagainya. Tetapi sekarang persaingan kita dengan negara-negara di South America, di Indo China, Vietnam, Cambodia dan sebagainya, jadi *labour cost* jauh lebih murah, bermakna *competitive edge* Malaysia sudah menumpul oleh kerana itu.

Jadi, untuk memberi satu insentif yang lain, sepatutnya kita melihat dari segi *volume taxable income* daripada melihat *margin* daripada *taxable income* sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun. Di samping saya menyokong perkara ini, kita juga patut melihat iaitu soalan dividen dan royalti yang mengalir keluar daripada negara kita, kerana ini sepatutnya kita lihat supaya jangan syarikat-syarikat yang datang melabur ke negara kita ini menggunakan dividen dan royalti ini mengalirkan wang dari sistem kewangan kita keluar kepada negara mereka sendiri dan negara kita selepas itu telah memberi semua kemudahan, semua insentif kepada mereka, mereka sahaja yang meraih keuntungan dan sebagainya.

Ini kita kena melihat, kerana pada tahun 1960 hingga 70-an di negara South Amerika, banyak negara yang mana *giant* daripada Amerika telah melabur dan apabila negara itu mengalami satu masalah ekonomi pada akhir tahun 70-an, banyak penulis mengatakan yakni kelemahan daripada pungutan keuntungan kepada negara ialah oleh kerana dividen dan royalti yang dibawa balik oleh syarikat-syarikat besar seperti GM, Volkswagen dan sebagainya keluar daripada negara South Africa kerana Amerika itu telah tidak mendatangkan hasil langsung kepada negara tersebut.

Apa yang dapat memberi kemudahan, tanah dan juga mendatangkan kos iaitu kepada *labour cost* yang murah tetapi kepada kerajaan itu sendiri hasilnya telah tidak dapat dinikmati. Jadi, di samping kita memberi insentif yang banyak kepada syarikat yang datang melabur ke negara kita ini, kita juga melihat supaya kita tidak di *taken for a ride*, dengan izin, dengan dividen dan royalti yang mengalir keluar begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat IRD ini memang satu jabatan yang *very efficient*, begitu efisien sekali bahkan semua undang-undang telah diberi kepada mereka oleh kerana hasil daripada pungutan ataupun pekerjaan mereka ini mendatangkan hasil yang besar kepada kerajaan. Begitulah kerajaan boleh mentadbirkan negara dan memberikan keuntungan balik kepada kerajaan. Itulah maka undang-undang yang diberi kepada IRD ataupun lembaga ini begitu kuat dan begitu keras sekali.

Tetapi dalam masa yang sama, saya juga ingin mengulangkan perkataan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun itu tadi, kerana saya mempunyai pengalaman sendiri juga melihat kadang-kadang pihak yang mengusahakan *tax return* ataupun laporan cukai ini tidak boleh menyiapkan kerja mereka dalam masa yang begitu singkat, terutama sekali kalau syarikat itu syarikat yang *complex* daripada segi perusahaannya. Jadi kalau ini tidak boleh dibuat, dengan sendirinya syarikat ini akan menjadi satu bebanan tambahan.

Di samping itu juga, kalau dia telah mendapat satu *assessment* dan tidak dibayar dalam masa dan di tempat yang ditetapkan, ia lagi dikenakan lagi 10%, 5% dan sebagainya. Ini bukan sahaja telah membebankan syarikat dan mungkin akan membebankan syarikat dan juga individu yang berkenaan. Kalau mereka yang berkemampuan membayar cukai ini dan denda yang telah ditetapkan, mungkin tidak menjadi satu masalah, tetapi pandanganlah kalau bebanan dan pembayaran cukai ini dibebankan kepada seseorang individu ataupun syarikat-syarikat yang kecil ataupun pengusaha ataupun individu yang tidak berkemampuan, malangnya sekali masalahnya tidak berbangkit.



Saya menyebut perkara ini dengan memberi misalan saya sendiri, mungkin tahun 1999 mendapat pendapatan yang besar dan tahun 2001 pendapatan yang jauh lebih kecil, ini saya sebutkan masa dahulu, semasa saya menjadi pengamal undang-undang, saya mendapat pendapatan yang jauh lebih besar daripada apa yang saya terima sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Jadi, pada tahun 1992, 1993, saya mendapat *tax assessment* saya pada tahun 1988 dan 1989 bertambah. Jadi, semua *gratuity* yang saya terima pada tahun 1995 semua habis bayar tax sahaja, sebab saya tidak mampu hendak bayar kerana pendapatan daripada Ahli Parlimen ini bukannya besar sangat. Jadi, oleh kerana saya terlambat bayar, hukuman sentiasa dibuat oleh pihak Lembaga, walaupun dalam masa itu saya masih mempertikaikan cara dan sistem untuk mereka mengira apa yang dikesualikan, pendapatan daripada saya, saya masih mempertikaikan, tetapi pada masa yang sama saya berbincang dengan mereka tetapi saya masih dikenakan caj ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian ini saya berpendapat ketegasan ini dan *leeway* patut diberi kepada Ketua Pengarah supaya mempertimbangkan perkara ini kerana perkara ini memang berlaku bukan sahaja kepada saya sebagai misalan, mungkin beribu-ribu pembayar cukai yang lain mungkin terkena perkara yang sama.

Saya memuji kecekapan mereka dalam membuat perkara yang demikian tetapi dalam perkara yang lain pula, sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, *tax compliance society*, kalau kita melihat orang yang banyak membayar cukai di negara kita ini ialah orang yang menerima gaji tetap seperti pekerja-pekerja dalam kerajaan, pekerja-pekerja dalam syarikat dan sebagainya, *monthly paid workers* ataupun orang yang menerima gaji tetap daripada kerajaan ataupun syarikat.

Mereka inilah yang membayar cukai kepada kerajaan dan syarikat-syarikat jugalah. Tetapi kalau kita melihat keseluruhannya, orang yang jual cendol, orang yang jual kacang dan gerai *hawkers*, pendapatan mereka mungkin sepuluh kali ganda daripada pendapatan daripada pegawai-pegawai kerajaan walaupun mereka menggunakan, kata orang Sarawak pakai seluar 'sumbu', pakai baju 'Pagoda', tetapi pendapatan mereka jauh lebih baik daripada pegawai eksekutif di jabatan kerajaan, mungkin juga di syarikat-syarikat.

Sebagai satu misalan, seorang penjual ais kacang, saya pernah beli dari bapanya dahulu semasa saya bersekolah, sekarang anaknya sudah ambil alih kerjanya, penjual ais kacang ini mempunyai empat buah kedai, empat tingkat di Kuching. Dia terus bekerja gunakan seluar pendek dan gunakan baju T, kalau tanya dengan pegawai eksekutif kita yang gaji RM5,000 ini siapa yang ada kedai empat biji kedai, tak ada pun, beli rumah pun susah kerana bayar cukai sudah berapa banyak, potong terus dan sebagainya.

Jadi, orang ini yang bekerja seperti itu, tetapi dia tidak membayar cukai, perkara ini pernah kita bangkitkan empat, lima tahun yang lepas dan kita pernah tahu juga pegawai-pegawai daripada pihak jabatan cukai pada ketika itu, pergi ke gerai-gerai dan ke kedai-kedai, ke mana-mana tempat *hawkers* dan sebagainya untuk mencari cukai daripada mereka ini, membuat *assessment* dan penilaian mereka sendiri, hendak kira berapa banyak mi dia jual, berapa banyak kacang, cendol dia jual, berapa banyak ais dia jual dalam masa sejam sahaja, lepas itu buat penilaian sendiri berapa pendapatan mereka ini, ini pernah dibuat.

Jadi, alhamdulillah, mungkin, saya tidak tahulah, saya tidak mendapat laporan daripada jabatan tersebut mengatakan apakah hasil daripada tindakan-tindakan yang sedemikian, tetapi tindakan sedemikian sepatutnya diteruskan supaya *society* kita mengetahui iaitu kalau kita berusaha sebagaimana pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai syarikat yang berkhidmat dengan masyarakat itu juga perlu membayar cukai, tetapi mereka yang membuatkan satu usaha, bahkan tidak terlibat langsung sama ada

jabatan negara kita ini maju, negara kita ini baik, selamat ataupun sebagainya, mereka tidak bayar cukai. Jadi, ini dari segi keadilan ia memang tidak setaraflah, ada perbezaan sedikit.

Jadi, saya berharap pihak Lembaga Cukai ini membuat satu penilaian baru supaya masyarakat keseluruhannya, bukan kita mengatakan kita ini bukan *business not friendly* ataupun sebagainya – bukan, tujuan kita biarlah masyarakat Malaysia ini kalau yang patut membayar cukai mesti membayar cukai sama ada ia berusaha sendiri ataupun ia bekerja dengan kerajaan atau bekerja dengan syarikat, kalau ia patut membayar cukai, ia mesti membayar cukai dan tidak payah masuk ke dalam penjara dan dihukum, ditangkap polis dan sebagainya, *created* dalam mentaliti kita iaitu ini mengikut undang-undang ini sepatutnya menjadi tujuan yang utama kita supaya menjadi manusia yang berguna kepada negara dan kepada kerajaan.

Jadi, saya berharaplah kecekapan itu janganlah ditumpukan kepada orang yang menerima gaji setiap bulan itu sahaja, kecekapan itu ditumpukan juga kepada pengusaha kecil-kecilan dan besar-besaran yang mungkin mendapat sepuluh kali ganda lebih baik daripada Ahli Dewan Rakyat sepatutnya dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sistem yang ada pada kita sekarang ini, iaitu sistem yang ingin kita wujudkan ini ialah pembayaran secara *current*. Jadi saya percaya ini mendatangkan hasil kepada kerajaan oleh kerana dahulu kita membayar secara kredit, bermakna setahun kebelakang, sekarang kita hendak bayar, hari ini cukai terus dibayar pada tahun yang sama. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, macam itulah juga kalau kita simpan duit di bank, simpan duit di bank satu tahun kalau tidak simpan di bank satu tahun bermakna kita kurang faedah satu tahun.

Jadi, saya ingin hendak bertanya dengan pihak kementerian berapakah keuntungan yang akan didapati daripada sistem yang lama dengan sistem yang baru ini, walaupun orang yang membayar cukai itu sama, umpamanya kalau saya bayar tax RM1,000 setahun, tetapi saya dibolehkan membayar tahun ini pada tahun baru, tentu kerajaan rugi sedikit tak simpan duit dalam bank, tetapi kalau saya membayar tahun ini juga pendapatan saya jadi bermaknanya kerajaan akan dapat faedah yang awal.

Jadi, saya hendak bertanya berapakah *projection* pendapatan hasil daripada sistem yang baru kita *introduce* ini. Jadi, dalam kita mengkajikan sistem yang baru ini, saya juga menafikan cakap daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong tadi yang mengatakan kita ini terlambat, kata dia United Kingdom telah *introduce* dua tahun yang lepas, selepas itu kita lihat United Kingdom *introduce* baru kita hendak *introduce* sistem yang sama di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong membuat satu imbasan yang mana Kerajaan Barisan Nasional ini hanya pandai jadi Pak Turut sahaja. Kita masih dijelajah oleh Great Britain - mentaliti kita. Tetapi saya menafi sekeras-kerasnya ini. Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menjadi Pak Turut dan tidak pernah mempunyai....

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan. Tuan Yang di-Pertua, jika kita merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(1), peraturan ini mengatakan bahawa, apabila kita membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang itu sahaja yang boleh dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara-perkara yang melibatkan akta induk. Jadi, saya berharap peraturan ini diikuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab dia ada kaitan dan banyak yang bercakap. Yang lepas-lepas pun nampak macam itu. Jadi, kita

kira yang mana ada kaitan itu kita benarkan tetapi saya minta lebih khususlah mengenai .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan balik kepada persoalan cukai tetapi biarlah saya habis cerita saya tadi. Anak yang muda daripada anak saya - anakanda duduklah dahulu, biarlah ayahanda bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habiskan. Bahkan minda Barisan Nasional tidak pernah dijelajah. Kita mempunyai dasar sendiri. Demokrasi kita lihat sendiri, *environment* kita lihat daripada segi pandangan kita juga dan sebab itulah hak asasi manusia pun kita buat cara kita sendiri. Kita tidak pernah terjajah. Minda kita telah merdeka semenjak kita merdeka dahulu. Tetapi malang melihat DAP masih macam ini. Minda mereka masih terjelajah. Masih banyak...

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(9) yang memperkatakan mengenai kelakuan dan sifat siapa Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya faham, saya faham.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, membuat ruling, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya faham, sila duduk. Perkara ini kena ambil perhatian sama-samalah. Jangan lihat orang lain sahaja, kalau sendiri buat, esok kena berhati-hatilah. Jadi, minta Yang Berhormat Batang Lupa kalau boleh khususkan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Keadilan daripada Tuan Yang di-Pertua itu memang saya sanjungi, terima kasih.

Saya berharap DAP lebih bebas dan jangan terkongkong kepada pendapat Barat. Saya tidak sebut individu Tuan Yang di-Pertua, saya sebut parti. Kalau di luar saya sebut pun Yang Berhormat tidak boleh *sue*, tidak boleh *sue* saya. Sebenarnya Yang Berhormat ini peguam, tidak boleh faham, minta maafilah.

Tuan Yang di-Pertua, berulang saya dengan cukai ini pula. Jadi, satu lagi soalan pengecualian. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sama ada pengecualian cukai ini kita boleh lihat dengan matlamat negara kerana matlamat negara kita, kita mesti melihat, iaitu kita berkehendakan anak-anak menjaga ibu-bapa, umpamanya. Jadi, untuk menggalakkan seorang anak menjaga ibu-bapanya, adakah anak ini diberi pengecualian cukai kos untuk menjaga dan merawat ibu-bapa mereka. Kalau tidak, perkara ini mestilah dipertimbangkan. Maknanya kalau tidak ada insentif, kadang-kadang anak-anak sekarang dia tidak suka dengan orang tua lagi macam Yang Berhormat yang umur 26 tahun - tengoklah ayahanda sudah berumur lima puluh lebih sedikit. Jadi, baik-baiklah sedikit. [Ketawa].

**Tuan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

**Tuan Fong Po Kuan:** Oleh kerana masa adalah terhad saya berharap, ya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Tuan Fong Po Kuan:** Membahaskan mengikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya faham, saya faham, duduk. Tentang masa ini terpeluang kepada Kerusi, ya. Terus kepada .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang kata kita buang masa, dia sendiri yang buang. Kalau dia tidak ganggu tadi saya sudah habis cerita itu dah. Jadi, kita mesti menggalak, memberi insentif - *tax incentive* terutamanya kalau seseorang anak menjaga ibu-bapanya ataupun menjaga orang tua yang lain - mungkin orang miskin lain, dijaganya - dianakangkatkannya walaupun sebagai orang tua, jadi sepatutnya berlandaskan keperluan orang yang dijaga itu - pengecualian sepatutnya diberi. Jadi, ini adalah satu penggalakan yang secara menyeluruh oleh kerajaan tidak kira orang itu Barisan Nasional, DAP ataupun PAS akan diberi juga, semua masyarakat sama ada kerajaan ataupun orang syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Negara kita satu dasar menggalak dalam bahasa inggerisnya, *volunteerism* - sukarelaan.....

**Beberapa Orang Ahli:** Sukarelawan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sukarelawan. Terima kasih Yang Berhormat. Macam itulah teguran yang baik - membina. Kalau kawan terlantak sedikit tolonglah beritahu. Kadang-kadang itu kita pun macam begitu juga.

Jadi, kesukarelawan umpamanya. Kalau kita melihat macam negara Amerika umpamanya Tuan Yang di-Pertua, 93 juta rakyat Amerika terlibat dengan kesukarelawan. Walaupun kita mengatakan masyarakat di Amerika itu berlainan dan mungkin masyarakat di Amerika itu tidak baik pada pandangan kita. Tetapi pada pandangan orang Amerika cukup baik, cukup patriotik, cukup sayang kepada negara mereka, tidak pernah ke luar negara mencelakan negara mereka sendiri, tidak pernah. Bahkan Amerika ke mana-mana pergi rela mati mempertahankan negara mereka sendiri. Walaupun ada di kalangan kita keluar dari negara kita ini menjemput orang lain terlibat dengan soalan masalah-masalah negara kita sendiri, ini pernah berlaku. Saya pergi ke Russia bawah Yang Berhormat Dato' dari Entrepreneur Development itu - minta maaf, bawa saya pergi ke Russia untuk mempertahankan Kerajaan Malaysia oleh kerana kita hendak dicemarkan di satu persidangan di Russia. Jadi, ini usaha-usaha bukan tidak baik Tuan Yang di-Pertua. Jadi, orang Amerika - satu kesimpulan, tidak pernah buat perkara macam ini walaupun boleh mencaci seseorang tidak pernah mengambil satu tindakan yang akan mencela negara mereka itu sendiri oleh kerana sifat masyarakat itu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa hubungan dengan cukai, boleh dihubungkan?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Boleh saya dapatkan penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Penjelasan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Batang Lular. Ada sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di New York dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut tentang PAS di New York, adakah ini termasuk kegiatan memburukkan negara di luar negeri? *[Tepuk]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Begitu sempit sekali pandangan Yang Berhormat. Adakah PAS - Malaysia, Barisan Nasional juga bukan Malaysia, Barisan Nasional itu parti, begitu juga PAS. Jadi, kalau orang kata Barisan Nasional tidak baik, mungkin kita terimalah. Tetapi orang cela sistem di Malaysia ini jahat, itu yang kita pertahankan. *[Tepuk]* ....

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, diminta Yang Berhormat habiskan dahulu, ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Umpamanya Tuan Yang di-Pertua bawa saya pergi ke Russia, lepas itu ada serombongan MP Barisan Nasional pergi ke Brussels mempertahankan kes-kes yang sama. Perkara ini oleh kerana pihak-pihak yang tertentu ini hendak mencelakan sistem keadilan negara kita. Kalau sistem ini dijejaskan, ini yang kita hendak mempertahankan. Bukan pertahankan parti, bukan mempertahankan individu, bahkan kita tidak ada mengatakan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu manusia yang unggul di negara kita, tidak pernah pun. Kita kata sistem politik kita, sistem negara kita yang baik, itu yang kita pertahankan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Perbahasan kita tentang Rang Undang-undang Cukai Pendapatan dan saya sekarang dibawa oleh Yang Berhormat ke Rusia. *[Ketawa]*. Saya hendak bertanya sedikit semasa Yang Berhormat ke Rusia macam mana sistem pendapatan cukai mereka di sana. Sebab saya nampak keluhan kita dengar di Rusia, Soviet Union ramai daripada mereka tidak membayar cukai, mengelak daripada pembayaran cukai. Sebab itu di negara kita mempunyai sistem cukai yang baik, yang cemerlang kita tidak menghadapi seperti yang dihadapi oleh Rusia. Apa pandangan Yang Berhormat dengan lawatan Yang Berhormat ke sana.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Dato' Yang Berhormat dari Rompin dan saya ucap tahniah semalam sudah dilantik menjadi ketua 'back benchers'. *[Ketawa]*. Walau bagaimanapun sebagai biasa Barisan Nasional kita tidak melupa kepada orang yang berjasa macam Dato' dari Parit Sulong dijadikan Timbalan. Jadi saya oleh kerana sudah disoal bukan hendak keluar...

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ....tolong tunggu sekejap akan saya bagi peluang, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia minta tunggu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu dulu. Oleh kerana sudah ditanya saya menjawab. Jadi bukan dalam perbahasan ini saya tidak terkeluar. Saya memang melihat sistem pungutan cukai di Rusia. Ada dua peringkat Datuk. Satu peringkat dalam zaman komunisme, yang satu peringkat lagi zaman kemasukan ke ala demokrasi. Apabila komunisme dipraktik di Rusia ataupun USSR pada ketika itu sistemnya ialah keras dan begitu rancak dibuat oleh kerana dia ada satu sistem sahaja kalau tidak bagi kena hukum kalau kena hukum hantar Siberia. Itu sahaja. Dengan keadaan sedemikian semua kena bayar. Siapa yang patut bayar mesti bayar. Siapa yang guna makanan kerajaan itu kolonial punya keadaan dia macam itu sahaja. Jadi Datuk itu soalan komunis.

Saya banyak buku itu, sebab dulu saya smuggle buku-buku daripada Rusia tebal ini. Banyak masih disimpan di *office* saya. Selepas itu bila *transition period* semasa keluar daripada ala komunis masuk ke ala demokrasi negara mereka hendak mencapainya tahap kedemokrasian ala Barat macam di Amerika, England, Perancis dan sebagainya. Jadi *transition* itu begitu cepat sekali berlaku jadi sistem mereka belum lagi in place jadi pungutan cukai di Rusia adalah amat menyedihkan.

Saya mendapat laporan khusus ini daripada pegawai-pegawai yang berkenaan di Rusia kerana kita berbincang perkara ini dengan pegawai-pegawai kita di Rusia, kedutaan kita. Sistem ini belum *in place* dan sistem demokrasi ini telah dirancang, orang dikehendaki memungut cukai, jadi pungutan cukai tidak ada, jabatan masih bercelaru, sistem belum dirancang dengan begitu baik, ada pihak lain jadi pemungut cukai iaitu mafia. Jadi mafia ini dia pungutlah dari pintu ke pintu dari bilik ke bilik dia kata siapa tidak bayar senjata datang.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi datuk tunggu, saya belum habis. Jadi pungutan cukai di Rusia sekarang setengah oleh kerajaan dan setengah oleh pihak mafia. Inilah jadi masalah yang mana *transition period* dari keadaan komunisme kepada ala demokrasi yang tidak dibuat secara progresif yang tidak dibuat secara dirancang dan tidak dibuat secara lambat-lambat sikitlah. Kerana kalau kita lihat di Amerika berapa ratus tahun baru mencapai keadaan sekarang. Kita tahu kita lihat di England Yang Berhormat daripada Tumpat tadi sudah ada sebut beribu tahun baru mencapai keadaan mereka sekarang. Jadi jangan membuat perbandingan Kepong salah itu. Kalau hendak buat perbandingan itu yang sudah *matured* peringkat dia yang sudah menjelajahi ataupun mengalami satu-satu peringkat dan sistemnya memang ia ada lebih kelebihan sedikit daripada sistem yang terlebih macam yang berlaku di Rusia. Jadi Yang Berhormat daripada Kubang Kerian tadi saya akan bagi peluang. Kalau tidak jadi tidak mengapalah saya teruskan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ada dua tiga perkara Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan banyak sangat.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya menarik kepada *point of order* tadi saya rasa Yang Berhormat ini telah lari jauh dari perkara yang kita bincangkan. Dan saya rasa isyarat dari ketua *back benches* tadi telah wujud, telah ada, suruh Yang Berhormat ini meringkaskan ucapannya. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang tadi Yang Berhormat ada sebut Perdana Menteri ada menuduh PAS di New York. Yang saya suka sebutkan di sini ialah ini urusan rumah tangga politik negara kita tidak perlu kita bercakap di New York hal rumah tangga kita. Sekian.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat saya secara itu saya menafikan saya tidak dengar pun Perdana Menteri menuduh PAS di New York dan di mana-mana. Bahkan saya baca banyak *speech* dan ucapan Perdana Menteri di luar negara saya tidak pernah mendengar *speech* itu menyentuh sesiapa. Jadi saya tidak baca dan saya nafikanlah saya kata yang sebenarnya Yang Berhormat kata. Apa yang saya kata apa yang dia sebut pun bukan salah kepada PAS sahaja bukan kepada negara Malaysia. Jadi ...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya terkejut jugalah pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dalam dunia IT ini ada takrifan iaitu *virtual* di mana-mana kita boleh bercakap tentang di mana-mana. Sebab kalau e-mail tidak semestinya kita di Malaysia hanya hendak e-mail di Malaysia, di Kutub Utara boleh e-mail ke Malaysia, di Kutub Utara kita boleh bercakap tentang Malaysia. Kedudukan sesuatu itu tidak merupakan satu *locus standi* lagi. Ini saya minta sikit pandangan, saya ingat PAS ini dia ini dulu Setiausaha Politik Menteri Besar. Ini kalaulah PAS ini tidak tahulah konsep IT, konsep *virtual* saya bimbang dan risau juga sebab ini merupakan satu pelapis baru kepimpinan PAS. Tidak menggunakan IT dari segi cara dan alah katanya. Ini hanya satu

dia hendak jerangkap samar sahaja ataupun apa sebenarnya. Saya minta pandangan Batang Lumar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang setuju Datuk. Sebenarnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu memang persoalan yang salah, satu lagi berlandaskan fakta yang tidak betul. Yang kedua satu lagi Yang Berhormat saya hendak sebutkan kalau itulah pendirian Yang Berhormat masalah di dalam negara kita memang persoalan kita. Masalah Malaysia tanggungjawab Malaysia. Jangan dibawa ke luar negara. Jadi saya berharap Yang Berhormat bawalah kepada Ketua Pembangkang dan berbincanglah sesama sendiri di antara KeADILan, PAS dan DAP. Kalau ada masalah di negara kita ini tidak payahlah kita hendak pergi Rusia, pergi Brazil dan sebagainya. Usaha dalam negara kita sendiri. Kalau sistem kita ini kita tidak percaya lain kali jangan terlibat dalam pilihan raya duduk di rumah sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sipitang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ..biar Barisan mentadbir. Sebab belum habis Datuk .....okeylah.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Tadi rakan kita daripada Kubang Kerian bangun mengatakan bahawa Perdana Menteri mengatakan PAS di luar negara dan beliau juga berkata bahawa perkara ini sepatutnya dibawa ke dalam negara. Apakah Yang Berhormat ingat agak-agak ada tidak pada masa lalu orang bercakap memburukkan negara, mengetengahkan hal ehwal negara kita di luar negara yang kita orang individu atau parti-parti lain. Cuba minta ulasan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat kadang-kadang saya ini sudah boleh dikatakan seorang senior dalam Dewan yang mulia ini. Saya senior bukan daripada pangkat dan sebagainya tetapi dari segi umur daripada ahli Dewan dan sebagainya. Saya pernah menyebutkan perkara ini soalan Malaysia, masalah Malaysia adalah tanggungjawab Malaysia sendiri dan mestilah diurus dan diselesaikan dalam negara kita sendiri. Ini menunjukkan kalau kita percaya dengan sistem kalau kita tidak percaya dengan sistem senang saja jangan ikut dengan sistem itu. Keluar dari negara ini. Siapa yang boleh migrate boleh migrate sampai mana pun boleh. Saya jemput pergi ke Rusiakah boleh diam. Kalau tempat yang lebih baik lagi di India pun baik lagi, demokrasi. Demokrasi yang terbesar di dunia. Saya boleh jemput orang pergi mana-mana pun kalau kita hendak bawa *expertise* kita, kedemokrasian kita pergilah ke negara-negara yang dikatakan demokrasi macam Amerika dan Rusia. Jadi ke Amerika, ke Australia, ke England kita boleh diam orang Melayu, Cina, India boleh diam tetapi *second class citizen* jangan dia anggap ini betul. Saya pernah duduk di England empat tahun. Yang Berhormat duduk dulu saya bercakap.

**Seorang Ahli:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan yang lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi saya akan teruskan. Terima kasih Datuk. Jadi kalau kita terima sistem kita, kita mesti selesaikan masalah Malaysia di dalam Malaysia, menggunakan sistem Malaysia, ala Malaysia. Jadi ini termasuklah Kepong, termasuklah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, selesaikan masalah.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Duduk dulu Yang Berhormat, saya tengah bercakap, belum habis *sentence* lagi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...jadi kalau kita hendak membawa perkara atau masalah kita ke luar negara itu tidak betul, kadang-kadang kalau kita tidak salah...

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*, 44 ya. Tuan Yang di-Pertua setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan perkara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya saya faham. Saya hanya menegur beberapa kali tetapi bukanlah menjadikan satu perkara yang menjadikan....berdegil-degil. Sebab kadang kala ramai juga yang lepas-lepas pun begitu juga. Jadi saya kira, saya ambil perhatian dan minta Batang Lupar teruskan kepada tajuk.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya terus kepada tajuk Tuan Yang di-Pertua, tajuk kita pada hari ini ialah Pindaan Cukai. Saya beri peluang Timbalan Yang di-Pertua duduk dulu. Menghormati Timbalan Yang di-Pertua. Selamat datang Dato'.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] mempengerusikan Mesyuarat]*

Saya akan meneruskan perbahasan saya. Soalannya tadi, saya balik kepada perkara kesukarelawan ini, perkara ini yang dikehendaki oleh pihak kerajaan. Kita mestilah pertama bukan badan itu sahaja yang kita mesti kecualikan. Saya tahu kerajaan mempunyai senarai tidak kurang daripada 400 nama badan di seluruh Malaysia yang diberi pengecualian cukai secara tidak payah diminta pun, secara tetap iaitu badan ini dianggap badan sukarela, badan amal atau pun badan agama yang diberi pengecualian yang tertentu.

Saya juga melihat ada badan-badan yang nampaknya membuat kerja-kerja amal, kerja-kerja....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu dulu Datuk ya, saya habis *sentence* dulu ya.

Kerja-kerja amal yang tidak mendapat pengecualian. Saya bertanya dengan Datuk Menteri, apakah ciri-ciri dan kriteria untuk memberi pengecualian cukai kepada badan-badan amal dan badan-badan yang telah dikecualikan daripada cukai. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar tentang pengecualian cukai pendapatan ini. Ada pendapatan.... *[Disampuk] [Diganggu]* Ada juga yang tidak tahu peraturan Dewan *[Ketawa]* Pendapatan tidak ketara daripada ceramah-ceramah politik yang dibuat. Ada yang dapat 40% pendapatan daripada ceramah politik itu. Tuan rumah mendapat 10% dan parti dapat 50% iaitu selebihnya. Kalau itu dipanggil sebagai derma, di mana borang pengecualian cukai pendapatan, kalau itu pendapatan, kenapa tidak ada *income declaration*, dengan izin, kenapa tidak ada pengisytiharan harta, saya minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan soalan ini. Ini perkara baru Tuan Yang di-Pertua. dalam soal cukai, memang belum pernah orang membawa perkara ini ke Dewan persoalan cukai yang



berhubung dengan....Yang Berhormat masih tetap di Bagan Datok, macam Batang Lupar tetap di Batang Lupar [Ketawa] Jadi soalan cukai ini.... saya semasa menjadi penuntut undang-undang di England Tuan Yang di-Pertua, pernah kita membincangkan beberapa keadaan, ciri-ciri dan kriteria-kriteria satu-satu badan yang dianggap boleh diberi pengecualian cukai dalam sistem cukai di England dan ciri-ciri yang tidak boleh diadakan cukai

Umpamanya dalam persoalan agama, semua pendapatan agama dan sebagainya itu mesti *taxable* ataupun boleh dikenakan cukai. Tetapi ada juga agama yang tidak mendapat cukai umpamanya 'nun' punya aktiviti. Kalau dia mendapat habuan dan pemberian daripada orang, dia tidak akan dikecualikan cukai kerana 'nun' ia tertutup, dia tidak mendatangkan hasil kepada masyarakat. Itulah penilaian pengiraan undang-undang di England. Tetapi persoalannya Datuk, Yang Berhormat bagi Bagan Datok ini sedap lagi, yang tuntutan daripada politik. Kalau undang-undang England kita ada... termasuk undang-undang Malaysia pun sama, tuntutan dan pendapatan politik adalah *taxable*, sepatutnya mendapat tax.

Jadi, lain kali Datuk dari Bagan Datok kalau ada jumpa perkara ini, orang yang memungut wang ataupun mendapat keuntungan untuk parti, untuk apa aktiviti politik, ceramah dan sebagainya, jadi ini memang kena cukai. Jadi sebagai orang yang mengetahui, kita mesti mengdeklarasikan pendapatan-pendapatan sedemikian supaya cukai boleh dikenakan pada mereka. Ini termasuklah mana-mana parti sama ada PAS ataupun KeADILan dan sebagainya, ada memungut daripada orang ramai dan mendapat derma dari orang ramai, derma ini kena cukai, mesti di *declare* kepada Lembaga IRD dan untuk dikenakan cukai, kalau tidak ini menjadi satu kesalahan. [Disampuk] Kalau dalam istilah Islam, ia haram. Dalam istilah biasa, ini ada lain sedikit, jadi satu kesalahan.

Jadi, saya berharap ini menjadi satu pengetahuan dan iktibar kepada semua. Siapa sahaja tidak kira kalau dia dari parti Barisan Nasional, komponen parti Barisan Nasional ataupun pihak pembangkang. Jikalau mendapat pemberian, habuan ataupun *donation* daripada pihak awam, benda itu mesti *dideclare* kepada pihak IRD dan dikenakan cukai kerana politik tidak dikecualikan daripada membayar cukai.

Jadi, itulah penjelasan daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali kepada persoalan asal saya iaitu pengecualian tadi. Jadi saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, ciri-cirinya tadi dan kriteria yang digunakan oleh kerajaan Malaysia untuk memberi pengecualian kepada badan-badan sukarelawan ini. Kenapakah sebahagian daripada badan yang sepatutnya diberi pengecualian, tidak diberi pengecualian.

Saya ingin juga meminta kalau tidak dapat dibaca kerana banyak sangat, tolong beri bertulis Tuan Yang di-Pertua, senaraikan badan-badan di Malaysia yang telah dikecualikan daripada membayar cukai. Bagaimanakah pula kalau badan ini mewujudkan satu syarikat ataupun satu koperasi yang membuat bisnes biasa, adakah bisnes mereka ini akan dikenakan cukai. Adakah kerajaan mempunyai data-data yang tertentu kerana saya tahu banyak badan amal, badan sukarela sekarang menubuhkan *business wing* mereka sendiri dengan izin, Tuan Yang di-Pertua supaya tidak bersandar sangat dengan masyarakat, tidak bersandar sangat dengan kerajaan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti harian mereka. Ini memang kita puji badan-badan yang sedemikian, yang berinovasi, yang banyak *innovation* untuk bagaimana hendak mengelolakan kerja-kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri perbincangan saya dalam satu perkara lagi. Tadi saya katakan, lembaga ini adalah satu badan kerajaan yang amat efisien sekali. Jadi efisien daripada segi pemungutannya tetapi bila sampai kepada pembayaran balik, dia orang jadi tidak efisien Tuan Yang di-Pertua. Tidak efisien sekali.

Jadi macam mana kalau kita lambat membayar, kita kena 10% tetapi jikalau IRD lambat bayar 1% pun tidak ada. Jadi sepatutnya Tuan Yang di-Pertua perkara ini kita

kena adil juga, kalau kita selalu ditekan dengan 10%, 5% dan sebagainya, kalau pembayaran balik daripada pihak IRD ini terlambat, dia kena juga bayar peratusan yang berpatutan. Oleh kerana benda ini, kalau kita masuk, duit yang kita terima pembayararan masuk ke dalam, kalau orang bumiputera dia masuk ke dalam ASB dia dapat faedah dividen dan sebagainya. Kalau dia bukan bumiputera, dia masuk ke dalam bank, dia dapat juga faedah yang tertentu.

Mungkin ada satu garis panduan yang tertentu yang mana pihak IRD tidak membayarkan *refund* dengan sebegitu cepat mestilah dikenakan faedah yang tertentu juga kerana kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat daripada KLIA, yang di mana belon-belon yang turun di Sepang, menyebut persoalan Akta Ibu tidak boleh kurang daripada jumlah cukai yang kena bayar. Jadi saya memang tidak bersetuju perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Bukan tidak bersetuju bagaimana, oleh kerana tadi saya telah sebut, umpamanya saya sebut Timbalan Menteri dari Sarawak ini, .....tempat saya tidak tahu, dia orang baru ini.

Dahulu dia pengamal perubatan, jadi dia dapat pendapatan RM30,000 sebulan, sekarang jadi menteri dapat mungkin RM5,000 sahaja sebulan, jadi cukai dia tidak ada, tahun hadapan dia punya cukai kecil daripada yang dia dapat pada tahun ini. Jadi macam mana pula cukai yang tahun hadapan lebih besar daripada yang ada sekarang. Undang-undang daripada peruntukan ini saya fikir adalah mungkin tidak sesuai kerana berkemungkinan usaha-usaha pada tahun 1999 ini yang mana kita baru keluar daripada masalah kegawatan ekonomi dan mungkin keadaan pada tahun 2000 itu juga mungkin juga masih menurun, belum lagi boleh mencari jejak yang stabil untuk menjalankan business yang begitu baik.

Jadi saya harap satu mekanisme diwujudkan yang mana pihak director general boleh mengatakan kalau dia buat rendah pun, benda yang realiti, benda yang betul, bukan secara tinggi dan rendah, sepatutnya kita meminta perkara yang reasonable bagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sepang sebab saya hendak bantu tolong kawan seorang sahaja sebut. Jadi saya hendak kata ini perkara yang betul, hujah daripada Yang Berhormat itu memang tepat, jadi bukan yang celoteh macam Kepong. Dengan itu, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timur.

12.12 tgh.

**Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timur untuk bercakap.

Saya bersetuju dan menyokong pindaan dari sistem taksiran rasmi kepada sistem taksiran sendiri kerana ia adalah satu langkah yang dapat meningkatkan mutu pentadbiran cukai negara dalam usaha menuju ke Wawasan 2020. Akan tetapi saya ingin membangkitkan hal cukai pendapatan tahun 1999 yang telah dikecualikan cukai. Dalam pengetahuan saya ramai rakyat yang masih kurang faham mengenai kewajipan mereka mengikut Seksyen 112 subseksyen (3) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang memestikan rakyat mengemukakan pendapatan persendirian walaupun cukai telah dikecualikan.

Oleh kerana itu saya merayu kepada pihak kerajaan untuk melonggarkan denda ke atas kes-kes tertentu yang mana rakyat tidak tahu mengenai kemestian mengemukakan pendapatan mereka pada tahun cukai terkecuali. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini adalah untuk sementara waktu dan tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh sesiapa untuk mengelakkan denda.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu mengenai corporate cukai kebelakangan atau back duties, ialah satu cukai yang kaum peniaga Cina yang tidak senang kepada pihak kerajaan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dalam pengetahuan saya setiap penyiasatan

dibuat on back duties ialah peniaga Cina hingga 90%. Saya harap Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sebab peniaga Cina yang paling menyokong Barisan Nasional setiap pilihan raya umum supaya tidak jadi mangsa kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jelutong.

12.15 tgh.

**Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya datang dari Jelutong.

Hari ini saya hendak bahaskan Fasal 9 iaitu muka surat 5 Rang Undang-undang iaitu Seksyen baru 103A subseksyen (4), (5), (6), (7), (8) dan (9). Dengan ringkasnya subseksyen-subseksyen yang saya sebutkan tadi itu memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengenakan denda sebanyak 10% ke atas cukai yang tidak dibayar 30 hari selepas tarikh taksiran dibuat, tidak kira sama ada rayuan dibuat atau tidak dan denda sebanyak 5% lagi akan dikenakan 60 hari selepas tarikh taksiran dibuat.

Saya bercadang kepada kementerian berkenaan supaya dapat mengkaji untuk menambahkan satu seksyen atau subseksyen lagi di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri juga diwajibkan membayar faedah kepada pembayar-pembayar cukai yang membayar cukai pendapatan mereka dengan lebih iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri mesti atau diwajibkan untuk membayar balik cukai yang berlebihan yang telah dibayar oleh pembayar cukai dalam satu masa yang tertentu. Walaupun saya faham lembaga memerlukan masa untuk mengkaji rayuan tersebut tetapi saya rasa satu masa yang tertentu mestilah diadakan untuk lembaga memulangkan balik cukai yang berlebihan kerana ini akan memberi lembaga satu target date, dengan izin, dan pembayar-pembayar cukai juga dapat membuat tax dan financial planning mereka dengan lebih tepat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Bintang.

12.19 tgh.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang bernama Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak terkejut apabila meneliti Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan-pindaan yang dicadangkan boleh dianggap keras dan Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh disifatkan satu badan berkanun yang dibekalkan kuasa baru untuk memburu mana-mana pihak yang sengaja lari dari tanggungjawab membayar cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang alaf baru Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadi lebih berkuasa dan tidak memberi peluang mana-mana orang, syarikat, peniaga bersikap sambil lewa dalam menguruskan percukaaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah ia bertindak keras selepas berakhir gerakan besar-besaran menggesa orang ramai mengemukakan penyata cukai pendapatan mereka pada awal tahun 1999. Saya ingin tahu bagaimanakah sambutan rakyat terhadap amaran keras Lembaga Hasil Dalam Negeri pada hari itu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kertas Perintah 22 Tahun 1999 yang dikeluarkan semasa Belanjawan tahun 2000 pada 29 Oktober 1999 mencadangkan bahawa dalam tahun 1999 jumlah hasil cukai pendapatan dianggarkan sebanyak RM25,170 juta iaitu sebanyak 11% lebih rendah dari hasil cukai pendapatan yang diterima pada tahun 1998 sebanyak RM28,369 juta. Dari jumlah itu cukai pendapatan individu mewakili RM6,294 juta, cukai

pendapatan petroleum ialah RM3,228 juta manakala cukai pendapatan syarikat ialah RM15,525 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kutipan cukai pendapatan semakin bertambah setiap tahun dari tahun 1996 hingga 1998. Pada tahun 1998 kutipan adalah tertinggi iaitu sebanyak RM28,369 juta iaitu mewakili sumbangan kepada hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 50%. Penurunan kutipan ialah kesan dari kemerosotan ekonomi ke atas perolehan pendapatan dalam tahun 1998 dan pemotongan cukai ke atas pendapatan diterima dalam tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 yang belum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini ada mencadangkan kenaikan pelepasan cukai pendapatan dari RM5,000 ke RM8,000 dan penurunan kadar cukai sebanyak 1% ke atas individu dan koperasi. Ini bererti kutipan cukai pendapatan akan merosot untuk tahun 2000 dan langkah untuk memperkuat kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri belum tentu membantu menambah hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sejak diperbadankan, Lembaga Hasil Dalam Negeri ada menunjukkan peningkatan prestasi dengan membuka lebih banyak cawangan bagi memudahkan pembayar cukai berurusan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya rang undang-undang ini adalah untuk mempertingkatkan sistem mengemukakan kenyataan cukai pendapatan syarikat yang selama ini menimbulkan kerumitan di pihak syarikat dalam pengemukaan penyata. Kita harus faham bahawa kelambatan mengemukakan penyata cukai pendapatan adalah faktor tertentu seperti kelambatan kembalian, dengan izin, *confirmation balance* menggesa dari syarikat-syarikat lain ialah salah satu faktor yang melambatkan mengemukakan penyata cukai pendapatan. Saya berharap Kementerian boleh mengambil kira masalah-masalah ini yang dihadapi oleh syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-pertua, dalam Fasal 3 ada menyebut mengenai pindaan seksyen 80 akta itu bahawa Ketua Pengarah dan pegawainya berkuasa memasuki ke mana-mana tanah, bangunan atau tempat bagi menjalankan kuasanya. Dengan kemasukan seksyen baru 1(A) maka pemilik hendaklah membenarkan dan memberikan kemudahan dan bantuan yang munasabah. Tuan Yang di-Pertua, jika gagal berbuat demikian ataupun menghalang mereka menjalankan maka pemilik syarikat atau *individual* boleh disabitkan kesalahan di bawah Fasal 15 yang juga mencadangkan hukuman denda maksimum RM10,000 dari RM2,000.

Saya memandangkan denda ini terlalu tinggi. Ia harus dikurangkan dan dkekalkan pada kadar lama ialah RM2,000 supaya selaras dengan Fasal atau Clause yang mewujudkan subseksyen baru 1(A) kepada seksyen 114 mengenai kesalahan seseorang yang membantu atau menasihati dalam penyediaan mana-mana pernyataan yang kurang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir para peniaga dan syarikat bersetuju dengan kenaikan denda ini kerana kebanyakan mereka bimbang jika kedatangan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri berkuasa membongkar hampir semua buku akaun dan dokumen-dokumen perniagaan yang sulit bagi sesuatu perniagaan. Mereka bimbang pegawai-pegawai yang menyalahi kuasa atau bertindak keterlaluan untuk mendapatkan bukti-bukti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya pegawai-pegawai yang memeriksa semua buku dan dokumen-dokumen perniagaan sesuatu syarikat jika mereka tidak percaya penyata taksiran pendapatan syarikat yang dikemukakan oleh setiausaha atau akauntan syarikat. Keraguan mereka menyebabkan mereka bertindak merampas buku, fail dan dokumen syarikat tidaklah wajar kerana penyata syarikat biasanya disediakan oleh setiausaha syarikat dan akauntan bertauliah dan tidak disediakan sesuka hati sahaja. Mereka harus

bertindak memohon dokumen yang diperlukan sahaja. Tentulah cara ini kurang disenangi oleh masyarakat peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 90 Akta Cukai Pendapatan 1967, saya tidak bersetuju apabila Ketua Pengarah dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri menyifatkan taksiran telah dibuat berkenaan sesuatu syarikat pada hari penyata itu dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Apabila penyataan dikemukakan biasanya pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil masa untuk menyemak sebelum taksiran dikeluarkan.

Masalah yang timbul ialah cukai perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Jika lewat, mereka dikenakan denda lewat. Biasanya syarikat yang bermasalah memerlukan masa untuk membayar cukai yang dikenakan kerana berniaga ada pasang surut. Bukan setiap masa syarikat ada wang yang cukup. Jika Fasal ini dilonggarkan sepertimana asal iaitu tarikh taksiran tidak sama dengan tarikh penyata syarikat dikemukakan, ini memberi ruang kepada syarikat dan peniaga membuat persediaan kerana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak bermurah hati untuk memotong denda lewat membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pindaan yang diperkenalkan untuk dicadangkan, kerajaan hendaklah memastikan bahawa ia tidak menjadi satu bebanan bagi mana-mana syarikat dan peniaga serta individu yang meneruskan cukai pendapatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Klang.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999.

Kami mengalu-alukan pindaan ini sebab taksiran yang baru ini merupakan suatu sistem yang lebih efisien, lebih flexible dan lebih sesuai untuk masa kini. Sistem cukai pendapatan di negara ini mengikut sistem yang banyak sekali, yang digunakan oleh negara-negara yang maju dan sistem ini telah dijalankan di seluruh negara kita selama ini dengan jayanya.

Semua rakyat terima sistem cukai ini sebab sistem cukai ini adalah adil kepada semua kaum. Semua rakyat tidak kira ia daripada kaum Melayu, Cina ataupun India, orang Islam ataupun orang bukan Islam membayar cukai mengikut suatu sistem yang sama. Tetapi baru-baru ini Kerajaan Terengganu telah mencadangkan suatu sistem yang baru, sistem cukai yang baru untuk orang bukan Islam iaitu kharaj.

Apakah pemimpin-pemimpin PAS sedar bahawa pengenaan kharaj terhadap orang bukan Islam....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, bangun.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak payahlah, sudah terlalu lewat untuk PAS untuk mengakui kesalahan dan judgement mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak bangkitkan peraturan, standing order 36(1). Apa yang dikatakan Terengganu itu tiada kaitan langsung dengan pemindaan. Pemindaan pada perbahasan ini adalah mengenai kemasukan syarikat, percukaian syarikat, tiada kaitan dengan Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat mungkin dia baru hendak berucap. Yang Berhormat balik kepada tajuk.

**Dr. Tan Yee Kew:** Saya rasa ada berkaitannya sebab cukai kharaj akan menjadi sebahagian sistem cukai pendapatan di negara kita ini sekiranya ia dilaksanakan di negara kita....

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak beri jalan, berikan jalankah?

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, cukai kharaj bukan cukai pendapatan, kalau tidak faham tidak payah cakaplah.

**Dr. Tan Yee Kew:** Ini cukai juga bukan? Tuan Yang di-Pertua, mereka menentang apa yang saya ucapkan di sini sebab mereka faham bahawa mengenakan kharaj terhadap orang bukan Islam telah melanggar perlembagaan negara kita. Apakah Yang Berhormat dari Tumpat sedar atau memahami perlembagaan negara ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Klang...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Dr. Tan Yee Kew:** Bila Yang Berhormat minta kita memberi pertimbangan kepada cadangan kharaj itu. Sudah jelas disebutkan dalam Perlembagaan Malaysia Artikla 11(2) bahawa, *no person shall be compelled to pay any tax the proceeds of which are specially allocated in whole or in part for the purposes of religion other than his own.* Dengan memperkenalkan kharaj Kerajaan Terengganu telah mengetepikan hak rakyat bukan Islam....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Minta jalan sekali lagi. Dewan sedang membincangkan mengenai cukai pendapatan, bukan berkenaan dengan kharaj, kenapa dia bincang mengenai kharaj yang dia tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kelang, bolehkah kita tuju kepada tajuk yang kita bentangkan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita di peringkat dasar, saya rasa saya boleh bincang kharaj sebab ini merupakan sebahagian cukai negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lepas bila Ahli-ahli Yang Berhormat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada dua orang Ahli yang bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Boleh minta penjelasan, penjelasan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak, tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lepas....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya fikir....

**Dr. Tan Yee Kew:** ...bila Ahli-ahli Parlimen daripada PAS...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Hendak beri jalan?

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak beri, sudah cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, ini Kota Melaka...

**Dr. Tan Yee Kew:** Biar saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...ini kuasa beliau.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lepas...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka.....

**Dr. Tan Yee Kew:** ...bila Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS dan juga dari DAP dan KeADILan tidak puas hati dengan tarikh yang ditentukan untuk persidangan Parlimen ini. Mereka telah membuat kecoh dan bising dan keluar daripada Dewan ini atas nama mempertahankan perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** 36(1) kalau tidak berani beri jalan, jangan keluar daripada tajuk. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya minta balik ke tajuk yang kita bangkitkan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Hendak lawan, beri jalan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tetapi saya hendak menegaskan bahawa mereka tidak mengendahkan langsung perlembagaan tatkala mereka mahu berkenaan sistem.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beralih kepada tajuk Yang Berhormat.

**Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rupanya parti pembangkang mempunyai *double standard*, mereka menggunakan perlembagaan hanya dari....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat dari Bagan. Peraturan berapa?

**Tuan Lim Hock Seng:** 43, keputusan Pengerusi adalah muktamad. Tidak mahu akur boleh hantar dia keluar....[Ketawa].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Klang kata sudah ikut perintah di sini. Jadi, dia akan balik kepada tajuk yang ....

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ikut arahan, nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua tetapi saya rasa kharaj ini adalah satu perkara yang penting dan ini adalah satu bahagian ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya cadangkan tidak payah sebutlah.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan 44(1), Pengerusi setelah menarik perhatian majlis mesyuarat, seorang yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebenarnya sebelum saya benarkan, Yang Berhormat tidak boleh berucap. Jadi, saya .....

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf, maaf Tuan Yang di-Pertua, ini adalah peraturan, saya hanya bacakan peraturan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham, tetapi sebelum saya benarkan, Yang Berhormat tidak patut berucap.

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, saya minta Yang Berhormat daripada Klang sila ....

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Parti Pembangkang tidak payah lari daripada tanggungjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah sebut itu, Yang Berhormat balik kepada tajuk ini .

**Tuan Kerk Kim Hock:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak beri. Tuan Yang di-Pertua, tajuk ini adalah berkenaan dengan cukai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tadi Tuan Yang di-Pertua telahpun membuat keputusan membenarkan Yang Berhormat kita teruskan ucapannya. Jadi, telah diganggu oleh pihak Parti Pembangkang dengan mengangkat bermacam-macam peraturan. Kita semua faham peraturan, mengapa tidak beri peluang dahulu pihak Yang Berhormat berucap. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Kerajaan Terengganu ini, saya hendak menimbulkan ini, sebab ini bukan sahaja tidak menurut perlembagaan tetapi juga bahaya untuk negara kita sebab ia akan membahagikan masyarakat Malaysia kepada Islam dan bukan Islam...

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka...

**Dr. Tan Yee Kew:** Kerajaan Barisan Nasional telah berusaha bersungguh-sungguh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, cara Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga melanggar peraturan....

**Dr. Tan Yee Kew:** .... selama ini untuk menubuhkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu antara kaum.... *[Disampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan 44(1).



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, sila duduk.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat daripada Klang....Yang Berhormat bagi Bagan, apa...

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan 44(1), jikalau berdegil-degil Yang Berhormat tolong, sila panggil dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya beliau diganggu oleh ahli yang lain. Jadi, Yang Berhormat Klang minta balik kepada tajuk dan kalau tidak ada lain, saya ingat boleh berhenti.

**Beberapa Ahli:** Berhentilah, berhentilah.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, .....DAP yang telah menyokong PAS pada pilihan raya baru lepas itu haruslah meminta maaf kepada semua rakyat yang bukan Islam dan semua rakyat yang mahu sebuah negara yang moden dan bersatu padu atas cadangan Kerajaan Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kalau ada lain bahan teruskan...

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak ada lain...

**Dr. Tan Yee Kew:** Saya rasa mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka bahawa negara hari ini sedang menghadapi krisis perlembagaan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Peraturan 36 - keluar daripada tajuk.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai nasihat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat bagi Bagan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan Mesyuarat 44.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sedang menasihatkan beliau .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tetapi berapa kali sudah nasihat?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh tukar tajuk tetapi mahu lawanlah...

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia berapa kali sudah dinasihatkan, jadi bolehlah jalankan tugas dengan memberhentikan beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan buat kalau perlu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, kalau perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila sebut yang berkaitan dengan tajuk yang kita bincangkan sebab masa pun sudah suntuk.

**Dr. Tan Yee Kew:** Sebab gangguan terlalu banyak, saya hendak mengakhiri ucapan saya dengan memberi nasihat kepada Ahli-ahli PAS *[Ketawa]* dan saya ingin mengingatkan kepada mereka bahawa negara ini adalah sebuah negara yang berbilang

kaum dan janganlah rampas hak rakyat yang bukan Islam, hormatilah perlembagaan negara kita sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersumpah pada hari yang pertama....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Dr. Tan Yee Kew:** Kita akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

12.41 tgh.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam masa yang singkat untuk sama-sama membincangkan rang undang-undang yang sedang kita bahaskan sekarang.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu laporan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada tahun 1998 yang telah pun dibentangkan dalam Dewan ini berkaitan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu berkaitan dengan satu laporan yang berbunyi dua syarikat telah diberi elaun cukai pelaburan berjumlah RM223 juta tanpa disokong dengan surat kelulusan daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Cukai pendapatan yang boleh dikenakan terhadap syarikat-syarikat berkenaan berjumlah RM67 juta.

Yang kedua, ECP yang berjumlah RM0.72 juta juga telah diberi kepada dua syarikat sungguhpun perbelanjaan modalnya dibuat di luar tempoh yang diluluskan. Cukai pendapatan yang tidak dikenakan akibat kesilapan ini berjumlah RM0.27.

Yang ketiga, 20 syarikat telah diberi ECP berjumlah RM9.7 juta terhadap perbelanjaan modalnya yang tidak layak mendapat kemudahan itu dan ada lain-lain perkara yang dibangkitkan dalam laporan Jawatankuasa ini.

Saya ingin tahu daripada kementerian yang terlibat, bagaimanakah kesilapan dan kelemahan ini boleh berlaku yang menyebabkan kita kerugian sejumlah yang begitu besar dan yang kedua, apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki kelemahan dan kesilapan ini?

Tuan Pengerusi, semalam sahabat saya dari Rompin ada sebut Menteri tidak dapat hadir pada sidang ini ialah kerana ada mesyuarat Kabinet. Pada hari ini Kabinet tidak ada, saya hanya hendak mengingatkan Yang Berhormat bagi Rompin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ucapan sudah habiskah?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kharaj, saya ingin mendapat sedikit kesempatan untuk membetulkan salah faham daripada Yang Berhormat yang baru tadi. Saya tidak menyalahkan beliau kerana mungkin oleh kerana sistem media yang ada dalam negara kita telah menyebabkan sebahagian daripada orang yang bukan Islam mendapat gambaran yang sangat buruk tentang sistem percukaian yang ada dalam Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mungkin perkara ini boleh dijawab oleh Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya. Jadi, saya berharap Yang Berhormat tersebut dapat mengkaji terlebih dahulu secara terperinci sebelum menyebut satu perkara yang dia tidak faham. Saya berharap rakan-rakan saya daripada UMNO dapat memberikan kesempatan, masyarakat bukan semua memahami....

**Dr. Tan Yee Kew:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya.

**Dr. Tan Yee Kew:** Saya memang faham apa itu Kharaj, tetapi saya tidak diberikan peluang untuk menghabiskan ucapan saya.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi ada sebut Kharaj ialah cukai pendapatan. Kharaj bukan cukai pendapatan. Kharaj ialah cukai tanah dalam terminologi Islam. Sama dengan premium tanah dan lain-lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mengapalah mungkin.....

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Itu menunjukkan dia tidak faham.

**Seorang Ahli:** Betul!.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin Timbalan Menteri akan jawab.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya, ya. Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan bukan pendapatan bukan cukai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan semua menteri Kabinet mengisytiharkan harta mereka. Yang saya hendak bangkitkan dalam soalan ini ialah perisytiharan ini hanya dilakukan oleh menteri Kabinet kepada Perdana Menteri. Orang lain tidak tahu pun perisytiharan ini. Oleh kerana itu ketelusan tidak wujud, prasangka akan wujud. Yang saya cadangkan dalam Dewan ini ialah supaya perisytiharan ini dimajukan kepada satu jawatankuasa yang dibentuk oleh Parlimen ini supaya dengan itu orang semua yakin menteri-menteri telah mengisytihar harta mereka, dan yang kedua saya rasa menteri bukan sahaja perlu mengisytiharkan harta mereka tetapi perlu dimasukkan sama anak dan keluarga mereka yang terdekat. Mungkin mereka tidak ada harta tetapi anak mereka mempunyai harta yang banyak. Jadi, ini menyebabkan salah faham timbul dalam masyarakat kita yang perlu kita atasi untuk memulihkan integriti pemimpin-pemimpin kita.

Akhir sekali, menteri-menteri kita tidak ada, Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

12.46 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, cuma ringkas sahaja. Dalam sidang Parlimen dua-tiga hari yang lepas, bukan sekali sahaja, bekas Timbalan Menteri Kewangan, Dr. Afifuddin, beliau ada berjanji di dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu penyata akaun (*statement of account*) menunjukkan sama ada baki atau ada hutang kepada LHDN akan dikeluarkan pada hujung tahun ini. Sekarang masih ada, cuma satu minggu sahaja akan habis tahun ini, sama ada janji ini akan ditunaikan.

Seksyen baru 103 dan 107C. Kedua-dua seksyen ini saya agak ini adalah satu cara yang *high handed*, dengan izin, kerana jikalau satu-satu cukai dikenakan, tidak dibayar maka ia akan kena 10%, selepas 60 hari kena lagi 5%, selepas 30 hari tidak bayar kena lagi 10% peratus *without any further notice*, tanpa diberi notis atau peringatan kedua atau ketiga. Kerana saya rasa ini memang satu *high handed tactic*, dengan izin. Maka jikalau pihak bank atau pihak syarikat perniagaan boleh memperingatkan pelanggan-pelanggan mereka bahawa mereka ada hutang kepada bank dan tempohnya sudah sampai maka mereka perlulah memberi peringatan atau memberi peluang untuk pelanggan-pelanggan mereka untuk menjelaskan mengapa mereka tidak boleh bayar dan bukan sekadar 10% sahaja, kena lagi 5%, lagi 10%, lagi 5%. Saya agak kedua-dua seksyen ini adalah terlampau. Dengan ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

12.48 ptg.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada 12 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas mengenai Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999. Terlebih dahulu ingin saya menerangkan konsep oleh kerana Yang Berhormat bagi Kepong telah bertanyakan banyak konsep dan juga menyarankan agar kursus-kursus diberi kepada semua orang. Jadi, saya ingin mengambil masa sedikit untuk menerangkan konsep ini.

Kita tengok konsep tahunan asas dan tahun taksiran dahulu. Taksiran cukai dibangkitkan bagi satu tahun taksiran atas pendapatan yang diperolehi dalam sesuatu tahun asas. Jadi, tahun taksiran adalah satu tahun kalender. Di bawah sistem taksiran berasaskan tahun sebelum, tahun asas adalah tahun sebelum tahun taksiran. Contohnya, kalau tahun taksiran 1998, tahun asas adalah tahun 1997. Di bawah sistem taksiran berasaskan tahun semasa, tahun asas adalah sama dengan tahun taksiran. Contohnya, tahun taksiran 2000, tahun asas pun adalah 2000.

Bagi sebuah syarikat perniagaan, tahun asas ialah tahun kewangan syarikat itu. Jadi, contohnya tahun taksiran 1998, tahun asas ialah tahun kewangan yang berakhir dalam tahun 1997 mulai 1 Februari 1996 hingga 31 Januari 1997. Jadi, di bawah sistem taksiran berasaskan tahun semasa, tahun asas ada tahun kewangan yang berakhir dalam tahun yang sama. Contohnya, kalau tahun taksiran 2000, tahun asas ialah tahun kewangan yang berakhir dalam tahun 2000.

Dari mula cukai pendapatan diperkenalkan di Malaysia dalam tahun 1928 sehingga tahun 1999, sistem taksiran percukaaian adalah berasaskan tahun sebelum. Ini bermakna taksiran yang dibangkitkan dan cukai pendapatan yang dibayar dalam sesuatu adalah untuk pendapatan yang diterima dalam tahun sebelumnya. Perubahan dari sistem taksiran berasaskan tahun sebelum kepada taksiran berasaskan tahun semasa bermakna pembayaran cukai perlu membiayai cukai pendapatannya dalam tahun pendapatan tersebut diperolehi iaitu berasaskan konsep *pay as you earn*. Oleh itu, cukai yang dipungut adalah berasaskan aliran wang tunai tahun semasa dan keupayaan pembayar cukai untuk membayar cukai tersebut.

Dari segi pengemukaan borang penyata pendapatan ianya dilakukan selepas semua pendapatan bagi tahun itu diketahui iaitu pada tahun berikutnya seperti yang diamalkan sekarang.

Jadi, sehubungan dengan perubahan asas taksiran ini kerajaan telah bersetuju untuk melepaskan cukai atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 seperti mana yang dikatakan oleh Kepong tadi, iaitu pendapatan untuk tahun peralihan. Jadi, walau pun cukai dilepaskan untuk pendapatan tahun 1999, pembayar cukai masih perlu melaporkan pendapatan yang diterima dengan mengambil kira borang penyata pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negara bagi memastikan pendapatan yang tidak diberi pelepasan dikenakan cukai seperti dividen, pengajian diterima oleh individu bukan warganegara, pendapatan yang tertakluk kepada cukai pegangan muktamad. Kegagalan pembayar cukai mengemukakan borang penyata pendapatan bagi tahun taksiran 2000 berkaitan dengan pendapatan 1999 berasaskan tahun sebelum adalah mewujudkan *information gap* yang kita perolehi.

Skim potongan cukai berjadual (STD). jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 3 konsep sekarang ini. Pertamanya cukai yang kita bayar pada tahun sebelumnya, kita bayar cukai tahun 1998 iaitu untuk bayaran 1997. Selepas itu kita beralih pula kepada bayaran

semasa, cukai tahun 2000 kita bayar tahun 2000. Sekarang ini kita beralih pula satu lagi kaedah iaitu cukai taksiran sendiri, jadi ini tiga konsep yang saya terangkan.

Sistem taksiran sendiri ataupun *self-assessment* (STS), objektifnya seperti mana yang Kepong katakan tadi betul bahawa kerajaan sekarang ini menggalakkan pematuhan sukarela. Ini dikatakan banyak mengenai sukarela tadi, jadi kita tidak ada menaruh cemburu kepada pembayar cukai bahawa kita mengatakan *we trust them*, jadi dia akan bayar secara sukarela.

Keduanya, menggalakkan penggunaan sumber yang lebih kos efektif. Jadi, Kepong kata tadi menanyakan jawatan-jawatan, adakah jawatan kita tidak cukup tetapi kita boleh *re-deployed* kepada audit luaran. Memastikan pelaksanaan yang seragam dan mempertingkatkan kutipan hasil serta mengurangkan kos pentadbiran cukai kepada kerajaan. Jadi STS akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sebagaimana yang dikatakan oleh Kepong tadi, bermula dengan syarikat dalam tahun 2001, diikuti dengan *self employed* dan *salary individuals* dalam tahun 2003 dan 2004 masing-masing yang berkenaan.

Kerajaan memberi penuh kepercayaan dan tanggungjawab kepada pembayar-pembayar cukai untuk menentukan cukai masing-masing dan membayarnya secara sukarela. Ini konsep STS adalah berasaskan kepada konsep *self assess and pay*. Pembayar cukai bertanggungjawab untuk menentukan sendiri cukai yang kena dibayar, mengikut peruntukan cukai yang ada serta membayar cukai tersebut. Lembaga Hasil Dalam Negara akan lebih menerima apa juga taksiran yang dibuat oleh pembayar cukai dengan senang hati. Peruntukan undang-undang percukaian sedia ada, ada dipinda, pindaan yang dicadangkan tidak mengubah dasar percukaian yang ada melainkan membolehkan tanggungjawab percukaian berpindah kepada pembayar cukai iaitu tanggungjawab mengemukakan borang penyata pendapatan, menentukan cukai pendapatan yang kena bayar dan membayar cukai. Ini semua kita bagi keistimewaan kepada pembayar cukai itu sendiri.

*Concept due date* diperkenalkan agar pembayar cukai dapat mematuhi peruntukan percukaian dalam tempoh yang ditetapkan. Peruntukan lain seperti peruntukan bagi skim bayaran insurans serta struktur penalti masih dikekalkan seperti di bawah sistem taksiran formal, ini saya akan pergi kepada Yang Berhormat Bagan kemudian.

Walaupun STS hanya dilaksanakan dalam tahun 2001, bagi syarikat peruntukan undang-undang bermula dalam tahun 2000 bagi syarikat yang mempunyai tahun kewangannya selain daripada 31 Disember. Contohnya bagi syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir 31 Januari, peruntukan STS berkenaan dengan bayaran insurans cukai akan berkuatkuasa mulai tahun 2000. Jadi kalau kita kata kita akan kenakan tahun 2001 tetapi oleh kerana dia punya taksiran itu Januari ke Disember ataupun Februari ke Januari atau Mac melangkaui tahun satu lagi itu maka itu akan dikenakan sebagai taksiran sendiri.

Bagi memastikan kepercayaan yang diberi kerajaan tidak disalah gunakan, ini dibangkitkan oleh Kepong tadi, seperti juga kastam, kita sekarang ada *green lane*, jadi maknanya lori-lori tidak perlu lagi diskrim oleh kastam, dia ada *invoicenya* dia beritahu kita, ini semua tidak kena cukai, kita lepaskan begitu sahaja. Tetapi dalam keadaan-keadaan yang serupa kita ada buat *check* rambang di mana kadang-kadang kita dapati bahawa ada lori-lori yang membawa barang-barang yang kena cukai tetapi dia kata barang-barang itu tidak kena cukai. Ini di mana-mana, seperti mana kata Yang Berhormat Kepong, semua insan bukan bertaraf kamil. Bagi memastikan kepercayaan yang diberi kerajaan tidak disalah gunakan dan bagi membolehkan penggalakan pematuhan secara sukarela serta memberi pendidikan percukaian kepada pembayar cukai, Lembaga Hasil

Dalam Negara akan terutamanya memperkemaskan dan mempertingkatkan fungsi audit kita.

Yang keduanya, meningkatkan *publicity* melalui seminar, penerangan dan media elektronik dan akhbar.

Yang ketiganya, mengeluarkan risalah, garis panduan, ketetapan dan sebagainya, ini telah pun kita keluarkan hari itu, kemungkinan nanti, insya-Allah, kita akan keluarkan lagi berserta dengan dokumen-dokumen lain pada bulan Februari apabila kita membentangkan *Budget*. Fungsi-fungsi penyiataan dan peperiksaan akan ditingkatkan bagi membanteras pengelakan cukai. Jumlah kes yang diselesaikan oleh pusat penyiataan dan pemeriksaan bagi tempoh tahun 1985 hingga 1991 tidaklah berapa banyak.

STS ialah sistem percukaian yang baru dan amat berbeza daripada sistem yang diamalkan sekarang. Jadi pihak Lembaga Hasil Dalam Negara sedia menerima apa-apa pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi dan cadangan-cadangan serta komen yang membina akan diperbaiki dan akan diperkemaskan dari masa ke semasa.

Saya pergi kepada perkara-perkara yang spesifik pula. Mengenai silap faham mengenai cukai, tadi saya telah terangkan, Yang Berhormat Kepong tentang konsepnya. Tentang fasal 4 iaitu mengenai *deem-assessment*. Yang Berhormat Kepong meminta penjelasan. Konsep *deem-assessment* diperkenalkan untuk melaksanakan konsep *file and pay* tadi. Maksudnya peruntukan ini ialah pengiraan yang dibuat oleh pembayar cukai dianggap sebagai taksiran yang dibuat oleh Ketua Pengarah. Jadi *we give you the total trust*, dengan izin. Kalau misalnya Yang Berhormat Kepong dengan adanya percukaian-percukaian yang perlu dibayar, dia kata kena cukai RM1,000, kita katakan itu adalah cukai daripada Ketua Pengarah. Ertinya pembayar cukai perlu membayar amaun seperti yang dikiranya sendiri semasa mengemukakan borang penyata pendapatan.

Dan borang *return* cukai pendapatan perlu dipermudahkan, ini yang dibangkitkan oleh Kepong itu tadi, saya setuju dan Lembaga Hasil Dalam Negara sedang merangka satu borang *return* cukai pendapatan yang mudah diisi oleh semua. Kerana apabila siap *assessment* kalau ada konsep dan pemikiran-pemikiran ataupun penaksiran yang berlainan, maka kita akan payah hendak mengisi borang cukai pendapatan ini. Oleh kerana itu kita akan *simplify*, kita akan cuba sedaya upaya untuk meringkaskannya supaya semua orang faham. Satu *guide line* mengenai cara mengisi borang akan dikeluarkan kepada pembayar-pembayar cukai. Selain daripada itu, kita sekarang ini pun ada *hot line* supaya dapat orang-orang yang hendak mengisi borang dan sebagainya, hendak bertanya kita akan adakan *hot line*.

Cadangan oleh Yang Berhormat Kepong untuk mengadakan satu Jawatankuasa khas untuk publisiti, ini pun saya setuju dan Lembaga Hasil Dalam Negara telah mengadakan jawatankuasa khas untuk publisiti dan perbelanjaan cukai ini dan jawatankuasa ini akan giat mengadakan program-program selepas rang undang-undang ini diluluskan nanti. Kita sudah ada sikit hari itu tetapi bila sudah bubar, maknanya rang undang-undang yang diluluskan hari itu tetapi kita bawa balik dan kita akan *activate* balik semula jawatankuasa khas kita nanti.

Jadi dengan memperkenalkan STS adakah bilangan kakitangan akan dikurangkan. Kita cuba *re-deployed*, Yang Berhormat Kepong, supaya dapat kita menggunakan cara maksimum kakitangan yang ada.

Yang Berhormat Kepong juga telah menanyakan sama ada dividen tidak dikecualikan pada tahun pendapatan dilepaskan. Adakah marginal tax rates dikenakan atas pendapatan dividen ini. Oleh kerana dividen adalah tertakluk kepada cukai bagi tahun taksiran 2000, dengan cara pengiraan yang akan diadakan untuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa telah cukup. Jadi Yang Berhormat diminta sambung pada petang inilah. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Sepang mencadangkan supaya pembayar cukai dibenarkan mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar lebih daripada sekali untuk memudahkan syarikat-syarikat yang mengalami kerugian. Kita berpendapat sekiranya syarikat dibenarkan mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar lebih daripada sekali, besar kemungkinan kemudahan ini akan disalahgunakan.

Jadi, syarikat yang mendapat keuntungan besar akan membayar insurans yang rendah dan ini akan menjejaskan aliran tunai kerajaan. Jadi, syarikat yang mengalami kerugian boleh memohon daripada Ketua Pengarah untuk mendapatkan arahan bayaran ansuran yang bersesuaian dengan keadaan syarikat itu.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah pun menyatakan sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh membantu syarikat-syarikat yang menghadapi kesulitan kewangan seperti bank mengkategorikan pinjaman sebagai NPL. Syarikat yang menghadapi masalah kecairan tunai boleh memohon daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menstruktur semula ansuran bayaran bulannya dan permohonan akan dipertimbangkan mengikut sesuatu kes dan banyak perkara ini dibuat pada tahun lepas.

Cadangan untuk syarikat yang tidak membayar cukai disiarkan nama-nama syarikat dalam akhbar. Mengikut seksyen 138, Akta Cukai Pendapatan 1967 terdapat peruntukan untuk memastikan hal cukai pendapatan pembayar cukai adalah rahsia. Jadi, dengan itu nama syarikat-syarikat yang tidak membayar cukai tidak boleh disiarkan. Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya tidak ada perbezaan layanan diberi dalam kes-kes *remittance* penalti yang telah dikenakan.

Jadi, seperti kita maklumkan bahawa kuasa Ketua Pengarah meremit penalti adalah berasaskan kepada dasar-dasar yang tertentu dan semua syarikat akan diberi layanan yang sama dalam menentukan sama ada penalti boleh diremit atau tidak. Jadi, kita mengikut Perlembagaan Artikel 8, *everybody is equal before the law*, dengan izin.

Mengenai pindaan Seksyen 114 sama ada kementerian memantau profesion akauntan, ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun. Pada amnya, akauntan-akauntan dikawal oleh badan-badan profesional yang sedia ada. Akauntan-akauntan yang bertindak sebagai ejen cukai dikawal oleh Kementerian Kewangan. Sekiranya didapati tahap perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai ke tahap yang dikehendaki, lesen sebagai ejen cukai tidak akan dilanjutkan lagi di masa yang akan datang.

Yang Berhormat bagi Tambun mencadangkan supaya kadar cukai syarikat diturunkan supaya sama dengan Singapura. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia tahu bahawa sebarang penurunan kadar cukai memerlukan kajian yang mendalam supaya tidak menjejaskan hasil kerajaan. Walaupun, kadar cukai korporat Malaysia lebih tinggi daripada Singapura, Malaysia menyediakan pelbagai insentif seperti *pioneer status* taraf

perintis, elaun pelaburan cukai, elaun pelaburan semula dan sebagainya. Jadi, kalau dikira insentif itu sekali *effective rate* adalah sebenarnya lebih rendah daripada 28% seperti yang dinyatakan.

Yang Berhormat bagi Tambun juga meminta kerajaan memberikan lebih perhatian kepada isu melarikan cukai dan meningkatkan kakitangan dalam tugas-tugas penyiasatan. Ini telah pun saya katakan tadi apabila menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong, bahawa di dalam sistem taksiran sendiri pegawai dan staf yang terlibat dengan taksiran masa ini akan *redeployed*, digunakan untuk menggunakan tugas-tugas audit luaran.

Yang Berhormat bagi Tambun juga mencadangkan untuk mengadakan kempen untuk meningkatkan *voluntary tax compliance*. Saya telah menjawab tadi kita sedang mengadakan seminar, risalah, garis panduan untuk masa akan datang supaya program pembelajaran cukai ini akan ditingkatkan lagi. Yang Berhormat bagi Tambun telah bertanya sama ada kerajaan telah mengadakan perundingan dengan MIA dan MACPA. Jawabnya ialah ada dan pertimbangan telah diadakan dari masa ke semasa dan kita meminta kalau boleh dalam masa enam bulan cuba dahulu supaya dapat *returns* itu dihantar.

Yang Berhormat bagi Sepang dan Yang Berhormat bagi Tambun telah bertanya sama ada syarikat mempunyai *gestation period* yang panjang, perlu mengemukakan borang penyata pendapatan setiap tahun. Contohnya, syarikat pemaju perumahan, sesuatu projek mungkin memakan masa dua atau tiga tahun. Peruntukan yang dicadangkan adalah terpakai kepada semua syarikat, tidak kira sama ada syarikat itu mempunyai keuntungan atau kerugian. Bagi pemaju-pemaju perumahan, pendapatan tidak ditaksir atas *complacent basis* tetapi sebaliknya ditaksir atas *percentage of complacent*. Jadi, oleh kerana itu kalau tiga tahun, tiap-tiap tahun itu *percentage of complacent* akan dikira.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah mencadangkan supaya cukai dikenakan atas perniagaan secara selektif atau terpilih, misalnya, pertanian dan diberi pengecualian. Pada masa ini cukai dikenakan ke atas semua bidang ekonomi atas asas yang sama rata. Aktiviti terpilih yang digalakkan diberi insentif cukai. Cara ini ialah lebih efektif dan lebih mudah dilaksanakan. Contoh yang telah kita beri ialah perbelanjaan modal atau projek pertanian yang diluluskan. Ini pun juga dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Pertolongan projek pertanian yang diluluskan, elaun pelaburan semula bagi aktiviti pertanian yang tertentu dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Batang Lular telah pun membahaskan rang undang-undang ini dengan panjang lebar mengenai syarikat asing yang mendapat segala insentif cukai dan kemudiannya membawa hasil keluaran melalui bayaran royalti dan dividen. Kerajaan berpendapat bahawa Akta Cukai Pendapatan 1967 mempunyai peruntukan untuk menahan cukai ataupun *withholding tax* atas royalti yang dibayar kepada seorang yang bukan pemastautin dibayar ke luar negeri iaitu sebanyak 10% atas amaun royalti yang dibayar bagi dividen cukai syarikat berkenaan.

LHDN mengkehendaki pembayar cukai membayar cukai walaupun pembayar cukai sedang membantah taksiran. Ini juga telah pun kita beritahu iaitu pada masa ini mengikut Akta Cukai Pendapatan, sememangnya peruntukan akta menetapkan sedemikian. Walau bagaimanapun, dengan diperkenalkan STS ini pembayar cukai akan mengira cukainya sendiri dan bayar mengikut perkiraannya. Dari itu kemungkinan besar keadaan seperti yang disebutkan tadi tidak akan berlaku lagi. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah boleh membenarkan bayaran cukai ditangguhkan dalam kes-kes yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Batang Lular juga mencadangkan supaya kepatuhan cukai atau *tax compliance* dipertingkatkan agar semua orang yang patut membayar cukai dikenakan cukai. Kita telah mengatakan tadi bahawa LHDN sentiasa berusaha



mempertingkatkan tahap kepatuhan melalui program publisiti dan pembelajaran dan pembayar cukai. LHDN juga menjalankan usaha mengesan untuk memperbesarkan asas cukai ataupun *tax base* melalui pelbagai cara termasuklah *foods survey* dan sebagainya. Kalau dahulu orang menjual kepala ikan tidak kena cukai tetapi sekarang sudah kena cukai. Ini melalui *foods survey* yang dibuat.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga mencadangkan supaya potongan cukai diberikan kepada anak-anak yang menjaga ibu bapanya. Potongan cukai bagi perbelanjaan ibu bapa dan saudara mara telah pun diberi termasuk dalam potongan cukai sebanyak RM5,000.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga menanyakan apakah syarat-syarat bagi badan sukarela mendapatkan pengecualian cukai. Jadi, institusi amal atau badan amanah yang bersifat amal atau *charitable*, dengan izin, boleh memohon daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan pengecualian. Antara syarat yang ditetapkan ialah sekurang-kurangnya 70% daripada pendapatan institusi amal itu dibelanjakan untuk tujuan amal. Badan amal itu juga tidak boleh menjalankan perniagaan. Senarai badan-badan amal yang telah diberi pengecualian, saya pohon kepada Ahli Yang Berhormat akan saya beri atau dibekalkan kemudian secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga mencadangkan supaya LHDN mempercepatkan proses bayaran balik. Ini telah banyak kali diperkatakan tiap-tiap sesi Parlimen kita. Mengikut Piagam Pelanggan LHDN, bayaran balik akan dibuat dalam tempoh tiga bulan. Kebanyakannya bayaran balik telah dapat dilakukan dalam tempoh itu. Terdapat juga bayaran balik yang lewat kerana sebab-sebab tertentu. Dalam hal ini, LHDN sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai termasuklah mempercepatkan bayaran balik itu tadi.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah membangkitkan masalah penyiasatan dibuat ke atas syarikat-syarikat Cina sahaja. Jadi, ingin saya menyatakan di sini bahawa aktiviti penyiasatan bagi menyiasat kes-kes *back duty* ini dilakukan atas semua pembayar cukai tanpa mengira kaum. Tumpuan adalah kepada kes-kes yang dikesan melarikan cukai yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Jelutong telah pun menyatakan tentang penyiasatan dibuat ke atas syarikat-syarikat Cina sahaja, serupa juga jawapan. Yang Berhormat bagi Jelutong juga mencadangkan supaya LHDN membayar faedah atas bayaran balik *refund* yang lambat dibayar.

Pada masa ini, pembayar cukai yang lewat menjelaskan cukai tidak dikenakan faedah tetapi dikenakan denda atas kesalahan lewat bayar. Isu penggunaan faedah ini perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana faedah tidak wajar dikenakan pada satu pihak sahaja. Denda cukai dikenakan sekali sahaja dan faedah nanti ia akan berulang. Kalau misalnya, tidak bayar dua tahun, tiga tahun faedahnya makin lama, makin tinggi. Sedangkan kalau berdenda sekali sahaja. Jadi, saya rasa denda secara relatifnya lebih menyenangkan kedua-dua belah pihak daripada *interest* ataupun faedah.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai LHDN tidak merampas semua buku dan dokumen perniagaan semasa menjalankan penyiasatan di bawah Fasal 3. Pegawai penyiasat LHDN hanya mengambil buku-buku dan dokumen-dokumen, dengan izin, *incriminating* ataupun tunjuk bukti sahaja dengan tujuan menentukan cukai yang sebenarnya perlu dibayar dan denda cukai telah dinaikkan di bawah Sistem Taksiran Sendiri. Denda adalah untuk *tax defaulters* jika tidak mahu dikenakan denda, patuhilah undang-undang tetapi perkara ini payah. Seperti juga kita menggantung orang yang mengedar dadah dan sebagainya tetapi pengedaran tetap berlaku.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang meminta *confirmation bill* berkenaan kedudukan cukai belum dibayar. Ini juga telah diminta oleh Yang Berhormat bagi Bagan, tiap-tiap kali perbincangan tentang cukai. LHDN sedang mempertingkatkan keupayaan komputernya dan di masa hadapan LHDN akan *mengeluarkan statement of payment* pada setiap pembayar cukai. Dengan cara ini pembayar cukai akan dapat mengetahui kedudukan cukainya. Jadi, kita akan habiskan kira-kira kita pada 31 Disember 1999 seperti mana yang telah dijanjikan dan kita akan keluaran statement ini pada tahun 2000 permulaannya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sekian sahaja jawapan saya kepada pertanyaan-pertanyaan dalam perbahasan di peringkat dasar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.47 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

Rang Undang-undang Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 selepas ini disebut Akta 64, bagi maksud untuk membolehkan pengenaan cukai jualan kepada kadar spesifik ke atas barangan petroleum. Untuk memenuhi komitmen Malaysia mengenai perjanjian kawasan perdagangan bebas Asean di bawah Skim Common Effective Preferential Tariff (CEPT), cadangan berkaitan produk petroleum ialah supaya duti import dan duti eksais atasnya dimansuhkan terus dan sebagai ganti barangan ini dikenakan cukai jualan spesifik pada kadar yang sama dengan kadar duti import dan duti eksais yang dimansuhkan itu supaya kehilangan hasil dapat dielakkan.

Untuk membolehkan pelaksanaan cukai jualan ke atas barangan petroleum dalam bentuk kadar spesifik, beberapa peruntukan Akta 64 perlu dipinda untuk menyesuaikan dengan kehendak kawalan cukai jualan dalam bentuk spesifik serta untuk membolehkan ciri kawalan tertentu diadakan khusus bagi industri petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghuraikan perkara-perkara penting dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk menetapkan tarikh Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 ini berkuat kuasa iaitu pada 1 Januari 2000. Ini adalah bagi melaksanakan pengenaan cukai jualan ke atas barangan petroleum mulai 1 Januari 2000 bagi menggantikan pemansuhan duti import dan duti eksais ke atas barangan petroleum mulai dari tarikh yang sama.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 64 untuk meluaskan takrif 'pengilangan' supaya meliputi pengilangan petroleum dan bagi memasukkan takrif baru bagi petroleum.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 64 untuk membenarkan cukai jualan dihitung berdasarkan kuantiti barangan yang dijual atau dilupuskan atau diimport sebagai tambahan kepada kaedah hitungan berdasarkan nilai jualan yang digunakan sekarang.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 64 untuk menkehendaki kualiti barang yang dijual direkodkan dalam invois yang dikeluarkan.

Fasal 6 dan 7 masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 69(1) dan 70(1) Akta 64. Pindaan-pindaan itu bertujuan untuk menghendaki penyelesaian dan penerima bagi pengimport barang-barang termasuk petroleum yang baginya cukai jualan kena dibayar supaya memberikan notis kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh 14 hari dari perlantikannya mengasingkan sejumlah wang yang mencukupi daripada apa-apa aset untuk membayar cukai jualan sebelum melupuskan aset-aset itu dan membayar cukai jualan yang kena dibayar itu. Buat masa sekarang hanya penyelesaian dan penerima bagi pengilang berlesen sahaja yang tertakluk kepada kewajipan-kewajipan ini.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru yang ke-18 ke dalam Akta 64 yang khusus memperkatakan petroleum. Bahagian baru XVIII itu memasukkan seksyen baru 91 hingga 95. Seksyen 91 menyatakan bahawa Akta 64 terpakai bagi petroleum tertakluk kepada Seksyen 92 hingga Seksyen 95.

Seksyen 92 memberi menteri kuasa untuk membuat satu perintah yang mengubah berkenaan dengan petroleum tempoh cukai jualan menjadi terhutang dan kena dibayar dan tempoh kena cukai dan juga mengenakan syarat-syarat kepada perubahan-perubahan itu.

Seksyen 93 membenarkan mana-mana orang menerima daripada kawalan kastam petroleum kena cukai yang diimport walaupun mana-mana bahagian atau kesemua cukai jualan atas barang-barang itu belum dibayar.

Seksyen 94 tidak membenarkan ambilan balik berhubung dengan petroleum.

Seksyen 95 memperuntukkan bahawa bagi maksud petroleum, peruntukan khas dalam Bahagian XIV dan XVII berhubung dengan Labuan dan Langkawi dalam Akta 64 tidak mempunyai kuatkuasa dan petroleum di Labuan dan di Langkawi akan tertakluk kepada peruntukan lain akta itu.

Fasal 9 memperkatakan peruntukan peralihan bagi petroleum yang tertakluk kepada duti eksais di bawah Akta Eksais 1976 apabila akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa pada Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun]*

Ya, ada empat Ahli yang hendak berucap, lima ya, enam. Bolehkah saya hadkan masa oleh kerana kita dikehendaki menamatkan perbahasan kita pada jam 5.30 ya. Dengan demikian, saya hadkan masa seorang berucap dalam 20 minit, saya ingat 20 minit sudah mencukupi ya. Sila, Bukit Bintang.

**2.54 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa pembentangan rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 adalah merupakan satu lagi langkah di peringkat kerajaan untuk memperluaskan sumber hasil negara menerusi sistem percukaaian. Oleh kerana sektor pembuatan dan perkilangan dan pengimportan barang-barang bercukai masih mempunyai ruang untuk menambah hasil negara berikutan krisis ekonomi yang melanda negara sepanjang dua tahun lalu, maka dengan sebab itu rang undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini dapat dilihat daripada pentakrifan semula istilah "pengilangan" supaya meliputi pengilangan petroleum (dalam Fasal 3) dan cara cukai jualan dihitung berdasarkan kuantiti barang selain dihitung berdasarkan nilai jualan, seperti tertera dalam Fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan sumber hasil negara yang lain, kutipan cukai jualan untuk hasil Kerajaan Persekutuan sepanjang tahun 1996 hingga 1998 ialah:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (RM Juta)</b>	<b>Sumbangan kepada Hasil (%)</b>
1996	5,473	9.4
1997	6,162	4.4
1998	3,845	6.8,

mana-kala anggaran cukai jualan bagi tahun 1999 ialah sebanyak RM4,285 juta iaitu 11% lebih tinggi daripada jumlah kutipan tahun 1998. Angka ini berdasarkan Kertas Perintah 22 Tahun 1999 di mana untuk tahun 1999 sebanyak 35% cukai ke atas barang import dan 65% daripada barang-barang pengilangan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah bermakna bahawa ulasan saya ini bertujuan membantah pengenaan cukai jualan tetapi kita harus melihat sama ada pengenaan cukai jualan memberi kesan atau tidak ke atas pengilang, peniaga dan pengguna. Bagi saya cukai jualan ke atas barang kilang dalam negeri dan import mempengaruhi dan mendorong kenaikan harga. Pengilang dan peniaga terpaksa menetapkan harga dan kos yang tinggi kepada sesuatu barang. Para pengguna terpaksa membayar kos yang tinggi. Dalam kedudukan ekonomi yang mengarah kepada pemulihan sekarang, adalah baik dan wajar jika kerajaan dapat bertindak menggantung sementara pengenaan cukai jualan ke atas barang-barang terpilih supaya pengguna dapat membeli pada harga yang rendah.

Ia sebenarnya dapat membantu proses pemulihan ekonomi itu sendiri apabila barang-barang di kilang dapat dibeli pada harga yang rendah ataupun kadar cukai ke atas barang-barang yang dicukai perlulah dikaji semula atau diturunkan seperti barang-barang makanan, kayu dan bahan binaan yang dikenakan cukai 5%. Lain barang yang tidak diberikan pengecualian, dikenakan cukai 10% manakala bir dan rokok sebanyak 15%.

Rakyat memang menghargai barang-barang makanan perlu dikecualikan cukai jualan tetapi rangkaian pengecualian ini haruslah diperluaskan lagi. Misalnya, pengilang yang mengeluarkan barang-barang kena cukai di mana nilai jualan tahunan tidak melebihi RM100,000 dikecualikan cukai jualan, manakala ini haruslah dikaji semula supaya had tersebut dapat dinaikkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ekonomi negara pulih sepenuhnya, maka rejim cukai ini bolehlah dikenakan semula setelah disemak mengikut kesesuaiannya. Gesaan

saya ialah berasaskan prestasi sektor perkilangan masa kini setelah mengalami penguncupan 13.7% pada tahun 1998, nilai ditambah sektor perkilangan dijangka pulih semula dengan mencatatkan pertumbuhan 8.9% pada tahun 1999. Misalnya, terdapat sektor yang tidak pulih sepenuhnya dan berbeza antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran industri elektrik, elektronik dan jentera mencatatkan pertumbuhan 8.1% dalam tempoh 8 bulan pertama di tahun 1999. Pengeluaran industri tekstil dan pakaian berkembang 1.8% bagi tempoh yang sama tetapi pengeluaran industri keluaran kayu merosot 11.2% dan keluaran getah sebanyak 3.8% sahaja manakala pengeluaran kilang penapisan petroleum terus merosot 8.4%.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada rang undang-undang ini, saya tidak faham mengapa Fasal 2 menetapkan tarikh berkuat kuasa pada 1 Januari 2000. Ini bererti, mana-mana pengilang berasaskan petroleum (dalam Fasal 3) dan penyelesai dan penerima bagi pengimport barang-barang termasuk petroleum masih berpeluang melepaskan diri dari dikenakan cukai bagi keluaran sebelum 1 Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, apakah pengilang terpaksa membayar dua cukai – satu ialah cukai jualan dan keduanya, duti eksais kerana pada Fasal 9 mentakrifkan peruntukan peralihan bagi petroleum yang tertakluk kepada duti eksais di bawah Akta Eksais 1976 apabila akta yang dicadangkan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ini akan mendatangkan kesan buruk ke atas pengguna di mana mereka terpaksa membeli barangan petroleum yang sudah dikenakan cukai berganda. Sektor perniagaan, perkilangan dan pengangkutan juga akan terkesan dari langkah cukai berganda ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, adalah wajar fasal ini dipinda supaya pengguna dikenakan satu cukai sahaja. Jika tidak, kerajaan sengaja menjemput inflasi ke negara ini. Malah cukai pendapatan petroleum hendaklah dielak dari dikenakan cukai seterusnya ke atas pekilang dan pengusaha. Jika tidak, nampak jelas kerajaan memandang sektor petroleum amat menarik untuk dikenakan lebih cukai supaya ia mendapat lebih hasil tetapi akibatnya penduduk dan pengguna menanggung beban dan menderita atas kenaikan kos barangan petroleum.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Gaya.**

**3.02 ptg.**

**Datuk Yong Teck Lee [Gaya]:** Tuan Yang di-Pertua, meminda Rang Undang-undang Cukai Jualan ini memang satu perkara yang baik disebabkan negara kita ada komitmen dalam perjanjian AFTA *specifically* dalam konteks CEPT, maka saya rasa ini bukan satu perkara yang boleh memperluaskan sektor yang dicukai, ia hanya satu perkara yang *consequential* disebabkan komitmen negara kita dan semua negara ASEAN dalam konteks AFTA.

Walaupun demikian, saya ingin membawa satu perkara yang tidak disebut dalam rang undang-undang ini, juga tidak ada dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi sebenarnya ada kaitan iaitu mengenai Perlembagaan, Bahagian V dalam Jadual ke-10. Apa yang disebut dalam rang undang-undang ini dan juga ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah ini hanya melibatkan Kerajaan Persekutuan dan hasil Kerajaan Pusat tetapi kalau mengikut Bahagian V dalam Jadual ke-10, dengan izin, *Part V of the 10<sup>th</sup> schedule of the Constitution - additional sources of revenue are assigned to the State of Sabah and Sarawak*. Nombor satu import duti dan eksais duti *on petroleum products*. Maka, Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini *revenue* daripada import duti dan eksais duti daripada barangan petroleum ini yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak

merupakan hasil pendapatan kepada kedua-dua negeri ini dan bukan kepada hasil Kerajaan Pusat. Sistem ini sudah dimulai sejak beberapa tahun lalu, maka kalau import duti dan eksais duti ini dimansuhkan begitu sahaja dengan tidak mengambil tindakan yang lain – yang *concurrent*, maka ini bermakna negeri Sabah dan Sarawak akan kehilangan beratus juta ringgit.

Saya ingat kalau lebih kurang 10 tahun lalu, hasil pendapatan dalam sektor ini sahaja – duti import dan duti eksais bagi Sabah, kalau 10 tahun lalu lebih kurang RM150 juta. Hari ini saya difahamkan disebabkan sudah bertambah industrialisasi, maka penggunaan barangan petroleum sudah meningkat, maka pendapatan bagi Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini lebih kurang RM200 sehingga RM250 juta setahun. Bagi Sarawak, saya difahamkan lebih kurang RM500 juta, maka apabila duti import dan duti eksais ini dimansuhkan begitu sahaja dengan tidak ada tindakan dan *adjustment* yang dibuat, ini bermakna kedua-dua negeri ini pada masa akan datang akan kehilangan sejumlah RM1 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tujuan dan *intent* rang undang-undang ini adalah baik kerana ia dapat menguatkan *fundamental* ekonomi kita, ia akan membuat ekonomi ASEAN termasuk negara Malaysia lebih kompetitif. Pada masa ini saya juga ingin meminta supaya Menteri ataupun Timbalan Menteri dapat menjaminkan bahawa pertamanya, hak dan kedudukan yang sedia ada kedudukan kewangan bagi kedua-dua negeri ini tidak akan terjejas. Saya bukan ada minta tambahan, saya bukan minta apa-apa yang lebih, cuma minta *status quo* dari segi hasil pendapatan bagi kedua-dua negeri ini dapat dikekalkan. Hanya *status quo* sahaja, jadi supaya Menteri dan juga negeri-negeri lain jangan salah faham. Kita hanya minta supaya jumlah yang boleh didapati oleh kedua-dua negeri ini tidak akan terjejas akibat pemansuhan duti import dan duti eksais barangan petroleum.

Kedua, kalau saya baca, dia pinda daripada duti import dan duti eksais kepada “*sales tax*”. Dalam Bahagian V Jadual ke-10 yang saya bacakan tadi itu, *item* pertama itu, duti import dan duti eksais, *item* ketujuh itu “*state sales tax*” di mana dua negeri ini berhak, kalau mengikut Perlembagaan yang sudah ada, dengan adanya *sales tax* sendiri ataupun cukai jualan negeri sendiri.

Maka, saya berharap apa yang boleh dilaksanakan kemudian ialah cukai jualan yang dikenakan kemudian ialah cukai jualan negeri dan bukan cukai jualan Persekutuan. Kalau tidak, dengan adanya pindaan undang-undang ini kita lihat bahawa negeri Sabah dan Sarawak dengan adanya pemansuhan duti import dan duti eksais ini, kedua-dua negeri ini akan kehilangan beratus juta ringgit sehingga satu bilion ringgit. Itu perkara yang kedua – *state sales tax* dan bukan *Federal sales tax*.

Akhir sekali permintaan ketiga ialah supaya pelaksanaan undang-undang ini – pemansuhan duti import dan duti eksais ini ditangguhkan bagi Sabah dan Sarawak sehingga kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sudah berbincang dan sudah bersetuju atas apa-apa yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini.

Maka, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya di sini menyokong rang undang-undang ini dan pada masa yang sama meminta supaya *status quo* dari segi kewangan negeri Sabah dan Sarawak tidak akan terjejas.

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambun.

### 3.10 ptg.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

Saya menyokong pindaan tersebut kerana dapat mempertahankan *status quo* bermakna jika duti import dihapuskan dan kita tidak ada mekanisme untuk dengan mengadakan cukai jualan, maka hasil yang diperolehi dari duti import tersebut akan hilang dan bermakna bahawa kita akan mengalami kehilangan yang besar dari segi pendapatan negara.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk makluman, pertama dari segi import barangan petroleum, saya ingin mendapat penjelasan berapakah jumlah dari segi tonnage dan nilai import barangan petroleum ke negara kita. Mungkin kerana saya tidak mempunyai maklumat, saya memahami selama ini bahawa kita tidak mengimport barangan petroleum, jadi saya ingin mendapat maklumat tersebut.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang isu-isu mekanisme pelaksanaan rang undang-undang ini. Pertama, saya ingin mendapat penjelasan tentang kaedah mengenakan cukai ini adakah ia berbentuk *unit tax* ataupun *advalorem tax* dan berapakah kadar yang akan dikenakan dan dari segi jumlah hasil berapakah sebenarnya hasil yang akan kita perolehi ataupun yang akan kita hilang jika tidak mengenakan cukai jualan tersebut dan di samping itu, apakah *tax reliance ratio* yang kita perolehi berdasarkan kepada pendapatan negara sepenuhnya.

Kedua, tentang *tax impact point*, pada point manakah cukai jualan yang akan dikenakan pada pengeluar, *importer*, pemborong, *retailer* ataupun kepada pengguna kerana ini juga mempunyai kaitan dengan bebanan cukai ataupun *tax burden*.

Saya cuba membuat satu andaian umpamanya kalau dikenakan di peringkat *importer*, adakah *importer* akan *mark up tax* ini dan akan dipindahkan cukai ini kepada pengguna ataupun akan di'*absorb*', dengan izin, oleh *importer* tersebut ataupun *wholesaler* ataupun *retailer*, ini ada dua kaedah yang berbeza kerana ini akan mempunyai kesan kepada pengguna akhirnya, kalau ini di'*absorb*' oleh pihak yang katalah *importer*, *wholesaler* ataupun *retailer*, maka pengguna tidak akan menghadapi kesan daripada cukai jualan yang dikenakan.

Tetapi saya memahami bahawa selama ini bahawa sistem duti import kesannya adalah apabila dikenakan duti import, semua pihak akan dibebankan dengan duti import tersebut maka kalau kaedah yang sama digunakan, dari segi kesan kepada ekonomi kita tidak akan terjejas kerana ia *status quo*, kalau tidak dikenakan, kerajaan akan kehilangan hasil pendapatan, dikenakan ia akan sama juga kesannya dengan ekonomi negara kita. Maknanya dari segi kerajaan telah membuat satu kaedah yang boleh kita katakan satu kaedah yang bijaksana untuk dapat mempertahankan jumlah hasil pendapatan.

Yang keempat, dari segi status subsidi yang diberi oleh kerajaan kepada petroleum, bagaimanakah kedudukannya, adakah ini akan ditarik balik ataupun akan diteruskan oleh kerajaan.

Perkara seterusnya, saya menyentuh tentang *political impact study*, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan sama ada ada dilakukan *political impact study* apabila kita mengenakan cukai jualan tersebut kerana dari segi kefahaman saya, prinsip AFTA dengan melalui CEPT ini adalah untuk duti import bagi negara-negara dihapuskan atas tujuan supaya mewujudkan pasaran bebas di Asean di bawah AFTA nanti, di mana harga barangan akan menurun kerana tidak ada duti import. Tetapi dengan mengenakan cukai jualan ini, bermakna prinsip ataupun falsafah CEPT ataupun AFTA itu agak berlawanan, maknanya dihapuskan duti import dan bersetuju supaya produk atau barangan

yang akan dieksport dari satu negara ASEAN diimport oleh sebuah negara lain, tidak ada duti supaya harganya menjadi murah dan sekarang kita mengenakan pula cukai jualan sama seolah-olah tidak ada penghapusan duti import.

Saya menyentuh perkara ini dari segi *political impact study*, bagaimana pula reaksi daripada negara ASEAN yang lain, adakah dia rasa kita 'foul'kah ataupun ini memang telah dipersetujui oleh negara-negara Asean keseluruhannya bahawa satu mekanisme baru dibuat supaya tiap-tiap kerajaan tidak kehilangan hasil pendapatan negara.

Saya menyentuh perkara ini kerana di mana saya sebutkan dalam ucapan saya dua hari lalu, bahawa pada pandangan saya, ASEAN menghadapi masa depan yang sungguh mencabarkan, dengan kemasukan negara Amerika Syarikat, Eropah dan juga negara Jepun menguasai ekonomi dan politik negara-negara ASEAN terutama Indonesia, Thailand, Philippines termasuk juga Singapura yang selama ini memang telah dikuasai oleh negara-negara ini, maka mungkin sukar untuk kita mengadakan perpaduan seperti mana yang kita perolehi dahulu.

Jadi, bermakna apabila satu sistem di bawah sistem AFTA ini kita laksanakan dan prinsip AFTA ini kita tidak laksanakan sepenuhnya, mungkin akan ada datang sabotaj daripada negara-negara Asean yang lain. Jadi, dengan itu saya ingin bertanya adakah *political impact study* ini ada dijalankan dan jika dijalankan mungkin kita lebih bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan pada masa yang akan datang kerana pada saya dalam suasana ASEAN yang agak begitu mencabarkan ini, hubungan dengan negara-negara ASEAN ini perlu kita lebih berhati-hati apabila kita berurusan dengan negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Setiu.

3.15 ptg.

**Tuan Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Petang. Pertamanya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang sudi memberi kepada Setiu kesempatan untuk turut sama berbincang berhubung dengan Akta Cukai Jualan 1972.

Memandangkan kedudukan Malaysia yang cukup strategik dan dalam suasana perkembangan politik semasa, di mana rantau Asia Pasifik ini merupakan rantau yang menjadi perhatian kepada kuasa-kuasa besar dunia dan kedudukan pentas Sunda yang merupakan satu pentas di mana di bawahnya terkenal dengan hasil petroleum yang cukup banyak, sebab itulah Kepulauan Spratly dan Andaman dan sebagainya menjadi rebutan kuasa-kuasa besar dunia. Jadi, memandangkan kedudukan tersebut dan pada hari ini kita diminta untuk membicarakan persoalan berhubung dengan percukaian yang merupakan satu kaedah bagi mendapatkan hasil bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara kita dan saya merasakan bahawa ada seperkara yang lebih penting daripada itu juga perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan, iaitu dengan kedudukan *reservoir* minyak yang bersifat *volatile*, dengan izin, apakah pihak kerajaan mempunyai satu mekanisme dalam memastikan bahawa rizab ataupun simpanan minyak kita itu tidak menjadi pencerobohan oleh kuasa-kuasa besar yang lain. Sebab banyak syarikat-syarikat multi nasional yang sedang beroperasi di kawasan pentas Sunda ini dan dengan kedudukan simpanan minyak yang berada nun jauh ratusan ataupun puluhan kilometer di dasar ataupun di bawah lautan. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mempunyai satu mekanisme yang dapat meyakinkan kita bahawa simpanan minyak kita itu tidak dicuri orang, sebab kalau tidak, kita mungkin hanya sibuk membincangkan soal percukaian petroleum sahaja tetapi dalam masa yang sama, *reserve* kita yang sebenarnya sedang kekeringan di bawah sana, sebab



dengan pelbagai kaedah *drilling* yang ada sekarang dengan teknologi yang pelbagai, ia boleh melintasi ratusan, puluhan kilometer di bawah kawasan *reserve* kita itu.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Seksyen 2(1) Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235. Saya melihat bahawa pengilangan yang kita rujuk ini ialah tertumpu kepada pengilangan petroleum semata-mata, sedangkan ianya meliputi juga berhubung dengan pengilangan arak dan tembakau. Saya ingin mendapat kepastian dari pihak kerajaan sama ada program masyarakat madani yang sentiasa kita laung-laungkan dahulu, masih lagi konsisten, sebab persoalan arak ini kita difahamkan bahawa Malaysia adalah antara negara pengeluar dan penggunaan arak yang terbesar di kawasan Asia ini. Jadi, kita minta pihak kerajaan juga konsisten dalam soal ini.

Yang ketiganya, ialah apakah berlaku cukai sepertimana yang disebut oleh kawan kita dari Bukit Bintang tadi, yang menyebut soal percukaian berganda di mana dalam soal ini, saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa produk petroleum terutamanya bersifat hiliran sekarang ini sudah merupakan satu substitute, dengan izin, kepada penggunaan di peringkat individu dan juga di peringkat industri dan penggunaannya terlalu banyak. Dan sekiranya berlaku percukaian berganda, ini akan melibatkan kepada kos sara hidup dan kos penggunaan yang secara langsung akan pergi kepada masyarakat pengguna kita dan ini boleh melibatkan soal inflasi dan seterusnya.

Kita juga ingin mengetahui bahawa kaedah percukaian yang digunakan sekarang di dalam memberi hasil royalti kepada negeri-negeri yang terlibat dalam pengeluaran petroleum iaitu 5% saya difahamkan kepada Terengganu dan kita ingin mendapat kepastian, apakah percukaian itu, royalti 5% itu diambil dari hasil daripada penjualan *crude oil* ataupun di peringkat *downstream activity*, dengan izin.

Jadi, ini Setiu ingin mendapat maklumat tersebut memandangkan bahawa kalaulah di peringkat *crude oil* 5% maka tentunya selepas sekarang sudah hampir 20 tahun, maknanya kos pelaburan awal iaitu yang melibatkan kos eksplorasi, kos pembinaan *platform* dan kos pengilangan sudah lama telah dijelaskan. Jadi, tentunya sekarang ini kadar itu boleh dirundingkan ataupun boleh ditambahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ialah berhubung dengan kenaikan cukai ini, saya rasa ianya melibatkan industri kecil dan sederhana kita ataupun IKS kita yang tidak lagi bersifat kompetitif, kerana kita tahu bahawa apabila AFTA dilaksanakan dan kebanyakan daripada pengilang ataupun daripada syarikat-syarikat IKS kita terutamanya bumiputera yang terlibat secara langsung dengan syarikat multi nasional di mana apabila berlakunya kenaikan cukai, maka ia akan melibatkan bahawa syarikat-syarikat yang sebenarnya dasar kerajaan untuk melahirkan usahawan bumiputera dalam industri dan juga dalam pengilangan ini akan menghadapi masalah yang cukup besar kerana kebanyakan mereka terlibat dengan sistem vendor, francais dan mentor mentee dan seumpamanya. Akibat daripada kenaikan cukai ini menyebabkan mereka akan menghadapi satu keadaan di mana kos pengeluaran mereka meningkat dan akibatnya mereka menghadapi masalah *cash flow* dan sebagainya dan atas dasar itulah, maknanya mereka tidak lagi bersifat kompetitif dan apatah lagi kalau kita ingin membandingkan dengan rakan-rakan perniagaan yang terdapat di rantau Asia ini.

Sebagai akhirnya dalam peruntukan khas Seksyen 92 saya dapati bahawa kuasa kepada menteri diberi terlalu besar, jadi saya cadangkan supaya kuasa ini juga boleh kita dapatkan persetujuan bersama dengan pihak kerajaan negeri di mana petroleum tersebut terlibat memandangkan bahawa banyak sungutan dan banyak perkara yang selama ini ditimbulkan akibat daripada kuasa yang terlalu besar diberikan kepada menteri yang terlibat dalam industri petroleum ini yang menyebabkan duit ataupun hasil daripada petroleum ini tidak dapat dipersoalkan oleh sesiapa. Jadi, atas dasar itu saya

mencadangkan supaya kuasa di bawah peruntukan Seksyen 92 tersebut hendaklah melibatkan sama kerajaan negeri di mana petroleum dihasilkan.

Terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Selamat Berpuasa kepada semua.

**Tuan Yang di-Pertua: Arau.**

**3.25 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih yang memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan akta yang diberi nama Akta Cukai Jualan 1992.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang sentiasa peka untuk meminda dan juga untuk membuat perubahan kepada akta-akta yang ada di negara kita bersesuaian dengan pembangunan dan juga pencapaian negara pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, ketua bahagian Tumpat dahulu, menyebutkan bahawa Parlimen dan percukaian ini adalah merupakan satu perkara yang begitu relatif dan begitu hampir.

Kita bersyukur kerana di negara kita dengan adanya perubahan-perubahan yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, kita dapati kemampuan dan keupayaan kerajaan di dalam mengendalikan kewangan negara untuk menampung segala perbelanjaan negara dapat dicapai pada masa ini dengan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan. Kalau pada waktu kita lepas merdeka pendapatan negara cuma tertumpu kepada bidang pertanian dan juga pendapatan negara tertumpu kepada pendapatan daripada cukai pendapatan persendirian, hari ini kita dapat menikmati hidup yang lebih selesa, kemajuan yang begitu nampak jelas daripada usaha-usaha yang telah pun dibuat oleh kerajaan sama ada melalui cukai jualan dan juga cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat yang telah terbina dengan adanya kestabilan ekonomi dan juga kestabilan politik di negara kita. Jadi, ini adalah satu fakta yang tidak dapat kita nafikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk dalam rang undang-undang ini, saya ingin merujuk kepada pindaan Seksyen 17 iaitu menyebutkan di situ, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan supaya kualiti barangan dapat direkodkan. Dari segi kualiti barangan ini, untuk merekodkan kualiti barangan ini, saya merasakan adalah satu perkara yang agak subjektif sebab kuantiti, kita boleh melihat dari segi bilangan tetapi kualiti, bagaimana kualiti barangan ini hendak dipastikan.

Saya merujuk kepada masalah yang dihadapi buat masa sekarang ini bagi pengusaha-pengusaha dan juga pengilang-pengilang di mana kita dapati buat masa sekarang ini masih banyak lagi dari segi sistem percukaian yang dibuat melalui Jabatan Kastam kod-kod yang direkodkan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam pun kita dapati ada red tape, dengan izin, dari segi pelaksanaannya kerana pemahaman di antara satu pihak dengan satu pihak yang lain tidak sama.

Jadi, saya agak kuarir bila disebut kualiti barangan direkodkan, adakah pihak kementerian menentukan dan adakah kod-kod tertentu digunakan. Saya faham bahawa dari segi kod barangan di peringkat world standard, kita mempunyai satu kod yang tertentu, tetapi apa yang saya difahamkan oleh pihak-pihak syarikat yang sekarang ini terlibat dalam pengeluaran, pelaksanaannya di negara kita buat masa ini belum lagi dapat memenuhi standard yang disebutkan supaya kita mempunyai satu standard dan pemahaman yang sama di antara pegawai-pegawai dan juga pihak-pihak pelaksana.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian menjalankan kajian dari segi Akta Cukai Jualan, kalau mengikut the actual, dengan izin, dari segi volume perniagaan dan juga mereka yang terlibat dengan perniagaan dan juga angka-angka yang boleh kita ambil sebagai satu anggaran berapa banyak pendapatan yang boleh kita dapati daripada cukai jualan di negara kita melalui barangan yang telah kita tentukan dan berapakah sebenarnya yang dapat dikutip oleh kerajaan kerana saya merasakan masih banyak lagi *red tape*, dengan izin, yang berlaku di dalam proses pengutipan cukai jualan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu mengenai royalti minyak kepada negeri-negeri. Sebagaimana yang saya difahamkan bahawa buat masa sekarang ini negeri Sabah, Sarawak dan juga Terengganu mendapat royalti minyak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga difahamkan bahawa kedudukan minyak di perairan Terengganu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu tadi adalah di dalam kawasan perairan antarabangsa, iaitu di luar daripada tiga batu nautika yang dipanggil sebagai kawasan perairan negeri. Buat masa sekarang ini royalti 5% telah pun diberikan kepada Terengganu.

Saya merasakan Kerajaan Pusat tidak adil kerana negeri-negeri lain di Semenanjung tidak dapat menikmati royalti yang berkenaan pada hal pendapatan daripada minyak itu merupakan satu pendapatan untuk Federal. Saya ingin memohon pandangan daripada pihak Timbalan Menteri dan juga pihak kementerian, adakah tidak wajar supaya royalti ini diagih-agihkan kepada negeri-negeri yang ada di Semenanjung?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sebutkan di dalam membahaskan Akta Cukai Jualan 1992 dan saya juga turut menyokong. Minta maaf saya tidak nampak pertukaran itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**3.32 ptg.**

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Ya terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian semula sepertimana yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan petroleum pada masa rang undang-undang ini dibentangkan.

Sebelum daripada itu saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kurang arif tentang takrif 'petroleum' mengikut takrifan seksyen 2(1) Akta Kastam 1967, adakah meliputi pengeluaran ataupun industri gas dan LPG? Kalau boleh saya dapat penjelasan sebelum saya menyambung perbahasan ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh:** Penjelasan itu saya terangkan dalam peringkat Jawatankuasa mengikut butir-butir yang berkenaan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang di-Pertua, ya.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya ingin menyambung apa yang telah saya bangkitkan semalam iaitu dari segi potensi petroleum negara mengikut .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada Yang Berhormat yang berdiri di sana.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Boleh saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, minta penjelasan?

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Ya, penjelasan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu sekejap.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Simpanan petroleum yang terbesar yang telah ditemui kebelakangan ini ialah di sebelah Pantai Timur dan penemuan yang telah disahkan ialah terdapat kira-kira 10 trilion kaki padu gas asli di sempadan Kelantan dan Thailand dan 10 trilion kaki padu lagi akan disahkan dalam jangka masa yang dekat. Ini adalah satu sumber yang sangat besar dan bermakna kepada negara kita dan secara semula jadi juga pendaratan bagi sumber yang paling dekat dan hampir dan ekonomik ialah di pantai Kelantan yang jaraknya lebih kurang 140 km dan pilihan yang lain ialah di kawasan Kerteh, iaitu lebih kurang 300 km, perbezaannya lebih kurang 150 km.

Mengikut satu kajian yang telah dibuat oleh Union Oil of California (UNICAL), perbezaan kos di antara pendaratan di Kelantan dan di Terengganu akan memakan kos minimum A\$220 juta, satu jumlah yang sangat besar yang perlu dijimatkan. Ataupun kalau kita memilih opsyen yang ketiga, iaitu di Perlis akan memakan kos yang lebih tinggi, mungkin sampai kepada A\$320 juta.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan yang sebenar daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan telah mengarahkan Petronas untuk menentukan pendaratan bagi gas asli yang wujud di sempadan Kelantan dan Thailand itu didaratkan di Kelantan dan dengan itu dapat mencapai beberapa faedah terutama untuk memajukan negeri Pantai Timur yang dikatakan ataupun selalu dikaitkan dengan kemunduran.

Yang kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa seperti yang saya sebutkan semalam .....[Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Rompin berdiri.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya telah mendapat .....[Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beri laluan?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tahniah kepada Yang Berhormat Kubang Kerian sebagai bekas Setiausaha Politik - oh! masih Setiausaha Politik - ia boleh dua jawatan kan, masih Setiausaha Politik, masih? Tidak ya, sebab takut yang lain pun hendak rasa jawatan Setiausaha Politik itu, sebab Yang Berhormat ada berkata kemunduran di Kelantan, adakah ini kenyataan ataupun apakah Kerajaan Kelantan di bawah PAS ini sudah buat, berapa tahun ini mentadbirkan Kelantan? Saya amat terkejut masih digunakan Kelantan itu mundur, apa Kerajaan Kelantan sudah buat? Minta penjelasan sebagai orang kuat kepada Menteri Besarlah?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, dia baru masuk dan yang kedua, 'bola tanggung' ini soalan remeh sangat, mudah sangat saya hendak jawab. Saya rasa kalau dia tidak faham, tidak payah jadi Ahli Yang Berhormat sinilah.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kenapa Kerajaan Kelantan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Yang Berhormat Rompin, ya.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Relekslah, releks. Kita petang ini sudah bersidang dengan keadaan yang releks, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sambung perbahasan saya.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Boleh saya bertanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Beri peluang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, sila.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Apakah satu konsep pihak Barisan Nasional, iaitu bila PAS memerintah negeri itu rakyat menjadi miskin misalnya Kelantan sekarang miskin sebab PAS memerintah. Sekarang Terengganu pula miskin sebab PAS memerintah, tidak lama lagi pula Pahang miskin bila PAS memerintah. Jadi, bila PAS memerintah negeri itu automatik jadi miskin. Apakah ini konsep yang difahami oleh Rompin?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya boleh jawab perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Bendanya ringkas sangat. Mengikut statistik keluarga paling miskin di Kelantan pada tahun 1990 terdapat 33,000 keluarga. Pada tahun 1998, telah menurun kepada 5,800 keluarga. Ini statistik rasmi daripada Kementerian Luar Bandar. Maknanya orang miskin dalam masa 9 tahun telah berkurangan dalam jumlah yang besar.

Tetapi yang saya bangkitkan di sini ialah anggapan setengah pihak terutama rakan-rakan daripada Barisan Nasional bahawa Kelantan sebuah negeri yang mundur dan secara relatif mereka mengaitkan Kelantan dengan kemunduran. Kalau Kelantan mundur mengapa tidak boleh bawa petroleum mendarat di Kelantan. Ini soalan yang saya hendak bangkitkan. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Rompin boleh berpuashati.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya, Yang Berhormat Arau silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Arau, ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat sebut anggapan. Yang Berhormat membaca atau tidak Laporan Ekonomi, tengok atau tidak indikator-indikator dari segi pendapatan perkapita, dari segi pendapatan sekeluarga. Saya rasa elok ditengok angka-angka itu dan kalau ditengok memang Kelantan adalah negeri yang termundur. Minta maaf, saya pun bukan dari negeri yang maju, di Perlis tetapi memang itu kenyataan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya faham itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan kewangan negeri Kelantan dan Perlis, Perlis adalah salah sebuah negeri yang tidak bayar hutang Kerajaan Persekutuan. Dia tidak mahu mengaku di sini dia miskin. Dalam Dewan ini sekejap tadi wakil dari Yang Berhormat bagi Arau ada sebut

royalti yang diberi kepada Terengganu mesti diagih kepada negeri lain, apa makna? Maknanya Perlis miskin juga tetapi berlagak dalam Dewan ini Perlis overloaded. Ya, silakan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempersoalkan soal keadaan rakyat di negeri, bukan soal negeri yang kita sebut tadi. Indikator dari segi keadaan hidup masyarakat di Kelantan dan Perlis, Perlis lebih baik daripada Kelantan, ini kenyataannya.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya sudah faham Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab sekarang. Sekarang ini kalau kita belajar ekonomi ada ilusi statistik (statistical illusion), di antara perkara yang berlaku dalam statistik ialah kita tidak mengambil kira pendapatan sebenar rakyat. Yang tidak ada ambil kira dalam menghitung pendapatan perkapita.

Saya rasa perkara ini tidak perlu dipanjangkan dan saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Arau tadi bahawa Yang Berhormat kata Kerajaan Pusat Barisan Nasional tidak adil kerana beri royalti ini kepada negeri yang terlibat dengan minyak sahaja. Saya cadang Presiden KeADILan boleh daftar yang wakil Arau .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya minta laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya pun rasa tidak adil juga. Saya mohon penjelasan dan penerangan daripada Kubang Kerian royalti minyak itu yang diterima oleh Kerajaan Pusat 95% berilah juga kepada Kedah kerana kawasan saya Kuala Kedah ramai orang miskin. Lebih seribu buah rumah duduk di tepi laut, mandi air longkang, jalan raya tidak ada di Kuala Kedah, terlalu miskin. Janganlah beri Kelantan sahaja sebab Kedah pun negeri yang cukup miskin. Negeri Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang bijak bestari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu dulu dia jawab. Kubang Kerian jawab dulu.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya jawab dululah. Itulah hakikat sebenar yang wujud dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita pejamkan mata untuk melihat hakikat ini dan kita bincang secara yang waras. Kalau ada mana tempat yang kita perlu bantu, kita bantu dan saya rasa yang Terengganu dapat 5% kita maintain, yang Sabah dapat beberapa persen kita maintain. Kalau negeri lain hendak juga daripada hasil minyak ini saya rasa kita boleh buat satu keputusan supaya tiap-tiap negeri mendapat satu perkongsian. Tidak payah potong Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sekarang ini duit minyak banyak habis pada perkara lain. Saya hendak baca Seksyen 3, Akta Kemajuan Petroleum 1974, bahawa perbadanan ini ataupun Petronas hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri sahaja dan Perdana Menteri sahaja yang boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya patut. Saya rasa peruntukan ini boleh dikaji semula. Kita boleh gilirkan, katakan tiga orang yang diberi mandat untuk mempunyai kuasa ini, kita gilir Menteri Besar tiap-tiap negeri selama satu tahun. Dengan itu kita ada satu perwakilan daripada Menteri-menteri Besar yang boleh bincangkan apa-apa tindakan yang hendak diambil oleh Petronas secara yang lebih objektif. Sekarang Perdana Menteri berkuasa penuh. Dia boleh mengarahkan wang Petronas digunakan sewenang-wenang dan ini membelakangkan kepentingan rakyat bukan sahaja Perlis tetapi seluruh negara.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin. Rompin berdiri.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia bagi kawan dia, Pokok Sena.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia terpaksa akur kepada Ketua Pemuda dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin duduk dulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia kena akur kepada Ketua Pemuda dia, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya wakil bagi Kubang Kerian. Tadi dia menyebut bahawa bagaimana satu peruntukan yang diberikan kuasa yang begitu besar dan meluas kepada Perdana Menteri untuk menentukan hal-hal berkaitan dengan soal Petronas, soal minyak. Adakah ini bermakna Yang Berhormat bersetuju bahawa selama ini keuntungan dan hasil daripada minyak Petronas itu telah pun diperolehi terus sebahagian besarnya anak beranak suku-sakat Perdana Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan buat tuduhan. Tidak baik.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya tidak beri jalan saya hendak sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya ingat tidak perlu jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya sudah buat keputusan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya hendak sambung perbahasan saya ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebelum itu saya hendak 36(6) ditarik balik dahulu sebelum prosiding diteruskan. Saya minta tolong duduk dulu Kubang Kerian saya ada 36(6). Saya minta tarik balik tuduhan, sangkaan jahat yang dibuat tadi. Saya ada *point of order* saya berhak ....

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Saya tanya, itu bukan tuduh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Point of order, I have the floor, dengan izin.* Ini aturan peraturan Parlimen saya minta ditarik balik tadi tuduhan dan sangkaan jahat yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Kita boleh berbeza pendapat Yang Berhormat, tetapi kita kena *maintain standard* kita Yang Berhormat dan kami baru boleh menghormati Yang Berhormat. *[Tepuk]*. Boleh kita menghormati sesama sendiri Yang Berhormat tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Boleh tarik balik.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tuduh tadi saya hanya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Jadi, kalau-kalau Yang Berhormat Kubang Kerian pula...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebagai...

**Tuan Mahfuz bin Omar:** .....mengatakan betul, itu baru betul.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya faham macam itu Tuan Yang di-Pertua, saya faham dia tanya...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebagai Ketua Pemuda PAS, Presidennya ada. Adakah ini standard PAS hendak tunjuk dalam Dewan ini.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ini tafsiran masing-masing Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini bukan tafsiran, ini semua kita dengar. Ini bukan tafsiran lagi. Kalau ini standard yang PAS mahu tunjuk melalui Ketua Pemudanya, Presidennya saya tidak taulah.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masih dalam peraturan...

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Saya sambung ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**...jadi Rompin saya minta duduk. Pokok Sena tarik balik boleh.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jelas tadi saya bukan menuduh, saya menanya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Semua orang faham, cuma saya rasa Yang Berhormat daripada Rompin dia tidak faham bahasa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin duduk dulu. Kalau itu fahamannya elok Pokok Sena duduk dan jangan ulanglah perkara ini. Sila teruskan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tidak payah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta Kubang Kerian juga jangan sentuh teruskan sahaja.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi tuduhan dan sangkaan jahat itu saya ada bawa satu Standing Order 36(6).

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Dia yang mulakan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau tidak hendak tarik balik ini menunjukkan standard yang PAS, Ketua Pemudanya meletakkan dalam Dewan ini. Kalau ini caranya PAS mengajar tidak mengapalah kita akan ikut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak mengapa Rompin, duduk.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Sabar, sabar, sabar. Puasa ini puasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul ini standard PAS letak dalam Dewan ini thank you very much, dengan izin.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat Rompin mulakan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jangan marah saya nanti. Saya ini bukanlah tua sangat masih ada darah muda juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya boleh menuduh juga.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuduh, kami tuduh balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini bulan-bulan puasa....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tapi dia tidak tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ini buang masa semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta dia tarik balik.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya membawa balik standing order, saya tidak puas hati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin duduk.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Dia tidak puas hati tidak apa. Mana ada orang puas hati semua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa tidak apa pula, biar Speaker buat ruling.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Dia seorang tidak puas hati apa susah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Satu sangkaan jahat yang dia buat elok dia tarik balik.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Apa tidak puas hati, baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin, Rompin duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Relax, relax. Tadi saya sudah sebut relax.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah buat keputusan....

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Relaxlah hari ini puasa, hari akhir kita bersidang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...Pokok Sena jangan menyentuh perkara seperti itu dan juga Kubang Kerian terus cakap perkara lain jangan benda-benda yang tadi.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa satu kos yang besar akan berlaku jika sekiranya isu pendaratan gas ini tidak

diputuskan secara bijaksana. Jadi saya sangat berharap dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Ramadan ini atas kepentingan rakyat Malaysia semua pihak supaya satu pertimbangan tanpa prejudis politik, prasangka politik dapat diambil bagi kepentingan negara untuk selama-lamanya dan ini akan direkod service kita kepada rakyat yang mengatasi pertimbangan politik yang begitu penting untuk kemajuan negara kita.

Yang kedua saya hendak dapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya difahamkan bahawa ada satu kawasan petroleum dan gas cecair yang bersempadan di antara Malaysia dan Vietnam. Kawasan ini telah digazetkan sebagai kawasan keselamatan yang menandakan bahawa operasi pengeluaran akan berjalan. Adakah ini benar dan apakah pula ada rezeki yang boleh mengalir kepada rakyat Kelantan, Perlis insya-Allah mungkin dapat kemudian.

Yang akhir sekali, semalam kita ada membincangkan tentang subsidi kepada gas cecair yang amat penting bagi membolehkan pengguna yang berpendapatan rendah mendapat harga yang sewajarnya. Dalam konteks ini di beberapa negara tertentu pengurusan ataupun pengeluaran LPG ini dijalankan oleh syarikat-syarikat yang kecil, bukan syarikat gergasi. Umpamanya di Thailand syarikat-syarikat kecil telah diberi galakan oleh kerajaan Thai untuk melaksanakan industri ini dengan tujuan untuk memotong kos sebagaimana mungkin kos akan meningkat bagi operasi syarikat-syarikat yang lebih besar dan dengan ini dapat mengurangkan subsidi yang patut diberikan oleh kerajaan kepada industri pengilangan gas LPG ini. Dalam masa yang singkat ini saya tidak dapat meyakinkan diri saya bahawa rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini tidak membawa satu kesan yang negatif kepada kehidupan rakyat seluruhnya.

Saya berasa agak kesal kerana walaupun telah dibangkitkan di awal persidangan ini supaya beberapa urusan lain dapat dikemudiankan bagi memudahkan semua ahli Yang Berhormat meneliti rang undang-undang yang dibentangkan dalam persidangan ini. Oleh kerana itu, saya suka merakamkan keraguan saya kepada kesan-kesan negatif yang mungkin wujud terhadap industri dan juga kedudukan rakyat jelata dalam hubungan dengan pindaan akta jualan yang kita bincangkan pada petang ini. Saya ucap terima kasih, selamat berpuasa, selamat hari raya. Kita temu lagi sekian, assalamualaikum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Rompin, kemudian Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

**3.50 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong rang undang-undang yang bernama satu Akta meminda Akta Cukai Jualan 1972.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kewangan, nampak prestasi baik, Timbalan Menteri baru, tahniah. Timbalan Menteri baru Kementerian Kewangan. Orang Selangor pun bangga, alhamdulillah. Prestasi yang baik. Kita merasa amat sesuai dibentangkan Akta ini. Saya yakin untuk mengemaskini dan mengukuhkan lagi Akta Cukai Jualan ini. Banyak kita lihat dari segi peruntukan-peruntukan yang baru, sudah semestinya untuk memperbaiki Akta yang sedia ada.

Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang *sales tax*, tentang Akta Cukai Jualan ini, ini kalau dapat ditimbang oleh kementerian bahawa bila diletakkan harga jualan tetapi harga jualan ini kadang-kadang tidak ada meliputi cukai peruntukan untuk *sales tax* dengan izin, atau *service tax* sekali. Kadang-kadang katakanlah harga RM5.00 atau RM10.00 harga barang, tetapi bila hendak bayar lebih daripada RM5.00 atau RM10.00. Ada saya terbaca di dalam satu artikel pengguna, ada mengatakan bahawa mengapa tidak diminta kepada penjual-penjual meletakkan sekali

harga yang dipamerkan itu meliputi dengan *sales tax* dengan izin, dan juga *service tax* dimasukkan sekali dengan harganya.

Mungkin kementerian dapat menimbangkan tentang perkara yang saya katakan tadi. Saya hendak berbalik kepada perkara yang kedua. Kalau ditengok dalam Akta Pindaan Seksyen 3(b) berhubung dengan petroleum menapis atau mensebatikan dan termasuklah menambahkan apa-apa bahan asing.

Tentang isu-isu petroleum banyak diperbahaskan, tadi kawan saya yang baru memasuki Parlimen, daripada Kelantan yang mempersoalkan tentang kuasa yang diletakkan kepada Perdana Menteri. Kuasa itu diletakkan kepada ketua kerajaan kerana semua kita tahu petroleum diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tak kan kuasa itu hendak diberi kepada Menteri Besar Kelantan atau Menteri Besar Terengganu. Tunggalah nanti giliran kalau jadi Perdana Menteri, kalau sampai. Janganlah awal sangat hendak jadi Perdana Menteri, sebab dia masa itu...., saya tanya dia tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga, sama ada dia masih lagi Setiausaha Politik Menteri Besar, dia masih bercakap lagi.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *Point of Order*, 36(1)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Rompin, terus kepada ..

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bercakap tentang Petroleum. Saya bercakap apa yang dikatakan, apa yang dipersoalkan mengapa Petroleum itu diletakkan di bawah Perdana Menteri sebab Petronas itu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Ketua di Jabatan Perdana Menteri ialah Perdana Menteri. Saya tidak faham. Bermakna adakah setuju di Kelantan ada jabatan di kerajaan di Kelantan diletakkan di bawah Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian. *[Ketawa]*

Kalau kita hendak agih-agihkan kuasa, mungkin yang sekarang ini dieksport ke Kedah, letak separuh kuasa bagi kepada Kedah sebab dia juga merupakan....., letak dia di bawah Presiden PAS yang duduk di Kedah. Mengapa tidak kuasa-kuasa Kelantan di letakkan juga di bawah Presiden PAS yang duduk di Kedah. Tidak itu caranya. Sebab itu saya rasa tidak perlulah kita hendak

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:**..... Saya bercakap tentang petroleum. Kuasa ini mengapa ia diletakkan di bawah petroleum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian minta penjelasan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Penjelasan sedikit dari Yang Berhormat bagi Rompin. Malam tadi tidak sahur kot. Kuasa mana-mana perkara pun yang boleh memberi kebaikan kepada negara, kita boleh pinda. Kuasa bukan mutlak di bawah Perdana Menteri seorang, boleh lantik Menteri Kewangan kalau tidak mahu Menteri Besar. Sekurang-kurangnya ada tiga orang berkongsi kuasa. Sekarang kita bercakap tentang kuasa yang dikongsi, bukan kuasa mutlak. Sekarang kuasa mutlak kepada Perdana Menteri, dia boleh salah guna kuasa. Saya bukan kata Perdana Menteri salah guna kuasa tetapi dia boleh salah guna kuasa.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia sebagai ketua kerajaan, begitu juga kita ada kuasa di bawah Menteri Besar Kelantan. Mengapa tidak semua bidang-bidang kuasa dalam Menteri Besar kita agih-agihkan, dua tiga orang.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Tampin minta penjelasan.

**Tuan Shahziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat Rompin sahabat saya, saya hendak tanya sedikit. Kita ini dalam Kerajaan Barisan Nasional selalu ada parti-parti komponen lain. Kita pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini ada kepercayaan atau tidak dengan Perdana Menteri kita, dengan pucuk pimpinan parti ini. Saya tidak pastilah kalau dalam Barisan Alternatif ini ia ada banyak.... ada PAS, ada KeADILan dan sebagainya mungkin bercelaru pandangannya, tetapi Barisan Nasional, saya rasa kita tidak ada masalah. Cuba Yang Berhormat Rompin beri penjelasan dengan lebih lanjutlah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, setuju. Bila kita beri, serah kuasa kepada Perdana Menteri, kuasa ini bukan diberi kepada peribadi tetapi pada jawatan itu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kawan lama.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagi saya ulas, lepas itu saya beri kepada kawan lama. Saya ulas sekejap. *[Ketawa]* Boleh-boleh Insya-Allah. Kawan lama tiada masalah.

Betul, bila kita beri kepada Perdana Menteri, bukan Mahathir Mohamad tetapi Perdana Menteri. Ada perkara yang beliau boleh rujuk kepada Kabinet, beliau rujuk kepada Kabinet, sebagai ketua pentadbir. Macam Terengganu baru-baru ini belum lagi angkat sumpah, ambil alih kerajaan, sudah ambil alih bangunan, apa tu? *[Disampuk]* Belum lagi, kan?.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Boleh

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh, kawan lama, tetapi sebelum saya beri ini saya hendak tanya, mengapa Yang Berhormat dihantar balik ke Kedah *[Ketawa]* Saya hendak tanya kalau dapat jawapannya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebab, saya boleh menang di mana-mana *[Ketawa]* Saya juga boleh menang di Rompin Insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dengan perpaduan Barisan Nasional seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tampin tadi, sebab itu Exco yang dilantik di Negeri Sembilan ada pihak yang tidak setuju, akhirnya terpaksa letak jawatan. *[Ketawa]* Itulah lambang perpaduan Barisan Nasional Negeri Sembilan, setuju atau tidak? ....Hanya ialah ketua wanita *[Ketawa]*.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat itu pindah ke Kedah kerana Yang Berhormat boleh menang di mana-mana. Saya rasa ada lagi perkara-perkara tertentu di Kelantan, tidak perlu saya hujah saya rasa. Ya dalam bulan puasa tidak perlulah, sebab kawan saya. *[Ketawa]*.  
**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Menteri

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sila Yang Berhormat Menteri, dari Perlis.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Rompin sama ada dia setuju atau tidak atau sedar atau tidak bahawa dalam Jabatan Perdana Menteri, dia ada menteri-menteri yang membantu, dia ada menteri yang dipertugaskan khas untuk membantu dalam bidang-bidang korporat khususnya syarikat-syarikat tertentu milik kerajaan. Begitu juga dalam Jabatan Perdana Menteri dia ada EPUnya, badan yang menyelidik, menyiasat sama ada sesuatu projek itu wajar atau tidak, atau berdaya maju atau tidak. Ini bermaknanya ini

di bawah jabatan dan jabatan ini adalah satu jabatan yang profesional, diuruskan secara profesional. Jadi sebarang usaha ataupun cadangan untuk melabur modal sememangnya bukan diputuskan oleh Perdana Menteri, tetapi dibuat dengan menjalankan satu kajian yang mendalam dan dibantu oleh menteri-menteri yang berkelibar di dalamnya. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bersetuju. Cara Barisan Nasional. Satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan itu tetap dengan nasihat dan kajian daripada pakar-pakarnya. Itu kita buat dalam Barisan Nasional. Ini belum apa-apa lagi sudah ambil alih bangunan.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Minta jalan

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini saya kena hormat Ketua Pembangkang ini. Tapi ini Yang Berhormat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .... ini daripada pandangan Yang Berhormat, bukan disuruh oleh DAP [Ketawa]

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Pendang minta jalan [Ketawa]

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Saya minta jalan untuk bertanya, penjelasan, apakah keputusan yang dibuat oleh Petronas untuk *bail out* syarikat konsortium perkapalan itu dibuat berasaskan kepada perundingan dan perbincangan dan *recommendation* yang diberikan oleh pakar-pakar yang ada di dalam Jabatan Perdana Menteri. [Tepuk]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, tahniah sekali sebagai Ketua Pembangkang. Saya turut hormat sebagai Ketua Pembangkang. Saya yakin apa jua yang dibuat oleh Petronas dalam isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mereka yang menilaikan harta-harta yang dijual-beli daripada satu penganalisa, penilai dari luar negara. Ada *third party appraisal of the value* dengan izin, penilaiannya. Saya lupa namanya, mungkin Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri boleh memberitahu siapa yang menilai asset yang kita lantik itu. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Padang Besar. Buat penjelasan?

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tidak, saya tidak boleh buat penjelasan, saya hendak minta penjelasan. Mungkin Yang Berhormat bagi Rompin tidak sedar bahawa penilaian dibuat oleh pakar-pakar perunding yang khusus dan yang pakar dalam bidang ini tidak sewenang-wenangnya ditetapkan harga. Sememangnya harga yang ditetapkan untuk pengambilalihan oleh syarikat perkapalan ini adalah di bawah paras yang ditentukan oleh pihak-pihak yang tertentu, tetapi soal yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat ialah sama ada kita sedar atau tidak bahawa industri-industri dalam negara ialah industri-industri yang strategik seperti *airlines*, *shipping* dan beberapa industri lain dan kita tidak sewenang-wenangnya mengajak syarikat-syarikat luar yang datang untuk mengambil alih secara lelong syarikat-syarikat strategik negara kita.

Kita mencari jalan berusaha di mana sahaja syarikat yang bermasalah berusaha untuk membantu oleh kerana kita tidak mahu negara kita ini tergadai seperti mana pembangkang sentiasa meminta pihak-pihak luar untuk membantu, begitu juga yang

berlaku di Thailand dan Indonesia sehingga hari ini masalah ini akan menjadi satu masalah jangka panjang kepada negara-negara berkenaan. Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dari segi isu bail-out ini kita jangan terbawa-bawa oleh agenda-agenda Barat. Barat tidak mahu kita memulihkan ekonomi negara kita. Sengaja mengetengahkan konsep-konsep kononnya bail-out, apa salahnya kita menyelamatkan syarikat negara kita sendiri terutamanya syarikat ini penting dan strategik untuk kepentingan ekonomi negara kita.

Kalau kita lihat dari segi nilai, nilai yang dibeli jauh lebih rendah, pertama ditentukan oleh satu syarikat penilai luar negara – takut bekas Ketua Eksekutif IKD hendak bantu, sebab dia tahu, IKD semua tahu belaka dahulu ini. Tumpat, tetapi apabila dia di sebelah sana dia lain lagunya, kalau dahulu di sebelah sini dia main Hindustan, dia tukar lagu ghazal pula.

Nilainya amat rendah, pertama, penilaian dibuat oleh satu syarikat asing di United Kingdom, mereka ini independent, tersendiri, tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Yang kedua, nilai yang diputuskan itu amat jauh lebih rendah daripada nilai syarikat itu semasa dibeli atau dinilai sebelum kegawatan ekonomi dahulu.

Yang ketiga, ini kita menyelamatkan satu syarikat tempatan dan menyelamatkan pekerja-pekerja kita, Malaysia. Jangan kita terbawa oleh agenda Barat, cerita-cerita bail-out, ini yang menyelamatkan satu syarikat....

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Minta penjelasan. Sepatah sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya belum habis, saya menghormati Ketua Pembangkang, hendak menjawab apa yang dibangkitkan. Kalau saya – saya menjawab menghormati Ketua Pembangkang, berilah saya habiskan penghormatan saya menjawabnya. Melainkan Yang Berhormat tidak menghormati ketua Yang Berhormat sendiri.

Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang kita berbangga juga, kalau dahulu DAP yang ketuanya sekarang daripada PAS, kita bangga ada perubahan rentaknya, tetapi kalau rentaknya kadangkala dia main lagu DAP, itu yang kita kurang setuju sedikit.

Adalah tidak benar bahawa kerajaan bail-out, salah guna, selewengkan wang rakyat yang dinyanyi-nyanyikan oleh PAS itu tidak benar sama sekali. Saya hendak berbalik semua kepada isu tadi bahawa kuasa untuk mentadbirkan Petronas ini diberikan kepada Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan dan dibantu oleh pegawai-pegawai, menteri-menteri, jabatan-jabatan yang ada seperti EPU. Tidak timbul apa yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu tentang minyak, Terengganu hendak naikkan dia punya premium, royaltinya 5% kepada 20%, minta tambah sampai 20%. Pengerusi Perhubungan saya ada di sini, di Pahang, Tan Sri Khalil, beliau tahu minyak yang sebenarnya, dia punya *reserve* luar itu sampai juga ke perairan Pahang. Mengapa hanya diberikan tambah lagi bantuan, kemudahan diberi kepada Terengganu sahaja, mengapa tidak Pahang, betul ya? Perlis pun minta. Adakah PAS hanya mahu membela Terengganu sahaja oleh kerana di bawah perintahnya, dia tidak mahu membela negeri-negeri yang lain?

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Beri peluang sedikit, kawan baru. Kita sebenarnya minta ditambah kerana kita lihat sepanjang dua puluh tahun minyak ada di Terengganu UMNO tidak berjaya untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Sehingga sekarang rakyat Terengganu nombor dua termiskin di Malaysia walaupun negerinya kaya

kerana tidak berjaya. Sebab itu kita minta tambah supaya kita dapat samakan kedudukan rakyat kita di seluruh Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita hendak tambah, bagaimana negeri lain pula, yang bukan kecil. Kita baca dalam perbelanjaan semalam dalam akhbar, RM500 juta ke RM600 juta peruntukan bantuan daripada minyak sahaja. Di Pahang kami tidak dapat, kalau diminta tuntutan mengapa tidak di negeri lain, bermakna mencukupilah hanya 5% untuk Terengganu boleh mendapatkan premium royalti daripada petroleum.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit. Kalau Pahang tidak dapat sedangkan dia berhak, hendak salahkan siapa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak menyalahkan sesiapa, maknanya kalaulah kita terima apa yang ada kita sanggup korbakan, kita sayangkan Terengganu juga, kita kata mengapa ditambahkan 5% ke-20% kepada Terengganu, bagaimana Pahang? Tetapi kalau Terengganu bersetuju apa yang ada, kita bersetuju. Kita cuba cari pendapatan yang lain.

Bekas Menteri Besar saya di Pahang, dia mentadbirkan negeri kami dengan baik, dengan hasil-hasil daripada lain, kita boleh mentadbir negeri Pahang dengan baik, tidak ada masalah. Tetapi bila Terengganu minta tambah, mengapa tidak kita di Pahang juga, tetapi kalau Terengganu boleh terima apa yang ada, kita terima terus apa kaedah yang ada sekarang ini, kita tidak menuntut sebarang tambahan. Terima kasih, senyap sudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa sedikit, yang terakhirlah sebab hari pun sudah pukul 4.00 petang kita kena selesaikan juga bill kita pada hari ini. Saya sekali lagi ada juga hendak bercakap tentang kemiskinan yang tadi cuba hendak dipolitikkan tetapi kita tangguh pada hari lain, hari sudah pukul 4.00 dan kita semua pun hendak selesaikan bill ini pada hari ini. Oleh itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana mengemukakan Rang Undang-undang DR.32/99 pada hari ini.

Kalau saya hendak ulas banyak, pertama kali saya ini hormati juga profesional tetapi dalam engineering, ada *land surveyor* seorang, inilah pertama kali saya dengar '*illusion of statistic*' saya tidak pernah lagi belajar di universiti ada '*illusion of statistic*' macam *mirage*, bila nampak air bukan air, *mirage of lake*, in *statistic* ada dia punya *illusion statistic*.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Bolehkah dapatkan penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biarlah tinggal begitu sahaja, tidak perlu penjelasan. Saya sekali lagi menyokong dan saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia sudah habis. Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.08 ptg.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 ini.

Bukit Bintang telah pun menyatakan bahawa mengenai beberapa isu tentang akta ini. Sepertimana yang saya katakan tadi bahawa mulai daripada 1 Januari 2000 kadar duti 20% akan dikurangkan, 20% hingga 50%. Jadi perjanjian ini juga memerlukan supaya semua duti import dalam bentuk spesifik untuk ditukarkan kepada bentuk *ad valorem*.

Jadi oleh kerana itu keperluan untuk menguruskan duti ini juga melibatkan juga produk petroleum, bukan sahaja yang lain, yang pada masa ini mempunyai duti pada kadar

spesifik. Jadi kadar duti barangan ini adalah tinggi jika ditukarkan kepada bentuk *ad valorem* ia akan melebihi 50%. Jadi penurunan kadar duti barangan ini di paras yang tidak melebihi 20% akan mengakibatkan Kerajaan Persekutuan mengalami kehilangan hasil lebih kurang RM1.9 bilion.

Jadi, kerajaan dalam kajiannya telah pun mendapati bahawa duti dalaman yang wajar dikenakan ke atas barang-barang petroleum adalah dalam bentuk cukai jualan. Untuk memudahkan pelaksanaan mekanisme kawalan harga yang juga dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin tadi ke atas barangan petroleum yang mana perlu dikekalkan untuk menjamin kestabilan harganya, cadangannya ialah supaya duti import dan duti eksais atas barangan petroleum yang terlibat dimansuhkan terus dan sebagai ganti barangan ini dikenakan cukai jualan dalam bentuk spesifik pada kadar yang sama dengan kadar import duti dan duti eksais yang dimansuhkan itu. Ini juga dibangkitkan juga oleh Tambun tadi. Apabila kadar duti import dan duti eksais kita mansuhkan, jadi kita kehilangan hasil (*revenue*) tetapi apa yang kita buat, kita tukarkannya kepada cukai jualan. Dengan cara itu kerajaan tidak rugi apa-apa dan mengenai AFTA kita telah *fulfill* AFTA punya *requirement*.

Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk melaksanakan cukai jualan ke atas barangan petroleum dalam bentuk spesifik inilah jadi wajar supaya beberapa pindaan dibuat ke atas Cukai Jualan 1972 ini.

Kubang Kerian telah pun menanya pada saya tadi mula mengenai takrif petroleum dan dia bersangkut pula dengan Akta Kastam 1972. Saya akan bacakan apabila sampai ketikanya. Jadi cukai jualan atau pengilang, Bukit Bintang telah menanyakan, akan menaikkan kos pengeluaran, cadangan cukai jualan digantung sementara atas barangan tertentu. Jadi ini saya katakan tadi untuk kemudahan pengguna, kerajaan telah menurunkan cukai import atas barang-barang pengguna yang tertentu. Selain daripada itu sepertimana saya katakan tadi, kita mansuhkan kedua-duanya tadi tetapi kita tukar saja dengan cukai jualan.

Cadangan supaya had pengecualian dinaikkan lagi daripada had kelulusan RM100,000 sebulan yang ada sekarang ini, had pengecualian daripada kena cukai bagi pengeluaran yang telah melebihi RM100,000 setahun adalah berpatutan untuk mengecualikan pengeluaran kecil (IKS) yang diperkatakan tadi daripada cukai jualan ini. Jadi tidak sangat membebaskan IKS yang berkenaan.

Gaya mencadangkan supaya pemansuhan duti import dan duti eksais ditangguhkan sehingga ianya dibincangkan dengan negeri Sarawak dan negeri Sabah. Perbincangan sedang berjalan dan untuk memenuhi kehendak AFTA, duti import dan duti eksais atau petroleum perlu dimansuhkan mulai 1 Januari 2000. Bagi Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan, hasil duti eksais dan duti import daripada barangan petroleum di Sabah dan Sarawak ialah hasil negeri dan dimansuhkan hasil ini kata Yang Berhormat dari Gaya tanpa pampasan akan mengakibatkan Sabah dan Sarawak kehilangan hasil. Jadi seperti mana yang saya katakan tadi, perbincangan sedang berjalan dan negeri Sabah dan Sarawak akan diberi ganti kehilangan hasil yang dialami akibat daripada pemansuhan duti eksais dan duti import barangan petroleum dan kerajaan negeri tidak akan mengalami apa-apa kerugian mengenai perkara ini.

Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan mengenai beberapa tan import barangan petroleum. Saya rasakan oleh kerana saya tidak ada data pada masa ini, jadi saya akan beritahu secara bertulis dan adakah kadar cukai jualan yang akan dikenakan ke atas petroleum sama dengan kadar duti import yang dimansuhkan itu. Jadi tujuannya hanya untuk mengganti hasil yang hilang oleh sebab pemansuhan yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menanyakan sama ada subsidi atau barangan petroleum akan dikekalkan dan jawabnya ya. Dan mengenakan cukai jualan



sebagai ganti duti import bertentangan dengan kehendak AFTA, ini tidak bertentangan dengan AFTA. Seperti mana saya katakan tadi, AFTA membenarkan sesuatu negara untuk mengenakan cukai jualan atas apa-apa barangan pun mengenai barangan yang dieksport. Barangan ini adalah dikecualikan daripada cukai jualan. Jadi mekanisme telah ada dan AFTA membenarkannya.

Mengenai petroleum revenue dibandingkan *revenue* keseluruhan yang dikatakan oleh Tambun tadi, '*federal revenue reliance*'nya ialah tahun 1990 petroleum *revenue* pada keseluruhannya ialah 29.1%, 1991 - 32.3%, 1994 - 19%, 1995 - 18.3%, 1997 - 18% dan 1998 - 20%.

Arau telah menanyakan tentang sama ada kerajaan akan memberi juga royalti kepada negeri Perlis dan negeri yang lain. Jadi adalah tidak wajar bagi royalti minyak diberikan kepada semua negeri yang tidak menghasilkan petroleum. Memandangkan hanya Kerajaan Persekutuan yang berhak terhadap royalti seperti yang termaktub di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 sepertimana yang dikatakan oleh Kubang Kerian tadi. Dividen dan royalti daripada penghasilan petroleum merupakan hasil Kerajaan Persekutuan yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan yang diagihkan kepada semua negeri dalam bentuk geran pembiayaan dan peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan ini, menurut peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum, Petronas akan menandatangani perjanjian perkongsian dengan negeri di mana tempat minyak untuk pembahagian pembayaran royalti minyak itu berada. Jadi kalau Petronas tidak menandatangani dengan Arau maknanya negeri Perlis tidak ada minyak di situ.

Tentang takrif ini, saya rasakan oleh kerana Bahasa Inggeris, jadi saya akan bagi secara bertulis terus takrif ini.

Tuan Yang di-Pertua mengenai pertanyaan Kubang Kerian dan juga rakan-rakan yang lain, kawasan mencari gali yang dimaksudkan oleh kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand yang terletak di kawasan pelantar benua yang bertindih yang bersempadan dengan kedua-dua buah negara. Jadi kawasan tersebut sedang dimajukan oleh pihak berkuasa bersama di antara Malaysia-Thailand (PBBMT) atau Malaysian Thailand Joint Authority yang diperbadankan di bawah Akta PBBMT tahun 1990. Jadi ini merupakan sebuah badan usaha sama Ketua Kerajaan Malaysia dan juga kerajaan Thailand yang telah diberi hak eksklusif terhadap sumber-sumber petroleum di kawasan tersebut. Oleh kerana kawasan ini bukan setakat 3 *nautical mile*, kata Arau tadi, tetapi telah diubah kepada 12 *nautical mile* tetapi kawasan ini lebih daripada 120 *nautical mile*, maknanya kawasan ini bertindih di antara Thailand dan Malaysia.

Dari segi *security of gas supply* pula, ini mengenai *gas pipeline* yang di Songkla tadi, jelas bahawa dengan pendaratan bekalan gas dari GDA pada satu *landing point* baru di Songkla, bekalan ke Semenanjung Malaysia adalah lebih terjamin dengan pengurangannya pergantungan kepada *landing point* yang sedia ada di Kerteh. Dengan adanya *landing point* yang terbaru tersebut *lube* bagi bekalan gas akan disempurnakan melalui sambungan Trans Malaysian Thailand Pipeline dari Songkla, Thailand ke Bukit Kayu Hitam, Perlis dan seterusnya akan bersambung dengan saluran Trans Gas Installation PGU 3 yang dikatakan oleh Kubang Kerian dan juga dari Jeli semalam.

Projek tersebut juga akan merupakan satu langkah ke arah untuk mewujudkan Asian Gas Grid. Jadi memandangkan Petronas terlibat dengan urusan penyaluran gas dari GDA, kerajaan boleh memastikan supaya sebagai satu balasan, syarikat-syarikat Malaysia termasuk Petronas dibenarkan mengambil bahagian di dalam projek penghantaran gas GDA, petrokimia dan penjanaan elektrik di Thailand. Jadi usaha-usaha untuk meningkatkan pakatan strategik seperti ini di dalam aktiviti hiliran petroleum di Thailand serta menggalakkan kemasukan di dalam pasaran Thailand melalui projek usaha sama penghantaran gas GDA, petrokimia dan perjanjian elektrik akan dapat memperluaskan

potensi pasaran bagi bahan petrokimia ataupun tempatan. Jadi pewujudan pakatan strategik sedemikian akan juga memberi keuntungan kepada Malaysia selari dengan matlamat kerajaan untuk memaksimumkan faedah daripada penjualan gas dari GDA.

Tadi Kubang Kerian juga menanya tentang Vietnam dan juga kerajaan Malaysia. *Modus operandi* yang serupa akan dilakukan di mana kita akan buat joint venture di antara kedua-dua buah negeri. Jadi usaha untuk membangunkan kawasan pembangunan bersama tersebut sedang dilaksanakan dengan kerajaan Malaysia-Thailand dan kerajaan Malaysia-Vietnam. Kerajaan tempatan atau negeri tidak terlibat dengan usaha sama tersebut, sebagaimana saya katakan tadi ia terkeluar terus daripada zon iaitu 12 *nautical mile*, 20 *nautical mile* dan yang tepatnyalah ialah 120 *nautical mile*...

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya, sedikit sahaja, yang Vietnam Malaysia itu ia akan didarat di Vietnam jugakah? Telah beroperasi atau belum lagikah?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Sebenarnya perjanjian belum lagi dibuat tentang Malaysia di Vietnam. Malaysia dan Thailand, perjanjian telah dibuat dan landing rightnya di Thailand tetapi *pipe line gas* itu sedang dibina, itu tetapi gasnya belum ada. Maknanya masih lagi *preliminary stage* itu.

Yang Berhormat bagi Rompin telah menanyakan mengenai supaya mencadangkan harga yang dipamer oleh penjual atau barang ialah yang meliputi unsur cukai yang dikenakan. Jadi, ini dibenarkan untuk dilakukan bagi cukai perkhidmatan sahaja seperti cukai perkhidmatan bagi sewa bilik hotel, cukai makan di hotel dan sebagainya. Jadi, harga yang dinyatakan ialah *tax inclusive*.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga ini telah pun saya jawab tadi. Yang Berhormat bagi Setiu mencadangkan supaya simpanan minyak negara dijaga supaya tidak dicuri. Jadi, ini juga masalah teknikal kerana saya mengkaji masalah cukai, jadi agak terkeluar. Tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, kita jangan tersalah anggap bahawa 5% yang diberi royalti kepada negeri, 5% juga kita beri royalti kepada Federal, jadi 10%; negeri dapat 5%, Federal dapat 5%, jadi 90% ialah antara Petronas dengan pencari gali. Jadi, ini ada pula ratenya, kalau telaga itu lama murah sedikit ratenya, kalau telaga itu baru, mahal sedikit rate dan berbagai-bagai lagi. Ini perkara-perkara teknikal yang tidak perlu dibincangkan.

Sama ada program masyarakat madani masih dipakai, ini sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa barang-barang cukai yang dikenakan seperti rokok, beer dan sebagainya adalah barang yang dinaikkan harga cukainya dan kita pula melabelkan seperti macam di Genting dan sebagainya. 'Orang Islam tidak boleh masuk' kerana sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa negara kita...

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Baling minta penjelasan.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan pengecualian cukai jualan terhadap minuman keras yang telah dibekalkan kepada Angkatan Tentera Malaysia kerana alasan yang diberikan ialah bekalan tersebut untuk mereka yang bukan Islam. Tetapi kita tahu kemungkinan kemudahan telah juga diambil kesempatan oleh mereka yang Islam. Jadi, apakah pihak kementerian atau pihak kerajaan ingin mengkaji semula atau menimbang semula pengecualian cukai terhadap minuman keras kepada angkatan tentera kita?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Baling. Dahulu kita ada satu buah kedai dinamakan NAFI di kementerian dan NAFI

ini memang betul, dia punya jualannya lebih murah daripada luar, tetapi sekarang telah digantikan dengan PERNAMA.

Jadi, PERNAMA sekarang ini setahu saya, item-item yang dijual di luar dan di dalam serupa juga sekarang ini. Jadi, tidak ada attraction untuk kawan-kawan yang di luar untuk membeli daripada PERNAMA ini. Saya cuba akan tengok balik semula Yang Berhormat sama ada minuman keras ini dikecualikan atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Rompin berdiri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan isu cukai dan PERNAMA. Kalau kita ingat masa kecil-kecil dahulu bila kita ikut saudara mara kita yang berkhidmat dengan angkatan tentera, pergi ke kedai PERNAMA ini, harganya amat baik sekali kalau dibandingkan di luar. Adakah kerajaan mahu timbang balik beri sedikit macam keistimewaan kepada kedai-kedai PERNAMA ini supaya bila mereka beli barang di situ nampak dia lebih murah daripada kedai yang di luar, kerana mereka ini merupakan warganegara kita yang menyabung nyawa untuk menjaga keselamatan negara kita. Adakah kerajaan boleh timbang? Saya tidak mahu keputusan sekarang, sekurang-kurangnya dapat kementerian timbang sedikit tentang perkara ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Saya akan bawa perkara ini ke kementerian berkenaan untuk membuat tindakan. Jadi, oleh kerana di tempat-tempat luar selain daripada PERNAMA ini, saya katakan tadi bahawa cukai-cukai ini terlampau tinggi untuk mengawal dari segi tembakaunya, minuman keras dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kepong berdiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai PERNAMA. Memang pihak kerajaan, Kementerian Kewangan sudah timbang tidak memberi kemudahan seperti yang diberi kepada NAFI dan saya pun pernah berkhidmat dengan Angkatan Tentera, saya ada menikmati kemudahan-kemudahan yang diadakan di dalam NAFI dan memang cadangan ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, apa salahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia doktor perubatan di kem tentera.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh tembakkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau Yang Berhormat bagi Rompin di depan memang boleh. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang boleh, akan kena sasaran juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, tadi ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia kata akan mengambil tindakan dan setahun saya ini bukan satu jawapan kerana pihak kementerian sudah mempertimbangkan dengan panjang lebar dan membuat keputusan itu, kemudahan-kemudahan ditarik balik dan bolehkah Yang Berhormat dengan

serius untuk mempertimbangkan, bukan untuk mengambil tindakan kerana saya percaya tidak akan ambil tindakannya [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tindakan beri tahu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan beritahu. Untuk mempertimbangkan, untuk memberikan insentif ini seperti mana yang diberi pada masa dahulu semasa saya berkhidmat dengan angkatan tentera. Yang Berhormat bagi Rompin tidak pernah ada di angkatan tentera dan sia-sia sahaja apa yang dia cakap oleh kerana tidak mengikut pengalaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Seperti mana saya katakan tadi bahawa PERNAMA dengan kedai luar tidak banyak lagi perbezaannya. Jadi, oleh kerana permohonan daripada Yang Berhormat bagi Rompin itu kita akan ambil tindakan susulan sama ada untuk mengubah polisi atau bagaimana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi.

Cukai berganda melibatkan kenaikan kos yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu. Cukai yang dikenakan tidaklah begitu tinggi walaupun berganda, cukai jualan ialah sebanyak 10% sahaja kerana kebanyakan barang duty import telah pun diturunkan harganya dan ini ialah mengikut kehendak AFTA supaya dapat kita turunkan barang-barang itu kepada 50% ataupun 20% dan royalti berdasarkan kepada 'goodwill' bukannya kepada aktiviti-aktiviti hiliran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya tentang perbahasan yang telah dibincangkan sebentar tadi, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang dibentangkan di persidangan Dewan ini sudah diselesaikan. Jadi bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Timbalan Yang di-Pertua dan saya sendiri, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam persidangan Dewan kali ini yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada kami.

Saya bagi pihak ketiga-tiga kami, ingin juga mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Berhari Raya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam, Merry Christmas ingin saya ucapkan kepada mereka yang beragama

Kristian. Kepada semua yang berada di Dewan ini diucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru, tahun 2000. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sekarang sehingga satu masa yang akan ditetapkan nanti. *[Tepuk]*

*Dewan ditangguhkan pada pukul 4.33 petang.*